

Bil. 13

**Selasa
3 Jun 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
--	--------------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997	(Ruangan 16)
Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997	(Ruangan 35)
Rang Undang-undang Teleperubatan 1997	(Ruangan 45)
Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997	(Ruangan 165)

USUL

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 26)
---	---------------------

Mei 1997

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- " Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.
(Kedah)
- " Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- " Tuan Chareem Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- " Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.
(Melaka)
- " Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- " Tuan Ding Seling (Dilantik)
- " Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah
Persekutuan)
- " Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- " Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -
Wilayah Persekutuan)
- " Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- " Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- " Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- " Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- " Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- " Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- " Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- " Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- " Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- " Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- " Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- " Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

Yang Berhormat Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi, (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato' Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S., (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:		Hajah Shamsiah bt. Mohd. Yusop,P.P.N. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hassan
--------------	---	----------------------

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

12Mei1997

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Selasa, 3 Jun 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**GURU SAINS MENGAJAI DI SEKOLAH
MENENGAH/RENDAH - JUMLAH**

1. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) jumlah guru sains yang mengajar di sekolah menengah dan rendah di negara ini;
 - (b) sama ada beliau sedar kekurangan guru sains di negara ini menjejaskan rancangan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berindustri menjelang tahun 2020; dan
 - (c) langkah-langkah kementerian untuk mengatasi kekurangan guru sains di negara ini.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) jumlah guru sains yang mengajar di sekolah rendah ialah 1,841 orang manakala di sekolah menengah seramai 10,129 orang;
- (b) Kementerian Pendidikan sedar bahawa guru memainkan peranan penting untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri menjelang tahun 2020. Oleh itu, beberapa langkah telah dijalankan supaya hasrat tersebut dapat dicapai.

Antara usaha yang dijalankan ialah dengan menentukan supaya guru-guru meneruskan langkah ke arah meningkatkan keupayaan pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan ke peringkat yang optimum terutama dalam bidang sains dan matematik. Usaha lain ialah dengan mengadakan kursus motivasi untuk menerapkan nilai-nilai pengetahuan yang berunsur sains kepada murid-murid dan mengadakan gerak-gempur sains, satu program yang telah memberi banyak kejayaan bagi mempertingkatkan pencapaian murid-murid di sekolah.

- (c) Antara langkah yang telah pun diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kekurangan guru sains di negara ini adalah:
 - (i) meningkatkan jumlah pengambilan calon bagi program-program Diploma Perguruan Malaysia, Kursus Perguruan Lepas Diploma dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah, terutamanya dalam bidang sains;

- (ii) melaksanakan pengambilan calon dua kali setahun bagi program KPLI;
- (iii) menyediakan kursus kepada guru bukan opsyen sains; dan
- (iv) melantik guru sandaran yang ada kelayakan dalam sains dan menyambung perkhidmatan guru-guru sains yang sampai umur persaraan wajib.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tidak tahu sama ada ayamkah dahulu ataupun telur dahulu 'chicken and egg'. Jadi, murid patut banyak belajar sains supaya ada guru sains ataupun ada guru sains ramai baru kita ada murid ramai yang mengambil sains. Soalan tambahan saya ialah kita dapati kekurangan sangat murid-murid bumiputera yang mengambil sains dan matematik. Saya difahamkan bahawa ada cara untuk menggalakkan ramai lagi anak-anak bumiputera supaya dapat mengambil sains dan matematik supaya kita dapat meneruskan dan mewujudkan Malaysia sejahtera, aman, adil, saksama. Oleh itu, apakah cara-caranya untuk memminatn lagi anak-anak bumiputera ini belajar sains dan matematik?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jauh Yang Berhormat pergi. [*Ketawa*] Saya faham maksud soalnya iaitu bagaimana langkah-langkah yang berkesan bagi menambahkan bilangan pelajar bumiputera dalam bidang sains. Antara langkah-langkahnya ialah:

Pertama, mengadakan rancangan gerak-gempur sains, di mana pencapaian pelajar bumiputera dalam bidang sains telah meningkat sejak kita melaksanakan program gerak-gempur.

Kedua, mengambil langkah-langkah yang agak radikal seperti di sekolah berasrama penuh sebanyak 37 buah, kesemuanya pelajar-pelajar diwajibkan mengambil elektif sains, kalau mereka hendak meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Ketiga, untuk melihat kaedah kita mengajar sains supaya lebih menyeronokkan dan lebih berkesan termasuk langkah memperkenalkan konsep Sekolah Bestari supaya kaedah mengajar sains itu akan lebih memberi rangsangan dan juga bagi kita untuk memperkenalkan satu mata pelajaran baru iaitu 'tack prep'. Ini lebih mementingkan kepada pendekatan 'hands-on', sebab kebanyakan pelajar terutama sekali bumiputera tidak yakin mengambil sains, sebab dari segi teorinya agak difikirkan susah, tetapi kalau sains dipelajari melalui cara pendekatan yang lebih praktikal, mungkin lebih ramai pelajar akan dapat menguasai bidang sains.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa di antara sebab-sebab kekurangan guru-guru sains di sekolah-sekolah ini kerana guru-guru tidak berminat mengajar mata pelajaran tersebut. Di antara sebabnya yang pertama, beban kerja, persiapan di makmal adalah banyak dan terpaksa disediakan lebih awal dan kita sedia maklum bahawa jadual waktu yang diberikan kepada guru sains sama dengan guru-guru yang lain. Di samping itu kita dapati guru-guru sains juga terdedah dengan bahan-bahan kimia yang boleh membahayakan diri mereka. Itulah di antara sebab-sebab mereka ini keberatan untuk mengajar sains. Jadi, kenapa tidak Kementerian Pendidikan mengadakan elaun khas bagi guru-guru sains yang mengajar sains di sekolah-sekolah?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa langkah yang saya telah huraikan tadi, di mana kalau dilaksanakan nanti bilangan guru sains akan bertambah. Di samping itu kita juga melihat supaya kaedah makmal yang lama diganti dengan kaedah baru, dengan menggunakan makmal virtual iaitu penggunaan multimedia. Jadi, dengan pendekatan yang baru ini, maka bukan sahaja pelajar dapat manfaat, tetapi guru pun akan

mendapat manfaat. Di samping itu juga dalam konsep sekolah satu sesi nanti, tambahan waktu akan diberikan untuk mata pelajaran sains.

Jadi, dengan langkah-langkah sedemikian, kita rasakan bahawa bilangan guru akan bertambah. Soal sama ada kita boleh bayar elaun tambahan ini, menjadi masalah perbandingan secara relatif, sebab kalau guru sains dapat elaun, kenapa guru matematik tidak boleh dapat elaun, kalau guru matematik dapat, kenapa tidak guru mata pelajaran lain? Jadi banyak masalahnya termasuk soal polemik dan sebagainya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pendidikan sudah berbincang dengan kementerian-kementerian seperti yang mengelolakan dari segi JPA dan sebagainya bagi menentukan mereka yang berkebolehan dalam sains dan teknologi ini dapat mencerminkan dari segi pendapatan apabila mereka bekerja lebih daripada mereka yang mendapat ijazah-ijazah seperti liberal arts dan sebagainya. Kita dapati sekarang seorang doktor misalnya setelah mempelajari bidangnya selama 6 tahun membuat housemanship selama satu tahun, gajinya at the end of the day, dengan izin, lebih rendah daripada mereka yang berkelulusan liberal arts yang mendapat bachelor peringkat awal, bila sampai ke tahun yang ketujuh gaji mereka lebih tinggi. Jadi, adakah Kementerian Pendidikan berbincang bagaimana hendak meningkatkan insentif kepada mereka yang berkelulusan sains dan teknologi supaya mereka tertarik, kerana pada akhirnya mereka ini hendak menentukan masa depan mereka?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah berbincang, tetapi kuasa tidak ada dalam tangan Kementerian Pendidikan, sebab ini melibatkan soal dasar kerajaan keseluruhannya, di mana banyak pihak merasakan bahawa tidak ada keutamaan diberikan kepada lulusan dalam bidang sains dan teknikal, berbanding dalam bidang sastera, sosial sains dan sebagainya. Ini menyebabkan dari segi nilai pasaran dalam kerajaan. Kita tidak memberi isyarat yang jelas bahawa bidang sains dan teknikal adalah bidang yang diutamakan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, ini adalah satu yang memerlukan keputusan kerajaan pada keseluruhannya.

HUBUNGAN DIPLOMATIK HONG KONG - PERSEDIAAN AWAL KE ARAH KESTABILAN

2. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar negeri menyatakan apakah langkah-langkah persediaan awal dari segi politik ekonomi bagi menjamin kestabilan perhubungan diplomatik bila Hong Kong diserahkan kepada negara China pada bulan Julai 1997 nanti.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengalu-alukan penyerahan balik Hong Kong ke Republik Rakyat China dan penyerahan yang akan berlaku pada 1 Julai tahun ini tidak akan menjejaskan hubungan antara Malaysia dan Hong Kong. Adalah dijangka bahawa hubungan Malaysia dalam bidang ekonomi dalam bidang perdagangan dan kebudayaan dengan Hong Kong akan diteruskan.

Kedudukan Hong Kong juga tidak terjejas oleh sebab China menjadikan Hong Kong sebagai pentadbiran wilayah khas Republik Rakyat China di bawah sistem atau prinsip satu negara dua sistem, dengan itu maka Hong Kong akan dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pusat kewangan yang penting dalam dunia ini dan dijangka ekonomi Hong Kong akan terus meningkat baik. Jadi, bagi Malaysia kerana kita mengalu-alukan penyerahan balik Hong Kong ke Republik Rakyat China dan akan menukarkan pejabat kita daripada Pejabat Suruhanjaya ke Pejabat Konsulat, maka kita percaya yang hubungan Malaysia dan Republik Rakyat China akan terus bertambah baik.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami ingin mengetahui sama ada Kementerian Luar Negeri mempunyai niat atau tidak untuk

menjemput ketua pentadbiran Hong Kong iaitu Tuan Tung Chee Hwa untuk melawat Malaysia supaya perhubungan di antara Malaysia dan Hong Kong di bidang politik dan ekonomi akan dapat dieratkan dan dikekalkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita tidak ada sebarang cadangan untuk menjemput beliau ke Malaysia dan kita juga tidak akan ada sebarang hubungan politik antara Malaysia dan Hong Kong kerana kita mengamalkan dasar satu China.

ASET STRATEGI YANG SISTEMATIK – LANGKAH MENGADAKAN

3. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mengadakan suatu 'Aset Strategi' yang lebih sistematik dan berkesan sepertimana yang dilakukan oleh Taiwan untuk memanggil pulang semula cerdik pandai dan golongan profesional dan bekerja di luar negara supaya kembali ke Malaysia untuk memberi sumbangan dalam membangunkan Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi yang diambil oleh kerajaan untuk memanggil pulang cerdik pandai dan golongan profesional yang bekerja di luar negara supaya kembali ke Malaysia adalah melalui *Program Pemanggilan Balik Saintis* Malaysia di luar negara., yang berkebolehan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Satu lagi strategi adalah melalui program tajaan pelajar-pelajar kerajaan di luar negeri sama ada penajaan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman. Pelajar-pelajar berkenaan dikehendaki pulang ke negara ini setelah tamat pengajian mereka masing-masing. Bagi pemegang-pemegang biasiswa mereka dikehendaki bekerja dengan kerajaan mengikut ikatan kontrak yang mereka sendiri persetujui dalam perjanjian, manakala bagi pemegang-pemegang pinjaman mereka perlu membayar balik sejumlah amaun yang dipinjamkan oleh kerajaan. Secara tidak langsung peraturan tersebut menghendaki mereka pulang ke tanah air.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Biro Profesional, Jabatan Tenaga Rakyat ada menyebarkan maklumat tentang jumlah kekosongan jawatan-jawatan profesional dan ikhtisas yang diiklankan di akhbar-akhbar utama tempatan menerusi homepage JTR. Kumpulan sasar utama penyebaran maklumat ini adalah penuntut-penuntut dan para profesional rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Selain maklumat tersebut, homepage JTR juga menyediakan borang khas untuk memudahkan kumpulan sasar tersebut mendaftar melalui *E-mail* JTR dan juga melalui homepage JTR.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya dapatkah kerajaan menyatakan negara-negara yang mempunyai ramai cerdik pandai dan golongan profesional Malaysia bekerja di situ dan bidang-bidang yang mereka terlibat serta bilangan yang terlibat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang khusus, saya perlu notis.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah golongan profesional yang berada di luar negara dan apakah sebab-sebab mereka ini terus berada di luar negara ini, apakah antara lain sebabnya kerana barangkali gaji dan imbuhan-imbuhan yang tidak terdapat di dalam negara kita yang diperolehi di negara di mana mereka berkhidmat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya oleh kerana mereka ini berada di luar negara, maka mereka tidak memberi makluman kepada kita tentang kehadiran mereka di sana. Oleh sebab itu kita tidak mempunyai daftar berkenaan dengan berapa ramaikah ahli-ahli profesional kita yang

berada di luar negara dan apakah mereka bekerja di sana. Di antara sebab mengapa mereka bekerja di sana ialah kerana pertamanya dia tidak ada ikatan seperti yang saya sebut tadi, kontrak dan dari segi pinjaman yang mereka ambil semasa belajar ataupun mendapat biasiswa dan oleh kerana itu, dia tidak ada dorongan untuk balik ke Malaysia.

Keduanya, mungkin kerana bayaran yang diberikan oleh negara asing berkenaan dengan apa yang dilakukan oleh mereka itu agak tinggi dan inilah yang menjadikan perkara yang menyebabkan mereka tidak mahu kembali ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 4.

KAKITANGAN AWAM/SWASTA – PERBANDINGAN GAJI DAN ELAUN

4. **Tuan Tan Swee Hueng** [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedar gaji dan elaun untuk kakitangan awam dibandingkan dengan sektor swasta terlalu rendah, berbanding dengan kos penghidupan. Apakah tindakan kerajaan untuk melegakan mereka daripada tekanan masalah dari segi sosial dan kewangan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, satu kajian perbandingan saraan sedang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menentukan dengan lebih terperinci kedudukan sebenar saraan kakitangan awam berbanding dengan sektor swasta. Kajian ini akan mengambil kira semua kemudahan yang diterima oleh kakitangan awam.

BANJIR KILAT/KECEDERAAN DAN KEMATIAN AKIBAT PEMAJU PERUMAHAN TIDAK MEMENTINGKAN KESELAMATAN

5. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pencemaran, banjir kilat dan kecederaan dan kematian sebilangan kecil pekerja adalah sikap dan tindakan acuh tak acuh oleh setengah-setengah pemaju perumahan yang hanya memikirkan keuntungan dan tidak mementingkan keselamatan alam sekelilingnya dan kebajikan para pekerjanya, jika ya, apakah panduan-panduan tegas yang akan dikeluarkan oleh kementerian terhadap pemaju-pemaju ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan beberapa panduan yang menggariskan dengan tegas keperluan bagi pemaju-pemaju mematuhi kehendak-kehendak yang merangkumi aspek pencemaran, banjir kilat dan keselamatan di tapak binaan semasa melaksanakan pemajuan masing-masing. Kehendak-kehendak ini sedia ada dalam peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang seperti Undang-undang Kecil Kerja Tanah bagi pelaksanaan kerja-kerja tanah, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 bagi pengurusan pembuangan sisa pepejal dan Akta Kilang dan Jentera 1967 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1990 bagi aspek keselamatan semasa melaksanakan kerja-kerja binaan. Peningkatan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi kerajaan boleh menambah keberkesanan undang-undang ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita selalu membaca dalam akhbar kekerapan berlakunya pencemaran, banjir kilat dan kecederaan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada garis panduan dan peraturan.

Soalan tambahan saya adakah pihak kementerian mempunyai cukup kakitangan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan atau garis panduan yang disebutkan tadi?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan dari segi aspek-aspek yang dimaksudkan tadi adalah dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya mengenai kerja-kerja tanah.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengambil tindakan kalaulah kecemaran berlaku dan melanggar peraturan kualiti alam sekitar. Begitu juga Kementerian Sumber Manusia akan mengambil tindakan apabila berlakunya pelanggaran kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1990, bermakna kuasanya ada bagi ketiga-tiga badan-badan berkenaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pembinaan sebuah bangunan masa kecacatan yang ditentukan kepada pemaju-pemaju atau pihak yang membina supaya dapat membaiki kecacatan dalam satu-satu ketika. Tetapi dalam keadaan environment ataupun alam sekitar yang mana berlaku keruntuhan tanah dan sebagainya, berapa lamakah masa selepas sesuatu bangunan itu dibina sebagaimana Highlands Tower, kalau sekiranya berlaku apa-apa kemusnahan yang menyebabkan kematian dan kecederaan, adakah undang-undang dalam negara kita yang menentukan lama mana dan bagaimana penyasatan ini dapat menentukan supaya setelah rumah itu didiami jika sekiranya berlaku apa-apa gangguan alam sekitar dapat disabitkan dengan pemaju ataupun pembina perumahan tersebut?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, jika berlakunya kerosakan kepada bangunan dan kawasan sekitar, pihak pemaju bertanggungjawab selama 18 bulan selepas tarikh tamatnya pembinaan. Tetapi jika berlakunya kerosakan itu disebabkan oleh structure design, sama ada dibuat oleh arkitek khasnya oleh jurutera perunding (engineer) dan kalau bangunan itu sudah lama, tetapi kalau ada structural defectnya, maka tanggungjawabnya berterusan, cuma dari segi soalan Yang Berhormat tadi berapa lamakah tindakan boleh diambil ataupun berapa lamakah masa yang diambil untuk tindakan, itu bergantung kepada keadaan dari segi kes dan bergantung kepada tindak-balas dari segi jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 6.

KULIAH DI PEJABAT KERAJAAN/SWASTA OLEH GURU/PENDAKWAH ANTI KERAJAAN

6. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kuliah-kuliah waktu rehat makan tengah hari di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta diisi oleh guru-guru dan pendakwah-pendakwah yang anti kerajaan dan jika sedar bilakah Jabatan Kemajuan Islam di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil alih kuliah-kuliah agama di sektor awam dan di sektor swasta di sekitar Kuala Lumpur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian dan tumpuan terhadap semua aktiviti agama yang dijalankan oleh mana-mana agensi sama ada kerajaan atau swasta baik rancangan agama yang disiarkan melalui radio, televisyen, ceramah-ceramah agama dan kuliah-kuliah agama pada waktu rehat di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah membuat penyelarasan dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia supaya semua aktiviti kelas pengajian di jabatan kerajaan dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Di samping itu JAKIM turut terlibat dalam memenuhi program ceramah jemputan yang dianjurkan oleh pihak berkenaan.

Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah menasihatkan agar penganjur-penganjur kuliah-kuliah tersebut mendapatkan tenaga penceramah dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAKIM).

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah senang bagi kerajaan untuk mengawal kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, tetapi sukar untuk mengawal kelas-kelas yang dianjurkan oleh pihak swasta. Baru-baru ini anak saya sendiri ada bekerja dengan pihak swasta di Kuala Lumpur dan saya mendapat maklumat banyak kelas agama yang dianjurkan oleh pihak swasta ini ialah ceramah-ceramah yang diberinya menentang kerajaan. Jadi, apakah langkah-langkah yang harus dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan supaya pihak swasta ini tidak terlalu berleluasa menganjurkan ceramah-ceramah yang bercanggah dengan kerajaan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, perundingan-perundingan dengan pihak-pihak swasta terutama kilang-kilang telah dijalankan. Namun begitu ada juga di sana-sini kegiatan-kegiatan agama yang dijalankan oleh badan-badan agama dalam syarikat-syarikat tanpa maklumat atau tanpa pengawalan yang ketat daripada pihak syarikat berkenaan, di situlah perkara itu berlaku. Jadi, insya-Allah usaha menyelaraskan ini akan diteruskan dari masa ke semasa dan kalau ada laporan secara spesifik, kita akan terus menghubungi syarikat berkenaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, ceramah-ceramah agama kadang-kadang ada disampaikan melalui tape, susah kita hendak klasifikasikan sama ada ia merupakan ceramah agama ataupun tohmahan-tohmahan kerana dalam masa penceramah-penceramah menyampaikan ceramah ada juga diselitkan tohmahan-tohmahan kepada kerajaan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pengedaran tape-tape ini tidak ada satu peraturan ataupun perundangan yang ada di negara kita untuk menentukan supaya dakwah-dakwah yang dibuat melalui tape ini mendapat kawalan daripada kerajaan supaya isi pati yang disampaikan itu dapat benar-benar memberi manfaat kepada umat Islam dan tidak memesongkan pemikiran umat Islam.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan yang menohmah kerajaan itu ialah selalunya dibuat oleh pihak parti politik, maka sebab itu pihak Jabatan Agama Islam sentiasa mengawasi sekiranya ceramah yang berkenaan menyentuh hal-hal akidah, maka kita akan mengambil tindakan secara terus (direct), tetapi yang sukarnya ialah apabila ada tafsiran agama yang mengaitkan hal itu dengan politik, maka ini Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan Perdana Menteri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri sejauh manakah tohmahan itu boleh dianggap satu perkara yang boleh membahayakan negara atau sensitif kepada negara.

SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI PRETORIA, AFRIKA SELATAN - KEMUDAHAN FIZIKAL DAN SUMBER TENAGA MANUSIA

7. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa adakah kementerian mencadangkan mempertingkatkan kemudahan fizikal dan menambahkan sumber tenaga manusia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Pretoria, Afrika Selatan memandangkan bahawa peningkatan perdagangan dan pelancongan di antara Malaysia dan Afrika Selatan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan kemudahan ataupun menambahkan bilangan

kakitangan dan pegawai, ertinya sumber tenaga manusia di Kedutaan kita di Pretoria, Afrika Selatan. Ini disebabkan kerana bilangan dan kemudahan yang ada pun mencukupi dengan peranan dan tugas yang diberikan kepada kedutaan itu pada waktu ini.

PASPORT ANTARABANGSA - TEMPOH SAH LAKU

8. Tuan Kan Kok Kwan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah kementerian mengadakan satu polisi supaya pasport antarabangsa seorang yang hendak pergi keluar negeri mesti tidak luput sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat tarikh luput. Ini jelas mendatangkan kesusahan kepada rakyat. Adakah kementerian akan mempertimbangkannya untuk membaharui untuk 5 tahun dan bukan 4 tahun seperti sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, syarat tempoh sah laku pasport sekurang-kurangnya enam bulan sebelum seseorang itu dibenarkan keluar negara adalah satu amalan antarabangsa supaya pemegang pasport berkenaan tidak menghadapi masalah dengan pihak imigresen di negara yang hendak dilawatinya. Lazimnya warganegara asing tidak akan dibenarkan masuk sekiranya tempoh sah laku pasport adalah kurang daripada enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan tempoh sah laku pasport lazimnya diberi berdasarkan kepada permohonan tetapi tidak melebihi lima tahun dengan syarat pasport berkenaan boleh berlaku tidak melebihi sepuluh tahun dari tarikh pengeluarannya. Oleh yang demikian, kenyataan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan pada masa ini lanjutan tempoh sah laku pasport diberikan selama empat tahun adalah tidak tepat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak pasti sama ada kerajaan masih mengamalkan pengenaan pasport kepada rakyat di Semenanjung yang ingin melawat ke Sabah dan Sarawak. Kalau itu masih berkuatkuasa bilakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan pengenaan pasport terhad setiap rakyat Malaysia ke Sarawak dan juga ke Sabah.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai kerajaan sebenarnya kita boleh menggunakan pas untuk menunjukkan bahawa kita akan pergi ke Sarawak. Ini kita lakukan bagi memastikan supaya tidak ada mereka yang datang melalui negara ini untuk pergi ke Sarawak dan bukan sebenarnya untuk rakyat kita dan ini lebih kepada buruh dan juga lain-lain dan bukan untuk keselamatan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh saya dapat penjelasan? Bukankah memadai setakat kad pengenalan sebagai rakyat Malaysia itu. Bagi penduduk luar itu memanglah kena ada surat keterangan tetapi rakyat Malaysia di Semenanjung, bukannya kad pengenalan itu sendiri sudah menjadi satu dokumen?

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun baru, saya akan check perkara ini dan saya akan lapor balik.
[Ketawa]

LAPANGAN TERBANG SUBANG - PERANAN

9. Tuan Low Kai Meng minta Menteri Pengangkutan menyatakan setelah Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang memulakan perkhidmatan, apakah peranan yang akan dimainkan oleh Lapangan Terbang Subang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas Lapangan Terbang Antarabangsa baru Kuala Lumpur di Sepang mula beroperasi,

beberapa kemudahan ataupun aktiviti utama yang berkaitan dengan penerbangan masih dikekalkan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- (i) "Heavy Maintenance" pesawat MAS;
- (ii) Police Air Wing;
- (iii) Tentera Udara DiRaja Malaysia;
- (iv) Airod; dan
- (v) Untuk maksud general aviation ataupun penerbangan am.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengarahkan Malaysia Airport Berhad untuk mengemukakan satu pelan induk bagi maksud pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Pelan induk ini berhasrat untuk menjadikan lapangan terbang tersebut sebagai Taman Teknologi Industri Penerbangan yang terkemuka di rantau ini.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian sedar bahawa tempat Lapangan Terbang Ipoh adalah tidak sesuai lagi di tempat sekarang. Adakah kementerian bercadang untuk menukarkan tempat Lapangan Terbang Ipoh?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya soalan tambahan yang ditanya memang di luar daripada soalan asal tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat yang membangkitkan soalan itu, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk memindahkan Lapangan Terbang Ipoh, sekian.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada tiga soalan tambahan hendak tanya kepada Setiausaha Parlimen kita.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: Satu sahaja? *[Ketawa]* Tetapi semua ada berkaitan, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pendek sangat, bukan panjang sangat. Soalan saya yang pertama, berkenaan dengan pembinaan KLIA, berapa orang yang bekerja pada masa ini untuk membina KLIA, pertama.

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sentiasa mengatakan saya tidak mahu tengok pembinaan KLIA ini lewat - siap mengikut jadual, kalau siap mengikut jadual pada 1 Januari tahun depan, KLIA akan mula berkhidmat. Sama ada pada 1 Januari tahun depan mula berkhidmat atau tidak?

Soalan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. *[Ketawa]* Berapa ringgit Malaysia belanja untuk membina KLIA? KLIA ini adalah satu lapangan terbang antarabangsa yang terbesar di Asia. Kita sebagai bangsa Malaysia kita berbangga dengan adanya KLIA, setuju atau tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada pandangan saya ini, sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk soalan tambahan yang pertama sebab ada tiga tetapi jawapannya agak pendek. Oleh kerana kerajaan memang berhasrat dan mempunyai matlamat iaitu pada tahun depan - awal tahun depan, KLIA akan mula beroperasi, maka tidak kurang daripada 20,000 pekerja sedang bekerja kuat dalam masa 24 jam.

Yang kedua, pada jangkaan kerajaan KLIA akan mula beroperasi awal tahun depan. Saya tidak berani kata pada 1 Januari, 1998 kita akan mula beroperasi tetapi mengikut jangkaan, kerajaan mempunyai keyakinan iaitu pada awal tahun depan, ia akan mula beroperasi.

Bagi soalan yang ketiga pula, bagi pembinaan KLIA, pada keseluruhannya projek ini akan menelan perbelanjaan sebanyak RM9 bilion. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan kerana kita telah dimaklumkan bahawa Sepang ada menyediakan kontena bergerak yang memberi perkhidmatan pelacur.

Tuan Yang di-Pertua: Pelacur? *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Pelacur.

Tuan Yang di-Pertua: Pelancongakah pelacur? *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Pelacur. *[Ketawa]* Sejauh manakah keprihatinan pihak kerajaan terhadap perkara ini untuk mengatasi masalah gejala sosial yang tidak begitu sihat yang sedang berlaku?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah kali pertama saya diberitahu iaitu ada pula kemudahan-kemudahan bagi pelacur menjalankan operasi mereka tetapi ada juga setengah orang di kalangan public telah pun memberitahu ada sedikit sebanyak aktiviti yang tidak sihat di dekat ataupun hampir dengan tapak KLIA. Tetapi, walau bagaimanapun saya percaya Kementerian saya akan mula menyiasat dan tengok sama ada betul atau tidak apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tadi saya lupa jawab Yang Berhormat dari Seremban, dia kata sama ada setuju atau tidak setuju KLIA memang satu airport yang amat membanggakan negara. Memang saya setuju seratus peratus. Sekian.

TENAGA BURUH ASING - LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENGURANGKAN PERGANTUNGAN

10. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan negara kita bergantung kepada tenaga buruh asing di sektor perindustrian, perladangan dan pembantu rumah apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil langkah-langkah yang berterusan untuk mengurangkan pergantungan negara terhadap tenaga buruh asing. Di antaranya ialah:

- (i) menarik lebih ramai tenaga manusia memasuki pasaran buruh terutamanya golongan wanita, pesara-pesara dan golongan luar bandar;
- (ii) meningkatkan produktiviti buruh melalui latihan, latihan semula dan peningkatan kemahiran tenaga pekerja;
- (iii) tidak lagi menggalakkan kemasukan industri yang berintensifkan buruh kecuali ke Koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak;
- (iv) menawarkan insentif-insentif tertentu baik secara langsung atau tidak langsung untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang berintensifkan buruh beralih kepada proses pengeluaran berasaskan teknologi tinggi dan yang boleh menjimatkan penggunaan tenaga buruh seperti automasi dan robotik. Di antara insentif-insentif yang disediakan ialah elaun pelaburan semula, pinjaman melalui tabung penyusunan semula industri dan elaun cukai pelaburan; dan

- (v) bagi syarikat-syarikat berintensifkan buruh yang tidak berupaya untuk menukarkan operasi pengeluaran kepada yang berintensifkan modal dan teknologi, mereka adalah digalakkan untuk berpindah ke negara lain yang tidak mempunyai masalah kekurangan buruh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kerajaan berjaya menggalakkan isteri-isteri dari golongan yang berpendapatan sederhana ini bekerja di kilang-kilang dan sejauh manakah dalam usaha kerajaan untuk mengadakan jadual kerja yang fleksibel untuk membolehkan isteri setengah hari duduk di rumah, lepas itu separuh hari lagi pergi bekerja di kilang-kilang?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang ceramah-ceramah dijalankan oleh pegawai-pegawai kementerian di merata-rata tempat dan menerusi siaran radio, TV dan sebagainya tetapi ingin saya menyatakan bahawa usaha untuk menggalakkan suri rumah tangga bekerja memang setakat ini tidaklah menggalakkan dan usaha ini memang terus dijalankan. Memang kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai galakan seperti menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja dan juga telah pun berunding dengan majikan tertentu khususnya di industri untuk membolehkan kerja waktu anjal ini (flexitime) dan ini juga tidak begitu menggalakkan kerana banyak suri rumah tangga masih suka untuk kekal sebagai suri rumah tangga tetapi ini adalah satu usaha yang berterusan dan akan diteruskan.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelbagai usaha sedang dijalankan oleh pihak kementerian seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, tetapi kita masih lagi memerlukan pekerja-pekerja asing. Soalan tambahan saya, mengapakah kerajaan tidak berunding dengan negara-negara yang berkenaan seperti Myanmar, Indonesia dan Filipina tentang bilangan pekerja yang kita perlukan, tentang syarat perkhidmatan gaji dan sebagainya. Saya rasa dengan cara ini kita bukan sahaja dapat mengurangkan masalah kemasukan pendatang asing secara haram tetapi juga pelbagai masalah kawalan ke atas pekerja-pekerja asing ini. Kita boleh menapis dan memilih pekerja-pekerja ini dengan bantuan kerajaan mereka supaya yang bebas dari penyakit dan rekod buruk sahaja yang dibawa masuk ke negara ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, semua yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dibuat oleh pihak kerajaan iaitu dengan memperkenalkan dasar supaya pengambilan pekerja itu dibuat cara yang teratur, iaitu menerusi kerajaan dengan kerajaan. Salah satu langkah penting yang telah diambil oleh kerajaan beberapa bulan dahulu adalah dengan mengharamkan agensi-agensi pengambilan pekerja dari rekrut kerja cara terus dari negara-negara yang berkaitan. Namun demikian, kerajaan merasakan bahawa pada ketika ini ratio pekerja asing berbanding dengan pekerja tempatan adalah sudah sampai ke tahap yang agak membimbangkan. Jadi oleh sebab itu, khususnya kerajaan telah pun buat sementara waktu membekukan pengambilan pekerja-pekerja dari luar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan sedikit sebelum mengajukan soalan ini. Perkara (a), barisan kedua, 'memadai sebagai salah satu benteng untuk menghadapi masalah sosial negatif di kalangan pelajar;'. Dan perkara (b), 'adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan sindiket peperiksaan', bukan 'sedikit'. Soalan saya No. 11.

**MASALAH SOSIAL NEGATIF DI KALANGAN PELAJAR -
KEBERKESANAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL**

11. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah mata pelajaran pendidikan moral yang diajar di sekolah memadai sebagai salah satu benteng untuk menghadapi masalah sosial negatif di kalangan pelajar; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan sindiket peperiksaan ke atas mata pelajaran pendidikan moral dengan penyatuan antara tingkah laku dan penilaian kertas peperiksaan (penilaian amalan dan tingkah laku - PAT).

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Kurikulum Pendidikan Moral yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah cukup lengkap meliputi semua aspek menangani pelbagai masalah sosial dan adalah memadai untuk membantu pelajar-pelajar menghadapi unsur-unsur negatif di kalangan mereka. Matlamat pendidikan moral juga bertujuan untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia melalui penubuhan penghayatan dan amalan nilai murni masyarakat Malaysia, justeru bertanggungjawab pada diri, keluarga, masyarakat dan negara.
- (b) Pada masa ini kementerian sedang mengkaji untuk melaksanakan peperiksaan ke atas mata pelajaran pendidikan moral dengan penyatuan antara tingkah laku dan penilaian kertas peperiksaan. Kajian dijangka siap selewat-lewatnya akhir bulan September ini dan keputusan tentang sebarang cadangan baru akan diketahui pada akhir tahun ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian Pendidikan membuat suatu analisa bagi sekolah-sekolah yang berkemungkinan mempunyai masalah gejala sosial yang tinggi, sekurang-kurangnya penilaian dari segi pendidikan moral dan pendidikan agama kepada pelajar-pelajar termasuk guru dan juga kakitangan di sekolah-sekolah itu?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi keseluruhannya Kementerian Pendidikan selalu peka dan prihatin tentang perhubungan di antara pengajian agama dan pendidikan moral dengan kesan unsur-unsur negatif terhadap pelajar-pelajar kita. Dari keseluruhan kita dapati bahawa sekolah-sekolah yang berpegang teguh kepada pendidikan moral dan pengajaran pembelajaran agama itu memang akhirnya itu dicerminkan di kalangan pelajar-pelajar dari segi jauh dirinya pelajar-pelajar tersebut dari pihak-pihak yang kita tidak ingini mereka dipengaruhi. Namun demikian, kita belum ada kajian terperinci berkaitan dengan sekolah-sekolah tertentu itu.

Puan Haji Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita diberitahu dalam Dewan ini bahawa Kementerian Pendidikan mengamalkan sikap transparent dalam soal menangani gejala sosial dan mendedahkan sekolah-sekolah yang terlibat, ramai pelajar terlibat dalam soal ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bolehkah pihak kementerian menyebutkan zon ataupun negeri-negeri di mana sekolah-sekolah dalam kawasan tersebut yang didapati terlalu tinggi masalah sosial pelajar ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya kita dapati bahawa sekolah-sekolah yang terletak dekat pusat-pusat entertainment

centre, dengan izin, dan sebagainya didapati bahawa pelajar-pelajar tersebut selalu dipengaruhi oleh pihak-pihak yang kita tidak ingini. Dari segi keseluruhannya kita dapati bahawa negeri-negeri di mana mempunyai banyak sekolah yang dibina di bandar-bandar pusat seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan sebagainya masalah sosial itu lebih ketara sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

KOMPUTER BAGI SEKOLAH LUAR BANDAR - KELENGKAPAN

12. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan program kerajaan bagi membantu penuntut di sekolah-sekolah luar bandar yang rata-ratanya buta komputer bagi menyesuaikan dan melengkapi diri mereka dengan kehendak-kehendak zaman maklumat (IT) ini. Dapatkah kementerian memastikan supaya mereka mendapat kemudahan yang sama dengan rakan-rakan mereka di bandar-bandar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementrian Pendidikan telah pun menjalankan pelbagai program bagi membantu penuntut di sekolah-sekolah luar bandar bagi menyesuaikan diri dengan zaman teknologi maklumat ini. Pada permulaannya kelengkapan komputer dibekalkan secara berperingkat-peringkat ke semua sekolah rendah dan menengah mengikut giliran masing-masing. Setakat bulan Mei, 1997 sebanyak 230 buah sekolah menengah dan 20 buah sekolah rendah telah pun dibekalkan dengan komputer multimedia dan hanya 15 buah sekolah rendah yang lain dibekalkan dengan komputer biasa sahaja. Kementerian Pendidikan juga telah menjadikan tahun 2000 sebagai sasaran di mana semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara mempunyai komputer masing-masing.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita dapati sekarang ini kerajaan akan memberi generator kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Apakah generator ini diberi kepada semua sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik? Sekiranya tidak, saya rasa elok diberi kesemua kerana kita tidak mahu ada sifat pilih kasih. Sekiranya diberi, kita minta pula kerajaan menambahkan komputer-komputer di sekolah-sekolah di luar bandar, lantaran murid-murid tidak dapat membuat latihan di rumah kerana tidak ada bekalan elektrik di rumah, jadi kita minta daripada pihak kerajaan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah tujuan Kementerian Pendidikan. Kita akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti TNB dan sebagainya supaya semua sekolah di negara kita ini bukan sahaja mempunyai bekalan elektrik tetapi juga mempunyai komputer menjelang tahun 2000.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian berhasrat untuk tidak menggunakan gen-set tetapi menggunakan solar system yang saya rasa dari segi kos lebih murah daripada generator yang akan dibekalkan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang itu satu cadangan yang Kementerian Pendidikan akan kaji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Faridah Abu Hassan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.

13.

JURURAWAT NEGARA ASING - PENGAMBILAN

13. Puan Faridah binti Abu Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana penilaian kerajaan terhadap jururawat dari negara asing yang telah diambil bekerja di negara ini. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan mereka untuk menampung keperluan jururawat di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, jururawat-jururawat terlatih kontrak bukan warganegara yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, dari negara India, Sri Lanka, Pakistan dan Myanmar telah menunjukkan prestasi kerja yang memuaskan. Sementara jururawat-jururawat dari negara Vietnam dan Bangladesh menghadapi masalah dalam penguasaan bahasa Inggeris dan prestasi kerja mereka tidak di tahap yang diperlukan berbanding dengan jururawat tempatan.

Walaupun pelbagai usaha telah digunakan untuk menarik jururawat bukan warganegara berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, namun terdapat banyak masalah bagi urusan pengambilan ini yang menyebabkan ianya tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara masalah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dan prestasi kerja tidak di tahap yang diperlukan terutama bagi jururawat dari negara Vietnam dan Bangladesh;
- (ii) tiada sambutan dari jururawat negara Indonesia dan Albania; dan
- (iii) saingan dengan hospital swasta yang bukan sahaja dapat menawarkan gaji yang lumayan tetapi dapat menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa, kemudahan makan/minum dan lain-lain insentif yang lebih menarik dari tawaran Kementerian Kesihatan Malaysia.

Akibat respon yang kurang memuaskan berdasarkan hanya 351 orang sahaja yang datang melaporkan diri dari 532 tawaran yang dikeluarkan dan beberapa masalah yang dihadapi dalam urusan pengambilan, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bercadang untuk menambah bilangan mereka bagi menampung keperluan jururawat di negara ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang timbul memang ada, saya difahamkan khususnya di hospital swasta. Sebuah hospital swasta dari segi, dengan izin, bad manners dia tidak begitu ada dan dia tidak berapa cekap dalam bahasa Inggeris tetapi cuba hendak gunakan dalam bahasa Malaysia, jadi ada budak yang sedang sakit, dia kata, ambil darah, jadi budak itu menjeritlah, takut, kata hendak ambil darah itu. Jadi, yang 351 kita ada ini, adakah pihak kerajaan hendak memberi arahan supaya hospital swasta ini mengadakan kursus khas untuk mereka ini menggunakan bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris dengan cara yang betul sedikit. Kalau tidak, masalah di hospital akan berlaku, cara dia bercakap salah, nanti ubat yang hendak diberi pun salah.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mereka yang mengambil jawatan, memang kita ada beri kursus bahasa dan lain-lain, oleh itu mereka boleh faham walaupun dengan kedua-dua negara itu kita masih lagi hadapi masalah ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar dengan ramainya bilangan jururawat kerajaan yang berpengalaman berhenti kerja dengan pihak swasta, maka perkhidmatan kesihatan kepada pesakit-pesakit di hospital kerajaan semakin menurun. Apakah langkah-langkah supaya jururawat yang berpengalaman ini boleh terus berkhidmat dengan hospital kerajaan, dalam masa yang sama mereka juga dibenarkan berkhidmat dengan hospital swasta dengan tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan mereka di hospital kerajaan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya buat satu statement di sini, oleh itu semua boleh faham apa pertuduhan-pertuduhan jururawat di Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan jururawat kontrak bukan warganegara adalah salah satu langkah jangka pendek Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat yang dihadapi, tetapi mulai tahun 1991 sehingga usaha jangka panjang, kementerian saya telah mula meningkatkan pengambilan pelatih-pelatih jururawat bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat tersebut. Pada tahun 1991 bilangan pelatih jururawat adalah seramai 706 orang dan terus ditingkatkan sehingga pada tahun 1997 dijangkakan seramai 1,760 orang akan diambil untuk diberi latihan. Di samping itu, kementerian juga telah mengendalikan kursus-kursus peralihan bagi penolong jururawat dan jururawat desa untuk dilatih sebagai jururawat sama ada secara sepenuh masa (conventional) dan pendidikan jarak jauh (PJJ). Pada tahun 1997 seramai 180 penolong jururawat dan 110 orang jururawat desa telah dipilih untuk mengikuti latihan jururawat secara sepenuh masa dan manakala 1,100 secara pendidikan jarak jauh. Ini menjadikan jumlah pelatih jururawat yang diambil pada tahun 1997 adalah empat kali ganda dari tahun 1991. Dengan usaha peningkatan pengambilan pelatih jururawat ini, kementerian berharap masalah kekurangan jururawat akan dapat diatasi dan perkhidmatan daripada jururawat kontrak bukan warganegara akan berkurangan dan seterusnya diberhentikan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta laluan. Saya minta maaf sama ada Setiausaha Parlimen tidak fahamkah ataupun soalan sayakah tidak betul? Yang saya tanya tadi, jururawat yang berpengalaman, bukan masalah hendak latih jururawat. Kita tidak mahu ada jururawat yang berpengalaman kerana bekerja dengan kerajaan, selepas itu keluar bekerja dengan swasta. Apakah langkah-langkah untuk hendak kekalkan jururawat yang berpengalaman ini dengan kerajaan? Itu yang saya tanya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang mereka boleh mohon jadi jururawat kontrak.

PELANCONG SINGAPURA - KESAN KENYATAAN LEE KUAN YEW TERHADAP JUMLAH KEMASUKAN

14. Tuan Tan Son Lee minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah terjejas pada bidang pelancongan terutamanya kekurangan bilangan pelancong dari Singapura setelah kenyataan tidak bertanggungjawab yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh bekas Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew baru-baru ini tidak akan menjejaskan dengan serius perkembangan industri pelancongan negara khususnya dari segi ketibaan pelancong dari Singapura. Seperti yang sedia maklum, isu tersebut adalah merupakan isu politik semata-mata dan tidak melibatkan kepentingan pelancong secara langsung. Di samping itu, ianya bersifat sementara dan telah ditangani dengan baik oleh kerajaan atas semangat kejiranan.

Walau bagaimanapun, mungkin terdapat sebilangan kecil pelancong dari Singapura yang telah menangguhkan lawatan mereka dalam bulan-bulan berkenaan. Berdasarkan kepada peningkatan jumlah pertanyaan mengenai Malaysia yang diterima oleh Pejabat LPPM Singapura, dalam bulan Mac yang lalu, peningkatan sebanyak 54.4%, dalam bulan April 48.7%, berbanding dengan bulan-bulan yang sama tahun 1996. Ini jelas mencerminkan peningkatan dari segi minat berkunjung ke Malaysia.

PERGOLAKAN DI KEMBOJA - SIKAP MALAYSIA DAN PERANAN ASEAN MENGHADAPINYA

15. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan ASEAN dalam menghadapi pergolakan yang berlaku di Kemboja secara am dan sikap Malaysia terhadap perkara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pergolakan yang sedang berlaku di Kemboja pada waktu ini, ASEAN tidak boleh campur tangan, kerana ini adalah perkara dalam negeri. Walaupun begitu, ASEAN boleh menunjukkan bahawa ASEAN memang prihatin dengan apa yang berlaku dan boleh menasihati pemimpin-pemimpin bagi pihak-pihak yang bertelagah itu supaya mereka menyelesaikan masalah mereka itu dengan aman demi kestabilan dan keamanan di Kemboja dan juga di rantau ASEAN. Bagi Malaysia kita telah pun cuba menggunakan pendekatan ini dahulu dan insya-Allah akan kita menggunakan pendekatan ini sekali lagi supaya ia lebih berkesan, dengan itu mudah-mudahan keadaan di Kemboja akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 29 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [2hb. Jun, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Rahim Baba.

3.35 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahar, membincang dan juga memberikan pandangan mengenai Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 di mana yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 ini merupakan satu rang undang-undang yang buat pertama kalinya dibentangkan di Dewan ini dan juga di negara kita mengenai jenayah komputer. Saya percaya rang undang-undang ini tentunya dari masa ke semasa melalui pengalaman-pengalaman ianya akan diperbaiki, akan diperbetulkan, akan dikemaskinikan mengikut keadaan-keadaan semasa dan kes-kes yang berbangkit bersesuaian dengan kemajuan-kemajuan dan juga perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam dunia komputeran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dan juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai denda-denda ataupun di atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap jenayah komputer ini khasnya dari segi computer hacking. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, dari segi kertas memang ada undang-undang mengenai denda sebanyak RM50,000 ataupun penjara tidak melebihi 5 tahun di atas kesalahan-kesalahan kepada

hackers, dengan izin, mereka yang melakukan hacking kepada mana-mana computer network dan juga mendapatkan information daripada mana-mana computer network yang dilakukan hacking. Tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan, kerana adakalanya orang yang melakukan hacking ini ataupun hackers kepada komputer ini bukannya berada di negara kita. Mereka boleh melakukannya daripada negara lain, umpamanya dari Singapura, dari Great Britain, dari Amerika atau sebagainya, sebagaimana yang telah pun berlaku kepada hackers yang melakukan hacking ataupun curian di dalam Pentagon yang mereka ini berada di negara yang lain.

Adakah undang-undang ini boleh dipergunakan ataupun mampu untuk menangani ataupun untuk menangkap untuk mendakwa mereka yang melakukan hacking, tetapi pada masa yang sama dilakukan dia berasal daripada negara lain. Maknanya, mereka bukan berada di Malaysia, tidak di negara lain. Adakah kita mempunyai undang-undang ekstradisi untuk mendakwa mereka, membawa mereka ke Malaysia untuk didakwa di negara ini. Perkara ini perlu dilihat kerana kesan hacking ini begitu meluas sekali. Berbagai-bagai perkara yang boleh dilakukan oleh pihak yang mencuri maklumat ataupun melakukan hacking kepada komputer ataupun kepada apa-apa information yang dimiliki oleh sesuatu pihak-pihak yang tertentu. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai bidang kuasa di bawah rang undang-undang ini, atau adakah kita telah pun menandatangani perjanjian-perjanjian tertentu dengan negara-negara lain supaya kita juga boleh mendakwa mereka yang duduk ataupun melakukan kegiatan-kegiatan jenayah ini, tetapi tidak berpusat di Malaysia ataupun di Kuala Lumpur, tetapi berpusat di negara lain.

Jadi, saya berharap pihak kementerian dapat memberikan penjelasan, dan kalau tidak boleh apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian, oleh pihak kerajaan untuk memastikan tidak akan berlaku kegiatan hacking daripada negara lain? Adakah undang-undang yang kita lakukan ini diselaraskan dengan undang-undang di negara lain. Kemungkinan di setengah negara itu ugutan hacking ini bukanlah menjadi satu kesalahan. Ianya tidak menjadi satu kesalahan ataupun denda yang berlainan ataupun sebagainya. Jadi, kadangkala kerana kita sekarang ini akan memasuki dunia Multimedia Super Corridor, tentulah kita juga akan memikirkan undang-undang yang dilaksanakan di negara-negara lain supaya ianya bersesuaian dengan undang-undang di negara kita. Saya percaya dan juga berharap supaya penyelarasan dapat dibuat dengan negara-negara lain yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti juga dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan dari segi kemampuan mahkamah kita untuk membuktikan sesuatu kesalahan ataupun satu jenayah komputer telah pun dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Adakah kita mempunyai mahkamah ataupun pakar undang-undang yang telah pun dilatih? Adakah kita mempunyai pakar undang-undang yang menjadi majistret yang faham yang boleh menjatuhkan hukuman yang seadil-adilnya? Adakah kita telah pun mempunyai pakar undang-undang ataupun mereka yang terdidik dalam undang-undang di bidang ini yang boleh mempertahankan, memberikan pembelaan kepada mereka yang disyaki telah pun melakukan sesuatu kesalahan. Kerana kita tidak mahu adanya mereka yang teraniaya oleh kerana tidak adanya pakar di dalam bidang-bidang yang telah pun dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Juga adakah kita mempunyai pegawai-pegawai penyiasat, pegawai-pegawai pendakwa yang faham, yang tahu di mana yang dikatakan salah, di mana yang tidak akan dikatakan merupakan satu-satu kesalahan. Adakah kita mempunyai pegawai-pegawai ataupun polis-polis kita mempunyai kemahiran di bidang komputer untuk mengesan mereka yang telah pun melakukan jenayah-jenayah ini. Kerana kita tidak mahu apabila rang undang-undang ini dilaksanakan kelak, ada pihak-pihak yang teraniaya.

Kita tidak mahu juga kadangkala bagaimana interpretasi undang-undang kepada mereka dengan secara tidak sengaja. Kadang-kadang dia bermain komputer, buat roaming dalam komputer, tiba-tiba termasuk dalam TMnet ataupun sebagainya dengan tidak ada niat, ataupun tujuan untuk melakukan sesuatu kesalahan ataupun untuk mencerooboh kepada information, dengan izin, ataupun keterangan-keterangan

yang dimiliki oleh sesuatu pihak. Apakah pembelaan-pembelaan kepada mereka yang melakukannya bukan dengan niat, tetapi kadangkala hanya secara suka-suka bermain komputer, tiba-tiba termasuk di dalam information yang dimiliki oleh pihak-pihak yang tertentu.

Begitu juga adakah kita mempunyai undang-undang ataupun kita mempunyai kuasa untuk memastikan mereka yang kadangkala menggunakan kepakaran-kepakaran kerana di bidang komputer ini saya percaya ada mereka yang boleh melakukan perkara-perkara yang tidak pernah terfikir oleh kita. Mereka yang boleh memindahkan wang, umpamanya kalau dalam bank, dari satu akaun kepada satu akaun yang lain. Adakah denda yang dimaksudkan ini setimpal dengan kesalahan-kesalahan? Kerana saya percaya Yang Berhormat Menteri tentulah faham bahawa dengan kepakaran-kepakaran mereka di bidang komputer ini, mereka boleh memindahkan, umpamanya kalau dalam akaun seseorang itu ada RM10 juta, selepas itu dia boleh pindahkan kepada akaun orang lain, akaun RM10 juta itu sudah jadi daripada akaun A kepada akaun B. Adakah rang undang-undang ini mencukupi denda-denda yang dikenakan kepada pihak-pihak yang boleh melakukan ini? Mungkin juga ada keadaan-keadaan di mana jenayah-jenayah ini tidak dapat dikesan, memang susah.

Ada setengah-setengah yang pakar, saya pernah membaca dalam beberapa artikel, mereka yang pakar boleh memindahkan dari satu akaun, mungkin RM1.00 ataupun 50 sen dalam satu akaun. Kalau ada RM1 juta ataupun dari RM2 juta akaun, kadangkala kita pun tidak perasaan. Kesemuanya ini kalau sedikit demi sedikit dipindahkan kepada akaun orang lain, adakah kita mempunyai kepakaran-kepakaran untuk menyiasat, untuk memastikan tidak akan berlaku jenayah-jenayah di bidang ini, kerana saya khuatir dan juga saya bimbang apabila kita memasuki ke era ini kalau kita tidak berhati-hati ianya akan menghilangkan kepercayaan khasnya kepada pelabur-pelabur daripada luar negara kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan saya dan saya berharap akan mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian dan saya percaya walaupun rang undang-undang ini bukanlah sesuatu yang 'complete' setakat ini, kemungkinan ianya akan dipinda dari masa ke semasa, tetapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada pihak kementerian yang telah pun berjaya mengadakan peraturan dan rang undang-undang ini untuk bersesuaian dengan era di mana kita memasuki alam MSC ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

3.46 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa pembentangan rang undang-undang ini ialah satu perkara yang penting, bersejarah dan ia merupakan satu langkah permulaan kita ke satu arah dunia komputer, dunia digital dan ekonomi digital dan dunia borderless.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita telah sedia untuk mempertingkatkan teknologi informasi disemua sektor di dalam sektor swasta atau di pejabat kerajaan. Projek Multimedia Super Corridor ialah satu projek yang menunjukkan Malaysia mengambil berat atas teknologi maklumat dan akan menjadikan Malaysia sebagai negara yang mendahului dalam ekonomi digital dan kerajaan digital.

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan khasnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atas pembentangan Rang Undang-undang Jenayah Komputer dan undang-undang yang berkaitan iaitu Rang Undang-undang Tandatangani Digital, Rang Undang-undang Teleperubatan dan Rang Undang-undang Hakcipta yang akan dibentangkan nanti.

Semua ini menunjukkan kerajaan amat serius atas kejayaan projek Multimedia Super Corridor dan untuk menjayakan projek MSC, kita memerlukan investment daripada negara asing dan syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan telekomunikasi komputer yang bermutu tinggi. Undang-undang untuk menguatkuasai dalam bidang siber mesti ada untuk menjaga dan melindungi kepentingan pelabur-pelabur asing khususnya berkaitan dengan jenayah hakcipta dan hak intelektual komputer.

Kita sedar kesalahan berhubungan dengan penjenayah menggunakan komputer susah dikawal, sebab cyber space ini adalah agak luas, bebas dan borderless. Walau bagaimanapun, kerajaan perketat dengan undang-undang berat, ada juga manusia yang akan mencerooboh 'hacking, cracking' dan sebagainya. Itu termasuk orang dalaman yang akan bertugas tanpa etika, disiplin dan saya kluatir ini akan jadi masalah besar jika tidak dapat dikawali dan saya harap kerajaan mengkaji dengan teliti masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit Bahagian II, Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7. Saya rasa dalam Fasal 3, 4, 5 dan 6 saya nampak tidak ada perbezaan daripada 'casual hackers ataupun professional hackers' dan dengan izin, dalam cyber space yang bebas ada orang yang membuat hacking dengan bad intention, dengan izin, ada yang buat dengan tidak, without bad intention, dengan izin. Saya kluatir sebab banyak budak sekolah berminat dalam bidang komputer, jadi, saya harap pihak berkuasa memastikan dengan teliti sebelum mereka didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit Bahagian III, Fasal 9 dan 10. Dalam jaringan komputer banyak kesalahan boleh dilakukan oleh sesiapa pun dari mana-mana pun, dari jarak jauh atau di Malaysia. Masalah tangkapan penjenayah atau trial by evidence, dengan izin, menjadi sangat susah lagi pun mereka dari luar negeri dan apa akan jadi jika negara itu tidak ada perjanjian ekstradisi dengan Malaysia? Sebab itulah Malaysia juga perlu pakar baru dalam kementerian-kementerian, cyber lawyer, pakar yang mahir dalam komputer, dalam Attorney General Office untuk implementasi rang undang-undang tersebut.

Saya rasa ada lagi masalah-masalah lain dalam rang undang-undang ini akan tetapi 'a journey with a thousand miles begins with the single step', dengan izin. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

3.51 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 yang dibentangkan ini adalah dengan tujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer ataupun misused of computer.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang dunia sudah maju, sekarang adalah dunia dianggap dunia komputer ataupun era komputer pada abad ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibentangkan di Parlimen adalah sesuai. Oleh kerana kerajaan mempunyai niat untuk menghukum orang-orang yang mencerooboh hak orang lain. Hukuman adalah amat berat mengikut rang undang-undang ini, kalau seseorang didapati salah di mahkamah, maka denda akan dikenakan dari RM25,000 hingga RM150,000 dan penjara dari tiga tahun hingga lima tahun dan sepuluh tahun kepada sesiapa yang didapati bersalah di mahkamah. Hukuman ini adalah amat berat dan teruk.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah jika sekiranya seseorang dibicarakan di mahkamah, jika seseorang yang kena tuduh (OKT) yang didapati salah jenayah mengikut prinsip undang-undang adalah dua, iaitu 'to prove the man's rear and the

ethos rear', dengan izin. Man's rear adalah bermakna intention, a guilty mind or intent, orang yang berniat untuk melakukan kesalahan. Man's rear adalah sangat mustahak untuk membuktikan orang itu mempunyai niat jahat untuk melakukan kesalahan. Kedua, adalah ethos rear, an act to commit a crime. Iaitu perbuatan kalau sekiranya pihak pendakwa dapat membuktikan seseorang OKT mempunyai man's rear dan ethos rear, maka orang itu akan dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju tentang pandangan saudara saya Yang Berhormat Datuk Rahim tadi. Beliau mengatakan kita menjalankan undang-undang ini tidak mahu melihat orang teraniaya, orang main komputer kadang-kadang dengan tidak sengaja, macam saya, saya langsung tidak tahu komputer, saya ingin hendak belajar tetapi tidak ada masa hendak belajar komputer.

Saya tidak tahu, saya tidak berani main, kalau main sedikit silap, saya ditangkap dituduh di bawah rang undang-undang ini, saya tidak tahu apa kesalahan saya, saya tidak tahu, saya main-main sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat kata Ahli Yang Berhormat tidak pandai main komputer ini, jadi, macam mana Ahli Yang Berhormat boleh bercakap bab komputer? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, bercakap komputer adalah berbincang mengenai rang undang-undang, main komputer, saudara adakah belajar komputer? Adakah atau tidak, Ahli Yang Berhormat begitu sibuk saya ingat pun tidak tahu komputer macam saya juga. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sangkaan jahat, Peraturan Mesyuarat 36(6) Dewan Rakyat. *[Ketawa]* Ini maksud saya, kita sebagai politician, siang malam berkhidmat untuk rakyat. Siang malam berkhidmat untuk negara macam Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Siang malam menghadiri diri dalam mesyuarat-mesyuarat, jadi, pada diri saya langsung tidak ada masa untuk mempelajari komputer, saya tidak tahu Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali ada masa atau tidak. Kadang-kadang saya nampak saudara mengantuk! *[Ketawa]* Dahulu, saya kata mengantuk bukan kata orang itu malas, kerana beliau kuat kerja, macam saya, kadang-kadang saya pun mengantuk juga, siang malam saya kerja untuk MCA, untuk Barisan Nasional. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu melihat orang lain teraniaya dalam menjalankan rang undang-undang ini kita tangkap orang yang mempunyai niat jahat untuk melakukan kesalahan. Jangan tangkap orang yang main-main yang secara tidak sengaja iaitu orang putih kata, 'intention' orang itu tidak ada intention to commit an offence, tetapi kena tangkap.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya dahulu saya pun sudah berkali-kali saya mengatakan, saya adalah seorang yang menderita kerana salah tangkap. Saya tidak salah, dia kata saya salah. Itu dokumen bukan saya punya, dia kata saya punya, apa hendak buat Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, saya ingin memperingatkan Dewan yang mulia ini kalau kita menjalankan undang-undang ini, melaksanakan undang-undang ini, saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, ini orang yang budiman yang mengingati orang yang kena tangkap yang tidak bersalah. Saya sokong penuh atas pandangan saudara ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu kena tangkap dan dibicarakan di mahkamah terbuka, maka mesti mempunyai seorang pendakwa, seorang tuan hakim dan kalau OKT itu mampu, menggaji seorang lawyer, yang mustahak pendakwa dan tuan hakim. Saya mencadangkan tuan hakim adalah amat penting, tuan pendakwa adalah amat penting dalam perkara ini oleh kerana hukuman berat terhadap OKT.

Mereka mesti mengikut kursus komputer, jangan macam saya tidak tahu komputer, mesti mahir komputer, mesti mempunyai maklumat, teknologi komputer. Kalau beliau tidak tahu komputer, buta mata sahaja menghukum seseorang. Seseorang itu tidak sengaja bermain komputer dan melakukan kesalahan ini, apa hendak dibuat, orang akan menderita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya cadangkan pihak pendakwa dan tuan hakim yang membicarakan kes komputer track ini adalah seorang yang terlatih di bidang komputer untuk mengelakkan seseorang yang ditangkap itu teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 ini. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.00 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak mengambil masa yang panjang untuk merujuk perbahasan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 ini. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana negara kita merupakan negara yang paling ke hadapan dalam perkembangan pembangunan multimedia yang ada hubungkaitnya dengan komputer. Boleh dikatakan kitalah negara membangun yang pertama, yang saya kira yang paling kedepan dan sudah mendapat pengiktirafan di atas kemampuan kerajaan kita melaksanakan program ataupun projek multimedia. Oleh itu kita memerlukan undang-undang termasuklah rang undang-undang komputer ini ataupun cyberlaw bagi dilaksanakan bagi tujuan menentukan bahawa ianya tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya perkara ini telah banyak dibincangkan dan saya mengikuti perbincangan ini bukan sahaja di Dewan Rakyat tetapi juga dalam akhbar, seminar-seminar yang dibuat oleh pelbagai pertubuhan yang membincangkan soal bagaimana hendak menentukan bahawa komputer itu tidak disalahgunakan.

Saya percaya ianya tidak mudah untuk kerajaan mengambil tindakan walaupun kita ada undang-undang kerana masalah penyalahgunaan komputer ataupun jenayah komputer ini sesuatu perkara yang memang kadang-kadang sukar dilihat oleh mana-mana pihak. Ianya di antara pengguna dengan komputer, yang mahir dengan teknologi, yang ada pengetahuan dalam bidang teknologi sudah barang tentu mereka boleh melakukan apa jua yang mereka hendak lakukan. Memang sukar untuk kerajaan nanti dari segi pelaksanaan hendak mengejar mereka yang melakukan jenayah komputer ini tetapi sekurang-kurangnya dengan adanya rang undang-undang ini, sudah barang tentu ianya sebagai satu ingatan, sebagai satu amaran kepada pihak-pihak yang boleh ataupun yang mungkin mencerooboh ataupun yang menyalahgunakan komputer dengan menganiayai pihak-pihak lain dari segi mencuri maklumat, memadam maklumat ataupun sebagainya.

Yang saya hendak bangkit di sini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sahaja. Saya lihat kecenderungan pihak kerajaan ialah apabila kita membuat undang-undang dan jika didapati mana-mana pihak melakukan kesalahan, maka hukumannya ialah denda dalam bentuk wang ringgit ataupun hukuman penjara. Dalam hal rang undang-undang komputer ini bermula dengan RM25,000 sampailah kepada RM150,000 dan penjara sekian lama.

Saya hendak tanya apakah pendekatan seumpama ini merupakan satu perkara yang dikira berkesan dari segi pelaksanaan undang-undang? Sebab saya dapati apabila kita membuat pilihan seumpama ini didapati kecenderungan hakim-hakim membuat keputusan mengikut budi bicara hakim masing-masing. Sebab itu kita lihat undang-undang yang lain sebelum ini, ada kesalahan yang sama dendanya tidak sama dengan jenayah yang dilakukan ataupun lain dengan keputusan hakim yang dibuat di negeri lain, tidak seragam maknanya.

Saya lebih cenderung kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kerajaan memikirkan supaya hukuman itu kalau boleh dikira spesifik. Bukan hendak dikata mandatori seperti Rang Undang-undang Dadah Berbahaya di mana jika didapati bersalah, maka tidak ada pilihan, hukumannya mandatori tetapi di sini walaupun hukumannya nampak berat tetapi ianya begitu terbentang luas atas budi bicara hakim untuk menentukan. Maknanya denda RM25,000kah ataupun RM26,000kah, tidak semestinya RM100,000 ataupun penjara satu hari denda RM25,000. Ianya tidak begitu spesifik. Tuan Yang di-Pertua, saya lebih cenderung untuk bertanya pihak kerajaan apakah pihak kerajaan dalam merangka rang undang-undang ini membuat rujukan kepada mana-mana negara maju yang sudah pun ada undang-undang seumpama ini, kalau pun ada ataupun ianya merupakan hasil perbincangan pihak pegawai-pegawai kerajaan kita ataupun dengan pihak Attorney General dengan mengambil kaedah sendiri ataupun kita menggunakan panduan mana-mana negara yang sudah mempunyai undang-undang seumpama ini dan didapati berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu sudah barang tentu sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi, apabila kita hendak melaksanakan rang undang-undang ini sudah barang tentu ianya berkait juga dengan negara-negara lain di mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut satu cadangan supaya negara ASEAN mempunyai cyberlaw yang seragam iaitu undang-undang komputer yang seragam supaya tindakan mudah diambil jika berlaku penyalahgunaan. Adakah perkara ini sudah dibincang di peringkat ASEAN dan apakah sambutan dan responnya pihak negara-negara ASEAN terutamanya dan bagaimana pula negara-negara ASEAN yang belum lagi begitu advance ataupun kedepan dalam soal multimedia ini termasuklah komputer ini.

Jadi, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.06 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Jenayah Komputer yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya abad 21 adalah satu abad aplikasi maklumat dan teknologi yang sebenarnya sudah lama dibangunkan di Barat dan untuk kita memanfaatkan maklumat dan teknologi tersebut, kita perlu membuat persediaan yang komprehensif lagi relevan dan difahami dan dihayati oleh semua rakyat.

Saya berpendapat kita perlu memberi persepsi yang tepat tentang era teknologi dan maklumat yang berkait rapat dengan mega maya ataupun cyber space dan ledakan media yang membuka semua pintu perubahan. Ianya bukan hanya terhad kepada penguasaan ekonomi digital tetapi juga membawa kepada satu prestroika politik tiga penjurang yang dikatakan melibatkan Ahli Parlimen birokrat dan media dan juga merupakan satu rempuhan budaya sosial dan agama yang menguji ketahanan rohani dan insani dalam dunia tanpa sempadan. Sesungguhnya kita perlu menghayati bahawa perubahan ini akan melampaui semua aspek kehidupan, politik, ekonomi dan sosial. Cumanya dalam konteks negara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang dikasihi telah menjuruskan satu mega visi dalam bentuk Multimedia Super Corridor iaitu satu zon pelaburan untuk industri komputer dan maklumat untuk membawa Malaysia menaiki tangga teknologi.

Jadi, ini adalah merupakan satu aplikasi yang telah dikenalpasti dalam tujuh bidang dan untuk membolehkan kita membangun dalam bidang teknologi ini pastinya kita perlu mengadakan satu rangka undang-undang untuk dapat mengatur dan menyusun perkembangan pembangunan teknologi yang telah dipilih dalam konteks MSC Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan teknologi begitu pesat hinggalah boleh dikatakan engineer-engineer di silicon valley itu pun dengan mudah akan menjadi obslit. Jadi, dalam juga kita memproses penggubalan undang-undang, saya percaya dan yakin bahawa kajian yang terperinci dan perbandingan pemakaian idea-idea dan juga pandangan jauh telah diambil kira oleh pihak kementerian dalam mewujudkan rang undang-undang yang telah dibentang. Berdasarkan kepada perubahan teknologi yang begitu pesat ini, saya mengharapkan atau mungkin mencadangkan dan mungkin juga kementerian telah ada untuk mewujudkan satu R&D atau Unit Penyelidikan dan Pembangunan khas di kementerian untuk sentiasa mengawalselia dan seterusnya memerhati perkembangan perubahan-perubahan teknologi yang berlaku terutamanya di multimedia centre ataupun pusat-pusat yang ada di seluruh dunia. Saya kita ada lebih kurang lima pusat-pusat yang begitu.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa perancangan itu perlulah merupakan satu perancangan yang menjangkau masa pendek dan juga masa panjang kerana kalau kita lihat di negara-negara lain, ada negara-negara yang melewati perkembangan undang-undang siber ini dan kerana perkembangan atau pembangunan teknologi itu terlalu pesat dan cepat dan ianya mungkin juga salah satu cara untuk menggalakkan perkembangan pembangunan teknologi tanpa membuat sekatan-sekatan agar dapat pembangunan teknologi itu berjalan dan membangun sebelum ianya mempunyai undang-undang yang dijadikan sekatan.

Seperkara yang juga saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ialah tentang nama rang undang-undang ini. Kita tahu bahawa rang undang-undang ini diwujudkan kerana ianya berkait rapat dengan perkembangan cyber space. Kita juga tahu bahawa perkembangan ini adalah sangat luas jika ianya dikatakan tidak ada batasan, maka pastinyalah juga undang-undang ini juga tidak dapat mengenalpasti batasan. Walau bagaimanapun, kita cuba menjuruskan agar adanya satu rangka struktur untuk dapat kita bendung kegiatan-kegiatan teknologi yang akan memberi implikasi kepada negara.

Jadi, adakah wajar nama jenayah disebutkan komputer jenayah ataupun lebih baik jikalau ianya merangkumi perbuatan-perbuatan salah guna komputer - Rang Undang-undang Salahguna Komputer kerana ianya mungkin boleh akan dapat merangkumi perbuatan-perbuatan yang tidak semestinya diklasifikasikan sebagai jenayah tetapi juga boleh diklasifikasikan sebagai satu salah laku sivil kerana dalam rang undang-undang ini mengikut Fasal 9 - "*Tiap-tiap tindakan mahkamah yang boleh dilakukan adalah perlu mendapatkan....*" Minta maaf saya, Fasal 12 -

"Tiap-tiap pendakwaan yang hendak dibuat hendaklah mendapat keizinan Pendakwaraya secara bertulis"

Jadi, dengan secara tidak langsung ianya akan mengehadkan tindakan-tindakan pendakwaan kepada pendakwaan yang dibawa oleh pihak pendakwaraya walhal saya berpendapat bahawa memandangkan dunia komputer dan teknologi ini begitu luas dan melibatkan bukan hanya kerajaan tetapi juga rakyat biasa dan juga melibatkan maklumat dan teknologi dan penggunaan komputer yang luas kepada orang-orang awam, mungkin ada baiknya jikalau rang undang-undang ini dapat memberi pertimbangan untuk dijadikan kesalahan ini merupakan kesalahan sivil yang boleh memberikan kuasa kepada orang awam mengambil tindakan undang-undang sebagai satu alternatif sebab banyak juga kes yang dibawa kepada pendakwaraya mungkin tidak dapat memenuhi bukti-bukti dan kenyataan, maka tindakan tidak dapat dilaksanakan dan pada mereka yang terlibat boleh mempunyai alternatif lain mengambil tindakan sivil kerana perbuatan salah guna komputer ini juga boleh merupakan satu perbuatan pecah amanah yang boleh juga merupakan satu tindakan yang boleh diklasifikasikan sebagai satu tindakan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat komen tentang definisi jenayah mengikut Fasal 3, iaitu apakah didefinisikan sebagai suatu kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Apa yang telah diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini hanya menyebutkan tentang capaian dan kuasa kepada bahan komputer, capaian

dan kuasa dengan niat untuk memudahkan berlakunya kesalahan lanjut sama ada ia mengubahsuai tanpa kandungan dan mana-mana komputer dan persubahatan dan percubaan yang dilakukan oleh seseorang itu. Di sini ianya tidak memberikan peruntukan yang lain daripada accessibility atau capaian yang mana bermakna bahawa ianya hanyalah akan merupakan satu kesalahan yang dilakukan yang merupakan satu pencerobohan. Jadi, ianya tidak pula mengambil kira jikalau ianya bukan satu pencerobohan tetapi ianya merupakan satu perbuatan yang melibatkan content teknologi atau komputer yang digunakan yang mungkin juga boleh menyebabkan satu kesusahan ataupun boleh dianggap sebagai satu kesalahan. Ini mungkin agaknya buat pertama kali ataupun peringkat pertama rang undang-undang ini digubalkan.

Saya juga berpendapat bahawa undang-undang kesalahan itu perlulah tidak begitu spesifik tetapi ianya perlulah memberi ruang untuk boleh ditafsirkan bahawa sesuatu itu menjadi satu kesalahan bila mana pihak yang menuntut merasakan yang haknya telah dicerobohi ataupun haknya telah dicabuli oleh pihak yang lain kerana kalau tidak ada ruang yang lebih luas itu, satu perkaranya mungkin kita tidak dapat membuktikan perbuatan yang telah dilaksanakan di mana perbuatan kesalahan ini sangat bergantung kepada wujudnya niat. Seperti kita tahu complexity komputer dan teknologi ini boleh mengubah perkara-perkara atau suasana atau senario perbuatan yang dilakukan sehingga mungkin niat itu tidak dapat dibuktikan. Jadi, mungkin ini kita dapat penerangan lanjut daripada pihak menteri mengenai takrif kesalahan dan sama ada kesalahan yang telah dilihat oleh pihak kementerian adalah terhad kepada kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah Fasal 3 ini sahaja.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya juga berpendapat bahawa bidang teknologi ini adalah satu bidang yang begitu profesional dan begitu mempunyai kemahiran yang tinggi. Ini bermakna bahawa kalau mengikut apa yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini ianya memerlukan pegawai-pegawai pendakwa yang mempunyai kemahiran yang spesifik. Ini juga bermakna bahawa kerajaan perlulah mengetepikan atau memperuntukkan jumlah wang yang besar untuk memastikan latihan yang mencukupi diberi kepada mereka yang akan ditugaskan untuk membawa kes-kes ini ke mahkamah kerana tanpa kemahiran yang tinggi, mungkin kita akan gagal mencapai matlamat untuk mewujudkan satu undang-undang yang boleh mengawal kegiatan-kegiatan kesalahan komputer ini dan ianya mungkin akan membuatkan, dengan izin, a mockery of the law kerana tidak dapat dikuatkuasakan.

Kita perlu memastikan bukan sahaja dari segi kakitangan yang akan melaksanakan itu mempunyai kemahiran tetapi juga peraturan-peraturan yang biasanya akan diikuti dengan satu rang undang-undang itu mestilah kemas dan teliti untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini apabila dijadikan akta nanti benar-benar akan dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan kerana kalau kita tidak boleh berbuat demikian, maka pastinya juga sekali lagi kita akan gagal untuk mengawal kegiatan-kegiatan perubahan teknologi yang kita jangka kita dapat membantu mereka yang ingin melabur, mereka juga yang merupakan pengguna bagi industri multimedia ini. Kerana jikalau ianya tidak dapat dikuatkuasakan dan tidak boleh memberikan satu keyakinan kepada pengguna-pengguna multimedia ini mungkin ianya tidak akan dapat menjadikan ia sebagai satu tarikan kepada pelaburan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang hukuman yang telah diperuntukkan di bawah Fasal 6 dan beberapa fasal lain mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Kita dapati bahawa denda yang dikenakan adalah denda yang tinggi, contohnya Fasal 6, tidak melebihi RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Ini adalah merupakan satu langkah yang bijak dan mungkin juga telah difikirkan dengan terperinci oleh pihak kementerian. Tentu sekali ada rasionalnya mengapa penalti-penalti yang tinggi ini dikenakan. Dan juga saya pasti bahawa rasionalnya ialah untuk memastikan bahawa kesalahan itu tidak akan dapat dilakukan atau ianya adalah merupakan satu pembalasan terhadap kesalahan yang dilakukan, yang diharapkan akan menjadi pencegahan dan pengajaran atau deterrent, dengan izin, kepada pelaku-pelaku yang melakukan kesalahan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah rasionalnya hukuman-hukuman yang tinggi ini dikenakan dan sejauh manakah dirasakan bahawa sesungguhnya dengan mengenakan penalti-penalti ini kita dapat mencapai matlamat untuk menyekat perbuatan-perbuatan yang dikatakan sebagai jenayah komputer ini.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang perkara 8 dalam rang undang-undang ini. Ini adalah merupakan satu peruntukan anggapan atau dengan izin, presumption mengenai kesalahan atau jenayah komputer ini di mana seseorang itu yang ada dalam jagaan dan kawalannya apa-apa atur cara, maklumat dan sebagainya hendaklah dalam simpanannya, dalam mana-mana komputer dan seterusnya hendaklah disifatkan telah memperolehi capaian tanpa kuasa kepada atur cara, data atau maklumat itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya. Ini juga adalah satu presumption atau anggapan yang kadangkala mungkin merupakan satu peruntukan undang-undang yang berat, seperti saya katakan terutamanya dalam konteks teknologi maklumat ini di mana banyak perkara yang boleh berlaku dan bagaimanakah agaknya dapat kita memastikan bahawa pihak pendakwa dapat benar-benar menunjukkan bahawa penyimpanan ataupun kedapatannya seseorang itu maklumat-maklumat atau data itu adalah kerana ianya bermatlamat atau bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan ataupun ianya kita tahu cyberspace itu pergerakannya juga begitu laju dan mungkin juga tidak dapat kita pastikan bahawa maklumat itu sebenarnya diperolehi dengan sengaja tetapi termasuk ataupun terbelakunya perkara itu.

Saya juga seperti rakan-rakan lain ingin menyuarakan rasa bimbang berlakunya penganiayaan terhadap mereka yang sebenarnya tidak bersalah. Jadi, jikalau kita mempunyai peruntukan-peruntukan seperti anggapan satu presumption dalam satu undang-undang yang begitu kompleks, satu senario yang begitu susah difahami. Kalau tadi Yang Berhormat Tuan Yim kata dia tidak tahu komputer, saya pasti juga kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti komputer ini memang sangat menakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin juga menyentuh tentang perkataan 'premis' yang digunakan di dalam Fasal 10(2), muka surat 11 kerana premis ini telah didefinisikan di bawah tafsiran Fasal 2 yang telah merangkumi tanah, bangunan, binaan boleh alih dan apa-apa pengangkutan melalui jalan darat, air dan udara. Saya kurang pasti sama premis ini sepatutnya lebih meluas dan lebih merangkumi kepada kawasan-kawasan 'space', mungkin itu didefinisikan di bawah 'udara' tetapi mungkin perlulah juga dimasukkan satu definisi atau perkataan yang lebih bersifat teknologi untuk ianya bersesuaian dengan apa yang dikatakan sebagai sebahagian daripada undang-undang cyber yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggapkan rang undang-undang yang telah dibentangkan ini adalah sebagai satu 'a small step to the world of cyber knowledge'. Saya percaya cita-cita tinggi kita untuk sama-sama menjadi satu pemain dalam cyber laws dan cyber technology ini akan berhasil dengan kita banyak mendapatkan manfaat dan mempelajari daripada tempat-tempat yang telah banyak menjalankan aktiviti-aktiviti multimedia corridor seperti di Bangalore, Israel, Manhattan, Sinchu Science Park yang saya percaya kita di sini mempunyai manfaat kerana kita dapat belajar daripada kesilapan-kesilapan mereka. Justeru itu, adalah sangat penting proses kita terus menggiatkan R&D kita di dalam bidang ini terutamanya dalam undang-undang yang walaupun undang-undang itu dilihat hanya sebagai satu instrument dalam kegiatan ataupun aktiviti MSC ini tetapi sebenarnya ia merupakan tunjang kepada kejayaannya dan masa hadapannya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Seorang menteri akan mengemukakan satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1),
Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga
jam 8.00 malam.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad
bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu
usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak
akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1),
Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga
jam 8.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 6(3),
saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Perbahasan disambung semula.

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, silakan.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail,
sila.

4.30 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.
Saya juga seperti rakan-rakan Yang Berhormat yang lain turut bangun untuk
membahaskan rang undang-undang siber yang dinamakan Akta Jenayah Komputer
1997.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah
kepada pihak kerajaan yang begitu peka, yang telah sekurang-kurangnya pada
peringkat awal ini berjaya melihat masalah-masalah yang akan timbul akibat daripada
pelaksanaan teknologi maklumat yang sudah pun sampai era pada masa ini. Seperti
yang dinyatakan, kita juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Parlimen
bersama-sama dengan pihak kerajaan yang telah mengadakan beberapa majlis
termasuk majlis yang diberi taklimat sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana
Menteri di PWTC dan majlis taklimat khas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di
Parlimen ini berkenaan dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan perkembangan
undang-undang komputer ini. Saya telah mengikuti sedikit-sebanyak penjelasan di
dalam lampiran yang diberi berkenaan dengan undang-undang ini, iaitu undang-undang
ini ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi kesalahan berhubung dengan
penyalahgunaan komputer, misused of the computer, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang dibentangkan pada hari ini adalah
undang-undang yang telah sekurang-kurangnya mengikuti Computer Misuse Act 1990
of UK dan Singapore Computer Misuse Act 1993, dengan izin, sudah tentu perkara-

perkara baru dalam bidang komputer ini kita tidak dapat mencipta undang-undang sendiri, maka langkah kerajaan ini amatlah bijak kerana mengambil contoh-contoh undang-undang daripada UK dan juga Singapura. Kita tidak boleh elak, kita tidak boleh menafikan. Satu hakikat yang harus kita terima, iaitu bidang komputer ini adalah suatu bidang yang kalau kita tidak mahu menerima dan menceburinya, ia pasti akan datang juga. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, sudah pasti penglibatan kita, penerimaan kita di dalam era perkembangan teknologi maklumat ini adalah tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu pihak-pihak yang mencipta teknologi maklumat ini, teknologi komputer ini, orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi komputer. Kita menerima hakikat bahawa ilmu kemahiran untuk mencipta komputer ini ialah untuk kebaikan dunia dan manusia ini. Oleh kerana itu, kita harus menerimanya secara positif. Kita harus mempunyai keyakinan bahawa penggunaan komputer ini adalah untuk kebaikan manusia. Maka jenayah-jenayah yang mungkin akan timbul akibat daripada penggunaan komputer ini sudah tentu orang-orang yang sudah mahir, yang sudah memahami prosedur penggunaan komputer ini yang boleh melakukannya. Maka tidak mungkinlah orang-orang yang hendak buat jenayah komputer ini terdiri daripada orang-orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini mempunyai peruntukan-peruntukan mengenai berbagai-bagai kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan komputer. Saya mempunyai keyakinan penuh apabila undang-undang ini dikuatkuasakan nanti, sekurang-kurangnya sebagai kerajaan yang bertanggungjawab sudah tentu rakyat biasa tidak akan menjadi mangsa akibat daripada salah guna oleh pihak-pihak yang mempunyai niat yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh berkenaan dengan hukuman-hukuman yang dikenakan akibat daripada kesalahan-kesalahan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan jenayah komputer ini. Misalannya, kita dapati di dalam risalah taklimat ini, iaitu "kepada pihak yang menyebabkan komputer melaksanakan suatu fungsi dengan niat untuk mendapat akses, pencapaian daripada mana-mana program atau data tanpa kuasa dan mengetahui semasa dia menyebabkan komputer itu melaksanakan fungsi itu bahawa demikian akan berlaku" - seksyen 3. Hukumannya ialah didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih belum dapat memastikan sama ada hukuman ini adalah berpatutan dengan kesalahan yang dilakukan kelak yang boleh mengakibatkan pihak-pihak yang menjadi mangsa itu. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan rakyat supaya undang-undang ini dapat dikuatkuasakan supaya keadilan itu dapat dilakukan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Perlu diingatkan juga, Akta Kesalahan Jenayah Komputer ini dibuat bukan bertujuan untuk menghalang daripada perkembangan dan kemajuan penggunaan komputer dan juga dalam bidang teknologi maklumat. Kalau ini hakikatnya, sudah tentu kita akan menghadapi suatu dilema masalah untuk syarikat-syarikat yang terlibat dengan pembangunan teknologi maklumat ini untuk datang melabur ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan satu lagi hukuman di mana yang melibatkan kesalahan yang kedua, iaitu "akses tanpa kuasa dilakukan untuk melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau kecederaan sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan atau memudahkan berlakunya suatu kesalahan olehnya sendiri atau mana-mana orang lain" - seksyen 4. Hukumannya denda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 atau kedua-duanya.

Begitu juga berkenaan dengan seksyen 3(a), 'melakukan perbuatan yang akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa.' Seksyen 5(1), (2) dan (3), iaitu 'hukumannya ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.' Ada lagi dua hukuman yang disebutkan di

sini yang saya rasa tidak perlu saya sebutkan, tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini ialah hukuman-hukuman ini seperti pengalaman-pengalaman yang lepas di dalam bidang-bidang lain yang telah pun dilaksanakan di negara kita ini, kita dapati pihak-pihak yang melakukan jenayah itu seolah-olah melihat undang-undang itu tidak menjamin untuk menghalang daripada pihak-pihak ini meneruskan melakukan jenayah. Ini suatu hakikat.

Misalannya, undang-undang dari segi membuka pusat-pusat hiburan secara haram, undang-undang dari segi kemasukan pendatang haram tanpa izin dengan mengadakan dokumen-dokumen palsu. Begitu juga undang-undang keselamatan jalan raya. Kita nampak walaupun hukuman itu ada, tetapi perkara-perkara ini masih berlaku secara berleluasa. Inilah harapan kita semoga undang-undang yang bersangkutan dengan Akta Jenayah Komputer ini tidak menjadi undang-undang yang hanya sebagai undang-undang, tetapi perlakuan jenayah yang berkaitan dengan komputer terus berleluasa menyebabkan banyak pihak yang menjadi masalah kelak. Ini adalah harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan di sini kita tidak bimbang tentang skop wilayah perlakuan jenayah itu, sebab di dalam undang-undang sudah ada peruntukan di dalam seksyen 9, iaitu skop wilayahnya ialah "akta ini berkuatkuasa di luar Malaysia. Jika kesalahan dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di luar Malaysia, sekiranya komputer, program atau data itu berada di Malaysia atau yang boleh disambung kepada atau dihantar kepada atau digunakan oleh atau dengan suatu komputer di Malaysia pada masa yang material itu" - seksyen 9.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan penuh skop wilayah di bawah seksyen 9 ini meliputi kesalahan-kesalahan yang melibat. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa penggunaan komputer ini ialah komputer yang tidak mempunyai sempadan yang kita sebut borderless world, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bidang komputer ini sudah tentu ianya bukan di dalam perkara teknologi maklumat sahaja. Kita memang berhasrat untuk menjadikan kerajaan kita ialah kerajaan elektronik. Begitu juga di dalam bidang pendidikan kita juga ingin melahirkan, mengadakan pendidikan bertaraf dunia, sekolah bestari, guru bestari, dan sudah tentu pelajar-pelajar pun bestari juga. Ini semua sudah pasti akan melibatkan penggunaan komputer.

Oleh yang demikian, dengan harapan seperti yang saya sebut tadi, saya menyokong penuh rang undang-undang ini, dan kita berilah keyakinan kepercayaan kepada pihak kerajaan untuk meneruskan dengan era teknologi maklumat ini. Dengan itu saya menyokong, sekian.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

4.41 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya juga turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana memperkenalkan beberapa rang undang-undang siber termasuk Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997, manifestasi daripada keprihatinan kerajaan di dalam memajukan pembangunan industri Multimedia Super Corridor bertaraf dunia di Malaysia. Mudah-mudahan dengan wujudnya percambahan cyber space atau undang-undang mega maya yang berwujud di rantau ini sekurang-kurangnya akan tersebar luas dan lahirilah satu lembaran sejarah baru apabila wujud Jawatankuasa antara Parti Parlimen Malaysia yang telah dianggotai oleh wakil-wakil daripada Barisan Nasional dan juga daripada parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, mega maya kampung sejagat dunia tanpa batas milik umat sejagat ini adalah juga terdedah dengan penjenayah masyarakat yang mana siapa yang berupaya untuk memiliki dan menguasai perjalanan kehidupan warga maya ini atau cyber space berjalan tanpa aturan, tanpa budaya, tanpa disiplin, tanpa etika, tanpa tamadun yang wujud - hanyalah undang-undang maya. Syabas atas inisiatif, positif

dan proaktif kerajaan menggubal undang-undang yang telah dan akan kita perdebatkan pada hari ini.

Undang-undang sahaja tidak mampu untuk menangani kebebasan cyber space, maka ianya wajib digandingi dengan undang-undang khususnya yang berupaya dengan etika yang pragmatik, wisdom yang universal, moral yang tulus, tradisi yang pasti, tamadun yang berwibawa di pihak pengguna dan pengawal multimedia itu sendiri. Hakikat yang saya sebutkan dilaksanakan kepada perilaku-perilaku individu dalam melaksanakan perencanaan disertai dengan responsibility masing-masing dari kebaikan-kebaikan dan kejahatan-kejahatan. Natijah inilah juga yang akhirnya segala bentuk jenayah di maya pada ini dapat kita kurangkan atau kita bendung.

Saya ingin menyentuh ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri di mana beliau menyatakan bahawa maklumat yang disebarkan melalui mega maya akan merupakan sampah atau trash, ilmu atau wisdom bergantung kepada ilmu kesejahteraan yang dimiliki, dan kalau itulah selera kita sebagai pengguna, apalah sekiranya segala sesuatu yang kita sandarkan kepada keimanan sebagai wahana dalam kehidupan kita, insya-Allah ianya akan dapat dilaksanakan dengan cara yang betul.

Kelahiran Internet dan terpancarnya melalui world wide web yang dicipta di Switzerland dalam tahun 1990 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995. Web yang membolehkan penghantaran teks, grafik, video dan sebagainya melalui Internet dan dalam buku *Cybertics* tulisan James Lyns, halaman webs atau websites, dengan izin, tumbuh bagai cendawan selepas hujan di mega maya.

Contohnya, pada tahun 1966, 150 juta halaman web baru telah diwujudkan dengan seramai 30 juta pengguna. Kemudian pada tahun 1996 pengguna Internet telah bertambah kepada 60 juta orang dan dijangka akan bertambah lagi sebanyak 500 juta orang pada 2010 termasuklah yang baru juga kami lancarkan di Bahagian UMNO Keningau pada 31 Mei 1997 yang merupakan perkara yang amat baru penggunaan Internet di bahagian saya iaitu di Keningau.

Mega maya yang menjadi medan komersial yang besar dengan jumlah elektronik commerce dijangka mencapai RM375 bilion pada tahun 2000 dan RM2,500 bilion pada tahun 2100 dan tidak hairanlah penjenayah multimedia yang bertebaran di merata dunia mengganas di cyber space merompak secara elektronik, mengkhianati, menipu, menyamun, mencerooboh secara elektronik dan melaksanakan tugas-tugas pengintipan serata dunia secara espionage, secara elektronik dan gerombolan atau badut-badut ini kita kenali sebagai 'hackers'.

Penceroboh dengan menggunakan perisian komputer khas walau dari jarak yang terlalu jauh, maklumat atau data, rahsia dicuri termasuklah pencerobohan virus komputer, perebakan virus komputer yang mengkhianati pengguna yang akhirnya menghancurkan penggunaan tersebut. Hackers yang menerobosi sesuatu sistem program dan data secara mencuri rahsia pihak-pihak lain, mencuri salin atau cetak rompak perisian sesuatu sistem yang akhirnya dijual secara haram kepada yang memerlukannya di merata dunia, mencerooboh masuk ke sesuatu sistem secara haram melalui warkah elektronik, E-mail yang boleh melumpuhkan sistem itu.

Hackers juga menggunakan sistem perisian komputer ciptaan mereka untuk mengesan password milik pengguna Internet dan digunapakai untuk tujuan jenayah mengikut kehendak mereka. Kad kredit merupakan penerobosan penggunaan nombor kad kredit yang mereka curi untuk dapat perkhidmatan secara cyber shopping, perkhidmatan digital yang disedia melalui cyber commerce dan inilah yang sedang berlaku termasuk di negara kita pada hari ini.

Jenayah pencurian kod akses telefon bersel juga yang sedang popular berlaku di tempat kita termasuk di negeri Sabah, nampaknya perlu kita bendung. Dan antara jenayah yang akan melumpuhkan sistem dan urusan perniagaan baru menghururahkan ialah seperti yang berlaku di Hong Kong pada tahun 1996 di mana seorang jurutera Reuters telah melumpuhkan urus perniagaan di tempat itu.

Di sebuah bank, City Bank, Amerika Syarikat, bank tersebut telah dirampuk secara elektronik dengan lesapnya wang berjumlah RM25 juta di mana ianya dirampuk secara elektronik, demikian juga wang yang lesap sebanyak RM125 juta yang berlaku di California dan banyak lagi perkara-perkara seumpama ini berlaku di mana ianya adalah amat sukar untuk kita bendung.

Perlu juga disebut di sini bahawa contoh-contoh jenayah selain daripada yang saya sebutkan, Jabatan Kehakiman dan agensi risikan Amerika Syarikat juga iaitu CIA pernah diterobosi sistem komputernya melalui akhbar *US Today* 25 Mei 1996 melaporkan bahawa Pentagon di Amerika Syarikat telah mengesan 250,000 kes pencerobohan ke atas sistem datanya. Di Hong Kong sistem komputernya juga lumpuh dan di beberapa tempat seperti juga di Fiji di mana wang lesap berjumlah RM5 juta atas kes serupa iaitu dirompak secara menggunakan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, majalah *Fortune* keluaran Februari 1997 iaitu semakin bertambahnya pendedahan kepada pencerobohan dengan bertambahnya jumlah komputer milik syarikat-syarikat perniagaan yang dihubungkan kepada Internet atau lain-lain iaitu penggunaan secara bersendirian.

Warga korporat Amerika Syarikat telah berbelanja RM15 bilion untuk mewujudkan sistem keselamatan network kepunyaan masing-masing pada 1995 kerana kerugian yang mereka alami akibat jenayah komputer di Amerika Syarikat sekarang ini berjumlah RM25 bilion.

Hakikat di atas, saya harap kerajaan dan saya yakin sememangnya kerajaan menitikberatkan sistem keselamatan maklumat dan networks komputernya apabila aplikasi kerajaan elektronik dilaksanakan di Putrajaya kelak. Pakar-pakar keselamatan komputer kerajaan juga perlu diberi keinsafan selalu dan jika penggunaan pengisian komputer boleh menjamin keselamatan data dan maklumat sepenuhnya tidaklah akan terjadi kes-kes hacking dan pencerobohan seperti yang berlaku di negara-negara lain.

Menurut beberapa pakar syarikat perundingan di bidang kejuruteraan keselamatan di Amerika Syarikat, suatu bentuk keselamatan atau perlindungan yang sempurna adalah mustahil diwujudkan, makanya sistem yang mampu memberi perlindungan, mampu mengesan, mampu bertindak cepat bila berlaku pencerobohan. Computer misused detection system (CMDS) yang direkacipta di atas untuk melindungi 30 websters di seluruh dunia melindungi data milik angkatan tentera Amerika Syarikat serta organisasi korporat negaranya dikaji keberkesananannya di Jepun, Kanada dan Perancis dalam konteks aplikasi kerajaan elektronik di Putrajaya, jika perlu kita juga turut menggunakannya.

Kita berharap pihak Putrajaya akan menggunakan konsultan teknologi maklumat yang benar-benar berwibawa untuk menjamin keberkesanan semuanya ini. Andainya MIMOS ialah konsultan komputer kepada kerajaan atau Putrajaya, kita memohon nasihat daripada pakar-pakar luar yang berpengalaman. Saya tahu ini akan melalui pelbagai proses yang sukar, tetapi kita tidak ada jalan kecuali mencontohi negara-negara yang dapat membendung gejala-gejala seumpama ini.

Soal-soal kejuruteraan sesebuah sistem perlindungan maklumat mestilah diambil kira dan dititikberatkan sejak daripada sesuatu itu direka sejak ia dimulakan dan dikategorikan pengendaliannya dan dipastikan aliran maklumat dan ditentukan serta dianalisa barulah sistem perlindungan maklumat yang paling penting ini dapat kita aplikasikan untuk kita bendung apa-apa perkara negatif yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan data ini, saya juga berharap semoga pegawai-pegawai kerajaan sama ada untuk menginsafi hakikat keselamatan, untuk menyedari bahawa mereka adalah orang-orang yang diberi tanggungjawab mengendalikannya sistem data dan komputer, mestilah melalui proses 'security waiting' atau ujian keselamatan oleh agensi-agensi keselamatan kerajaan.

Mereka juga wajib diberi kursus komprehensif tentang undang-undang yang membabitkan kesalahan dan diberi maklumat terperinci bentuk-bentuk jenayah siber yang harus mereka ketahui agar mereka sentiasa berwaspada.

Dengan penjelasan mendalam, dengan pertanggungjawaban ke atas mereka oleh kerajaan, ianya akan meminimumkan atau mengurangkan kegiatan penjenayah siber yang sedang mencero bohi sistem data dan komputer di seluruh dunia pada hari ini.

Komputer yang merupakan pintu masuk utama hackers mestilah diawasi dan musuh-musuh negara yang berada di mana-mana juga, mestilah kita mencari jalan bagaimana supaya ianya terus kita bendung.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah berjaya melaksanakan apa yang telah kita perbincangkan, maka dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.56 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan dalam rang undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Jenayah Komputer bagi tahun 1997.

Kalau tidak silap saya, tidak kurang dari tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan masing-masing dan saya mengucapkan terima kasih kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah mengambil bahagian yang amat bernas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak akan dapat menjawab dengan terang satu persatu soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walaupun demikian, saya akan mengambil peluang sedikit untuk menjelaskan beberapa perkara.

Perkara yang pertama, ada juga disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah kedudukan di waktu kita menggubal rang undang-undang ini.

Sebenarnya, kita memang belum mempunyai pengalaman yang luas dari segi perkara yang melibatkan komputer dan computer network dan undang-undang yang membabitkannya. Oleh yang demikian, kita telah mengambil pengalaman yang telah diberi oleh negara-negara yang lain dan kita juga melihat rang undang-undang yang ada dibentuk dari beberapa negara dan khususnya dari negara United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Dan dari pengalaman tersebut, kita membentuk suatu rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang. Walaupun demikian, kita juga menyedari hakikat bahawa teknologi maklumat ini akan berubah dan ianya akan berubah dengan secepat-cepatnya. Apa yang kita tahu sekarang mungkin dalam hujung tahun ini mungkin sudah pun menjadi 'obsolete' sedikit. Oleh sebab itu, pendirian kerajaan ialah kita akan melihat perkara ini dengan secara terbuka. Dan kemungkinan undang-undang ini perlu diubahsuai atau di 'review' dari masa ke semasa jika perlu dan diperbaiki dan kita berharap di waktu kita hendak menentukan negara kita ini maju dalam teknologi maklumat, kita juga akan mengikut perkembangan teknologi maklumat yang diuruskan di luar negara.

Ahli Yang Berhormat Puan Kamelia binti Ibrahim misalnya ada menyentuh, baiknya kalaulah kita mengadakan R&D, aktiviti dan sebagainya. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan MSC iaitu untuk membenarkan MSC itu sebagai satu ruang untuk bukan sahaja syarikat-syarikat tempatan kita sendiri, bahkan syarikat serata dunia boleh mengambil peluang mengadakan research aktiviti dan sebagainya untuk

menentukan cara bagaimanakah 'information technology' itu berkembang. Oleh itu, walaupun kita sedar bahawa kemungkinan ada juga benda-benda yang mungkin kita tidak suka melihat dari perkembangan dalam teknologi maklumat ini, kita mendapati kerana ianya akan datang walaupun kita ingin menerima ataupun tidak, ianya akan juga datang. Lebih baik kita biarkan negara kita menjadi test bed dan kita mengambil pengalaman dan mengambil hakikat bahawa ada keuntungan yang boleh kita dapati termasuk keuntungan kita dapat mengikuti perkembangan research dan sebagainya dalam teknologi maklumat ini.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi juga pada mulanya ada menyentuh apakah kedudukan rang undang-undang sekiranya berlaku jenayah yang dilakukan oleh orang-orang yang bukan warganegara Malaysia. Memang telah difahamkan oleh kerajaan benda ini memang mungkin berlaku, oleh kerana computer network and information technology, dengan izin, benar-benar borderless, tidak mempunyai border sama sekali, kita boleh berurus dari mana merata tempat pun dan mereka yang hendak melakukan jenayah ini tidak semestinya di negara kita, sudah tentu juga kemungkinan orang dari negara luar yang lebih berkemampuan lagi.

Oleh itu, dalam seksyen 9, kita membuat peruntukan untuk rang undang-undang ini boleh dipakai bagi orang-orang yang mengadakan kesalahan dari luar negara bolehkah kita, dengan izin, enforce provision yang serupa itu sekiranya kesalahan itu dilakukan oleh misalnya mereka yang berada di luar negara kita.

Mengikut peruntukan undang-undang yang lain, kita harus juga Tuan Yang di-Pertua, melihat mana-mana undang-undang yang kita bahaskan. Ianya tidak boleh diketepikan dari peruntukan undang-undang lain yang diguna pakai di negara kita ini. Oleh itu peruntukan ini sudah tentu boleh juga dikaitkan dengan peruntukan extradition treaty yang kita adakan dengan negara-negara luar, seperti juga kita boleh membicarakan mana-mana kesalahan dari CPC dan sebagainya. Begitu juga dalam rang undang-undang ini, kita boleh mendakwa mereka. Mengikut perjanjian di antara negara kita dengan negara di mana kesalahan itu dilakukan, kita boleh mengambil tindakan undang-undang sedemikian.

Ada juga disuarakan, adakah tujuan kita untuk mengadakan satu rang undang-undang yang boleh diseragamkan dari bentuk ASEAN dan sebagainya. Sebenarnya hasrat kerajaan kita ialah untuk mengambil peluang, berbincang perkara ini dengan rakan-rakan negara kita di ASEAN dan kemungkinan soalan ini boleh dibahaskan dan dikaitkan di waktu mesyuarat-mesyuarat ASEAN, termasuk kemungkinan dibawa dalam mesyuarat ASEAN summit sebelum tahun ini untuk menentukan sekurang-kurangnya negara-negara ASEAN boleh mempunyai persefahaman ataupun co-operation dalam menentukan undang-undang cyber space yang kita adakan sekarang.

Beberapa soalan juga disentuhkan apakah nama rang undang-undang ini disebutkan 'Jenayah', apakah ia tidak menggunakan nama 'salahguna komputer'? Ada disuarakan kalau tidak silap saya oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim tadi. Walaupun akta di Singapura atau di UK menggunakan akta yang dinamakan Computer Misuse Act dan bukan Computer Crime Act. Walaupun demikian, mengikut pengalaman yang baru sekarang banyak negara yang lain sudah lebih cenderung untuk menggunakan perkataan Computer Crime Act, jika dibandingkan dengan Computer Misuse Act. Jika kita melihat di negara Amerika Syarikat misalnya, Akta Jenayah Komputer di negeri-negeri di Amerika Syarikat menggunakan perkataan 'Akta Jenayah Komputer', in other words Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kita prefer to call a spade, a spade, if it is a crime, let us call it, this is a crime'. Jadi, itu alasan kita menggunakan perkataan namanya 'Jenayah Komputer' dan bukan salahguna komputer sahaja.

Hukuman juga ada disentuh, adakah hukuman yang diberi di dalam akta ini memadai atau adakah kiranya mengambil kira mereka yang bukan dengan niat jahat, tetapi hendak mencuba-cuba kemampuan dirinya sendiri untuk terlibat dalam kegunaan komputer. Oleh sebab itu, kita membezakan sedikit akta ini kalau dilihat

Seksyen 3 ada berbeza dengan Seksyen 4. Seksyen 3 ialah menceroboh dengan kita tidak tahu adakah niatnya jahat atau tidak, oleh itu hukuman atau denda ada kurang sedikit. Kalau ada niat yang jahat, kita tahu niatnya jahat seperti dalam Seksyen 4, hukumannya adalah lebih tinggi lagi dari kalau tidak ada niat jahat. Yang sukar untuk kita menentukan Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana kita boleh tahu mereka yang menceroboh itu mempunyai niat yang jahat atau tidak, kerana pencerobohan itu sudah dilakukan. Oleh itu dalam pandangan kerajaan, lebih baik kita tidak menggalakkan, adakah ia mempunyai niat yang jahat atau tidak, kita mengambil pendirian lebih baik tidak menggalakkan sesiapa pun untuk menceroboh komputer. Kalau dia menceroboh komputer, dengan mula-mulanya hendak mencuba kepakarannya, hendak try dia punya skill dan sebagainya, penghujungnya menjadi habit untuk mencuba dan mencuba lagi dan akhirnya mempunyai niat yang kurang baik - yang jahat.

Oleh sebab itu, kita sedar baru-baru ini, kalau beberapa bulan yang lepas kita juga ada membaca dalam akhbar seorang budak sekolah di Kanada, mula-mulanya dia bermain, tetapi selepas itu dia sendiri tidak dapat mengawal komputer itu, bahkan ibu bapanya pun susah dan dia sendiri pun susah, dengan cara itu kita mengatakan lebih baik kita mencuba memberi mesej kepada pengguna-pengguna, janganlah hendak menceroboh komputer ini, tidak kira apa niatnya. Kalau niatnya jahat sudah tentu dikenakan hukuman yang lebih berat, lebih tinggi. Walaupun demikian, kalau orang itu bermain komputer dan tidak membuat pencerobohan, tidak mungkin ianya kena dakwa.

Dalam Seksyen 12 juga kita memperuntukkan pendakwaan itu cuma boleh dibuat setelah diberi kebenaran oleh public prosecutor dalam surat bertulis. Itu untuk menjagakan bahawa sesiapa tidak didakwa dengan sewenang-wenangnya, mereka itu yang membuat kesalahan cuma didakwa apabila pendakwaraya atau public prosecutor mempunyai pendirian yang tepat dan yakin serta convince bahawa jenayah telah dilakukan oleh sebab itu ia akan memberi return approval atau certificate untuk mereka itu didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan Fasal 12 dan sebagainya yang tidak sengaja sama ada kesalahan menceroboh boleh dikesan. Satu lagi soalan yang juga ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi. Kerajaan memang menyedari bahawa sukar untuk kita memberi jaminan bahawa computer safety dan security boleh dijamin 100%, kerana kita tahu benda ini benda yang memang sukar hendak ditentukan, hendak dikawal dengan hundred percent guarantee, dengan izin. Walaupun demikian, harapan kita dengan mengadakan peruntukan sedemikian, dengan mengadakan hukuman yang tinggi, dengan mengadakan hukuman ini, yang kita ada dalam undang-undang kita ini, dilihat lebih tinggi dari hukuman yang diadakan dalam rang undang-undang yang telah wujud sekarang dalam negara-negara yang lain. Ini sengaja kita buat bagi pihak kerajaan, bahkan dalam perbahasan di Dewan Rakyat tempoh hari, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang memang ada menyuarakan. Apa sebab penalti dari undang-undang kita ini lebih tinggi, jauh lebih tinggi dari apa yang ada di rang undang-undang di negara yang lain.

Penjelasan kita ialah kita hendak menentukan kerana kerugian apabila pencerobohan ini berlaku memang besar sekali. Ahli Yang Berhormat tadi telah memberi beberapa contoh, berjuta-juta ringgit telah hilang, kerugian dan sebagainya. Oleh itu, kita mendapati lebih baik kita memberi hukuman yang tinggi, bahkan kerana kita hendak memberi mesej kepada negara luar, bahawa negara kita Malaysia ini bersetuju dan bersedia untuk mengadakan rang undang-undang yang mereka lihat sekarang dengan melihat apa yang kita buat dan mereka pun memuji keberanian kita untuk mengadakan peruntukan yang memberi hukuman yang begitu lebih tinggi jika dibandingkan dengan hukuman-hukuman yang telah dimasukkan dalam akta-akta bagi negara-negara yang lain.

Ada juga disuarakan keraguan kita, adakah enforcement di negara kita ini mencukupi. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyuarakan adakah hakim-hakim

negara kita ini mempunyai kelayakan, adakan polis mempunyai kelayakan untuk membanteraskan jenayah serupa ini. Kita sedar bahawa perkara ini memang baru bagi kita. Pengalaman di negara lain kita akan ikuti dan selari dengan itu juga pihak polis akan juga menubuhkan suatu unit khas yang akan dianggotai oleh pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dalam bidang komputer, selain dari mereka mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang lain, untuk dapat membantu kita enforce peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini. Walaupun demikian, kita juga menyedari bahawa tidak mudah untuk kita convict kesalahan komputer ini, kita melihat pengalaman di negara-negara lain. Oleh sebab itu kita mengadakan peruntukan Seksyen 8 mempunyai Tuan Yang di-Pertua - presumption of guilt

Walaupun ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khususnya Puan Kamilia binti Ibrahim ada menyuarakan reservation, adakah ini mungkin bukan disalahgunakan, tetapi mungkin melibatkan bahawa ada orang yang akan di 'victimise' dan sebagainya.

Kita mendapati bahawa presumption ini tidak bermakna seseorang yang didakwa itu akan dikatakan bersalah, pendakwaraya perlu juga menentukan ianya ada membuat beberapa kesalahan dari segi undang-undang yang lain. Apa yang kita katakan, ianya cuma membantu untuk membuktikan kesalahannya, kerana kalau tidak dibuat presumption serupa ini, orang-orang yang mengadakan penjenayahan dalam komputer ini memang orang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang komputer, sudah tentu boleh menampukkan diri, boleh mencari jalan untuk sukar kita hendak menangkapnya, untuk menyukarkan kita mendakwanya di dalam mahkamah. Dalam pengalaman di negara-negara lain, inilah satu contoh bagi mereka di mana susah untuk mendapat conviction, dengan izin, kerana mendapat maklumat yang terang bagi mendapat conviction dalam penjenayah komputer ini amat sukar sekali. Oleh itu dalam penggubalan ini, kita membuat presumption sebagai satu alasan untuk membantu membuktikan, kalau tidak sudah tentu sukar lagi bagi kita hendak 'enforce' kan peruntukan undang-undang kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambil masa yang panjang kerana banyak rang undang-undang yang perlu kita bahaskan lagi. Walaupun demikian, saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, mungkin pandangan-pandangan tidak dapat saya jawab dengan terperinci satu persatu. Apa yang saya telah terangkan tadi ialah secara menyeluruh, kerana saya dengar apa yang disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang bercakap menyentuh soal hukuman, soal enforcement, soal research and development dan soal extra territorial application undang-undang ini, kalau kesalahan dilakukan di negara-negara yang luar dan sebagainya.

Saya fikir apa yang saya jelaskan tadi ada juga mengandungi perkara-perkara sedemikian rupa dan mana-mana pandangan yang tidak saya sentuh saya sukalah mengambil jaminan bahawa ianya akan diteliti dengan baik oleh kementerian dan oleh pegawai-pegawai di kementerian sendiri. Tujuan kita ialah untuk menjamin dan menentukan bahawa projek MSC ini berjaya dan kita harus mengadakan legal frame work yang dapat memberi gambaran bahawa kerajaan ini amat serius sekali untuk melaksanakan projek. Legal frame work ini walaupun kita mengakui mungkin boleh diperbaiki dari masa ke semasa, ianya pada masa sekarang memadai. Ianya digubal setelah kita mengambil perhatian, pengalaman dan undang-undang yang wujud dalam negara-negara yang lain, yang diubahsuai sedikit untuk mengambil perhatian kedudukan di negara kita ini. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.18 ptg.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan untuk mengawalselia penggunaan tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maklumkan semalam terdapat dua kategori undang-undang siber yang telah dibentuk bagi melicinkan pelaksanaan projek MSC. Pertamanya ialah undang-undang bagi memudahkan perniagaan elektronik atau, dengan izin, Commerce Enabling Law dan keduanya undang-undang bagi melindungi kepentingan pengguna atau Societal Cyber Law. Akta Tandatangan Digital adalah tergolong di dalam kategori undang-undang yang berbentuk commerce enabling yang digubal untuk melicinkan transaksi elektronik di bawah peruntukan akta ini, tandatangan digital berfungsi sama seperti tandatangan biasa bagi sesuatu dokumen elektronik dan boleh, mengesahkan pertama, identiti penghantar sesuatu perutusan elektronik dan kedua, integriti sesuatu perutusan elektronik. Dengan adanya pengiktirafan tandatangan digital di bawah akta ini, dokumen-dokumen elektronik boleh diterima sebagai dokumen sah di sisi undang-undang.

Untuk membolehkan transaksi elektronik dilaksanakan, perkara-perkara berikut perlu diwujudkan iaitu:

- (i) suatu proses pengiktirafan tandatangan digital dalam transaksi elektronik;
- (ii) sistem yang boleh dipercayai, atau dengan izin, trustworthy system dalam mencipta tandatangan digital dan pasangan kunci identiti.
- (iii) pihak berkuasa tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi supaya prosedur-prosedur yang ditetapkan dipatuhi; dan
- (iv) memberi perlindungan dan dengan izin, legal recourse bagi pengguna-pengguna sekiranya berlaku sebarang penyelewengan.

Berdasarkan kepada, antara lain, perkara-perkara tersebut di atas, peruntukan-peruntukan utama dalam rang undang-undang tersebut telah diwujudkan. Di bawah akta ini seseorang pengguna yang ingin melakukan transaksi elektronik dan mengkehendaki tandatangan digitalnya diiktiraf di sisi undang-undang perlu mendapatkan satu sijil atau perakuan bagi kunci awamnya dari pihak berkuasa pemerakuan (certification authority). Seorang Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan

(Controller of Certification Authorities) akan dilantik untuk mengawasi aktiviti-aktiviti bagi pihak pemerakuan. Adalah wajib bagi semua pihak berkuasa pemerakuan untuk mendapatkan lesen. Fungsi pihak berkuasa pemerakuan adalah untuk mengeluarkan sijil atau perakuan kepada seseorang pengguna selepas memastikan identitinya. Dalam menjalankan fungsinya, pihak berkuasa pemerakuan hendaklah menggunakan sistem yang boleh dipercayai (trustworthy system). Di samping itu, pengguna-pengguna juga mempunyai kewajipan untuk menggunakan suatu sistem yang boleh dipercayai dalam menghasilkan satu tandatangan digital dan seterusnya dalam menjaga keselamatan kunci persendirian (private key).

Suatu 'repository' yang diiktiraf oleh pengawal akan menjalankan fungsi menyimpan dan menerbitkan sijil-sijil atau perakuan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengannya. Pengawal juga akan mengiktiraf perkhidmatan penanda tarikh dan masa (date and time stamp services) bagi membuktikan masa sesuatu dokumen itu ditandatangani. Sekiranya pihak berkuasa pemerakuan tidak mempunyai lesen, ia adalah melakukan kesalahan di bawah akta dan maka 'liability'nya tidak akan dihadkan di sisi undang-undang.

Begitu juga jika sekiranya pasangan kunci yang digunakan tidak mempunyai perakuan daripada pihak berkuasa pemerakuan yang sama ada dilesen atau tidak, maka dokumen yang mempunyai tandatangan digital itu tidak akan dianggap sebagai dokumen asal dan bertulis. Fakta-fakta ini hendaklah dibuktikan secara lazim.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini disediakan berdasarkan kepada pengalaman daripada beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat, Jerman dan sebagainya. Kerajaan sedar bahawa ianya adalah suatu bidang yang baru. Justeru itu juga kita akan mengambil sikap yang terbuka dan kemungkinan ianya perlu diubahsuaikan dari masa ke semasa kemudian kelak. Saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan untuk mengawalselia penggunaan tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Mastika.

5.24 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 yang telah dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun berjaya membentangkan rang undang-undang ini. Saya kira rang undang-undang ini bukan sahaja dibentangkan di Parlimen pada petang ini tetapi telah pun mendapat publisiti yang meluas dan semua Ahli Parlimen telah pun diberi penerangan dalam satu majlis yang telah diadakan di Parlimen ini. Kita mengucapkan terima kasih di atas daya usaha pihak kementerian yang telah pun mengambil perhatian yang serius di dalam membentangkan rang undang-undang yang melibatkan undang-undang baru dan juga satu sistem pengurusan dan sistem pemakaian baru di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya tidak sempat mengambil bahagian di dalam membincangkan jenayah komputer dan bagi kita memang perkembangan komputer yang wujud di negara kita ini telah pun ada sekian lama, mungkin melebihi sepuluh tahun. Namun penggunaan komputer akhir-akhir ini kita lihat telah menjadi sebagai satu penggunaan yang akan merangkumi pelbagai urusan dan penggunaannya akan meluas sehingga akan memberi peluang kepada rakyat negara kita dan juga dunia luar untuk kita berhubung dan memudahkan lagi urusan-urusan sama ada perniagaan dan juga perhubungan.

Sikap kerajaan di dalam memberikan penekanan untuk menjalankan projek Multimedia Super Corridor (MSC) dan juga mengambil bahagian di dalam dunia pesat - dunia siber ini amatlah kita hargai dan ini saya kira sebagai satu langkah di mana kita ingin terus memastikan supaya negara Malaysia menjadi negara yang sama - berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara di dunia ini.

Ini adalah merupakan satu peluang bagi negara kita sebagai negara yang membangun menuju ke arah negara maju untuk meletakkan tempat negara kita bersama-sama dengan negara maju. Sekiranya kita benar-benar dapat menguasai dan benar-benar dapat menerajui dunia siber yang sekarang ini yang disebutkan bahawa dunia tanpa sempadan. Tanpa usaha-usaha yang dijalankan bersungguh-sungguh dalam hal ini bererti kita akan terus terjajah kerana hari ini penjajahan bukan berlaku secara peperangan, penjajahan bukan sahaja berlaku secara penjajahan dari segi ekonomi tetapi penjajahan akan berlaku apabila kita mempunyai kurang maklumat dibandingkan dengan negara-negara lain.

Jika negara Malaysia benar-benar dapat menggunakan cogan kata 'Malaysia Boleh' dalam hal ini tidak mustahil satu hari nanti negara kita walaupun sebuah negara yang kecil, mempunyai penduduk 22 juta - mungkin 19 juta ataupun kalau dicampur dengan yang ada dalam negara kita keseluruhan rakyat dan ada pula pendatang asing negara kita, angka yang tepat saya tidak ada, 20 juta agaknya - kita akan dapat meletakkan negara kita yang kecil ini sebagai sebuah negara yang maju di dunia.

Saya rasa itulah hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam memperkenalkan MSC, membuat percubaan, mengadakan Multimedia Super Corridor dan memang menjadi harapan kita supaya usaha ini akan berjaya dan multimedia ini akan berkembang bukan sahaja di kawasan yang telah dikenalpasti tetapi akan berkembang ke seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh mengenai tandatangan digital ini saya ingin memberikan sedikit pandangan lagi di dalam hal ataupun dalam usaha-usaha kita untuk meletakkan negara kita sebagai salah satu daripada negara yang termaju ataupun negara yang menerajui multimedia ini. Dalam kita berbincang kita sering memikirkan bahawa infrastruktur yang kita wujudkan sama ada dalam bentuk undang-undang ataupun dalam bentuk-bentuk yang lain seolah-oleh memberi convenience, dengan izin, kepada pihak-pihak lain untuk menjalankan urusniaga di negara kita. Saya berpendapat bahawa kita harus proaktif dan kita juga harus meletakkan satu harapan supaya apa yang kita usahakan ini akan dapat memberikan satu perkembangan yang terbaik kepada negara kita. Oleh itu, dalam masa kita memajukan Multimedia Super Corridor, saya berpendapat bahawa dalam masa yang sama kita harus mempertingkatkan kemampuan kita bukan sahaja menguasai bidang komputer ini tetapi seharusnya rakyat di negara kita, sama ada agensi kerajaan ataupun badan-badan swasta ataupun mana-mana pihak untuk menentukan supaya kita juga menguasai 'hardware' dan 'software' di dalam komputer ini.

Kita tahu bahawa kita telah berjaya mengeluarkan air-condition yang terbesar di dunia. Saya berpandangan pada hari ini langkah harus diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan supaya pengeluaran komputer dapat diusahakan di negara kita supaya walaupun kita tidak menjadi pengeluar yang terbesar tetapi kita menjadi di antara pengeluar komputer yang terbesar.

Yang keduanya, kita harus menguasai software. Kalau kita cuma mengharapkan Bill Gates, Microsoft yang mengeluarkan software untuk komputer ini, bermakna mereka adalah menjadi sebagai peneraju dan penentu perjalanan di dalam pengendalian komputer ini. Bererti dunia tanpa sempadan, yang saya faham bahawa dunia sudah tidak ada lagi sempadan. Kalau di dalam dunia komputer, memasuki 'field computer', bererti mana-mana orang, contohnya daripada Malaysia, dia boleh beroperasi melibatkan diri beroperasi di United States misalnya, di Belanda, di Afrika, di mana-mana sahaja tanpa ada sekatan, tanpa ada polis yang boleh menyekat, tanpa ada imigresen yang boleh menyekat, tanpa ada mana-mana pihak yang boleh menyekat

kerana sekarang ini dengan banyak negara yang telah pun melibatkan diri untuk melancarkan satelit masing-masing, kita boleh berhubung di antara satu sama lain.

Dunia sudah tidak mempunyai sempadan. Kuasa-kuasa yang ada pada kita semakin lama semakin kecil. Hari ini, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, polis, imigresen dan sebagainya sudah tidak dapat lagi mengawal, kita boleh menjelajah seluruh Amerika dengan cuma tekan satu butang sahaja kita boleh mengakses kepada apa sahaja maklumat-maklumat yang ada di mana-mana yang kita mahu.

Jadi, dengan sebab itu apabila dunia tidak mempunyai sempadan, mungkin kekuasaan kita kalau kita pun menjadi sebagai pihak yang berkuasa di dalam sebuah negara akan berkurangan kerana Internetlah yang akan menerajui pemikiran, yang akan menentukan perjalanan sosio-ekonomi, budaya dan sebagainya.

Maka untuk kita memastikan supaya negara kita akan terus menjadi peneraju, kita harus berusaha bersungguh-sungguh, sebagaimana saya sebutkan tadi, bukan sahaja setakat mengadakan satu infrastruktur untuk kemudahan bagi pihak lain datang ke negara kita tetapi kita juga menguasai bidang-bidang pengeluaran hardware dan software.

Saya tidak fikir Malaysia tidak boleh kerana selama ini apabila kita masuk dalam bidang pengeluaran kenderaan automotif misalnya, kita telah berjaya dan kita mampu. Naik ke Gunung Everest pun hari ini kita mampu. Saya berpendapat kita harus berfikir bagaimana kita dapat menyesuaikan, bagaimana kita dapat menterjemahkan hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri supaya kita dapat sama-sama berusaha untuk kita menguasai bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Dari segi tenaga manusia, saya fikir Malaysia tidak ketinggalan kerana selama ini sistem pelajaran pendidikan negara kita, kita bukan sahaja ada pelajar di dalam negeri tetapi ramai pelajar kita menuntut di seluruh pelosok dunia. Jadi, tidak ada sebab mengapa kita menyatakan bahawa kita tidak mampu, kita tidak ada kepakaran kerana di mana ada universiti di negara kita yang terkenal, yang bagus, kita ada pelajar-pelajar di sana.

Di negara-negara maju juga dari segi tenaga manusia, saya rasa mereka keluar daripada universiti dan tempat yang sama. Kemungkinan kita ada di mana-mana kekurangan kemudahan dan sebagainya, mungkin kita boleh fikir bagaimana dapat mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, disebutkan tadi bahawa kita akan memperkenalkan satu lagi sistem iaitu tandatangan digital. Tandatangan digital ini akan memberikan satu lagi perkembangan baru di dalam negara kita di mana usaha-usaha kita dalam bidang-bidang pengurusan, perniagaan, pentadbiran dan sebagainya dapat dipermudahkan. Kita tidak lagi menghadapi banyak paper work untuk kita menentukan urusan-urusan ini berjalan. Kita cuma memerlukan mungkin sebuah komputer dan kita mempunyai satu sistem di mana kalau mengikut fahaman saya, seperti kad ATM bank, semuanya ada tercatat di dalam kad tersebut dan kad ini mungkin boleh digunakan dan kad ini mempunyai sistem-sistem yang tertentu untuk menentukan kesahihan penggunaannya.

Cuma yang ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dalam penggunaan kad tandatangan digital ini bagaimanakah kerajaan untuk melaksanakan proses perkembangan ini tanpa ada mana-mana agensi sebagai satu agensi yang menyelaraskan semua urusan mengenai penggunaan komputer ini. Kerana bidang ini bidang baru, adakah pengurusan dan juga aplikasi serta pengawalan undang-undang ini akan dikawal oleh agensi-agensi yang terlibat, misalnya sebentar nanti kita akan mendengar teleperubatan, adakah Kementerian Kesihatan yang akan mengawal, adakah undang-undang yang sedia ada dapat memenuhi keperluan-keperluan apabila rang undang-undang ini diluluskan dan sistem ini berjalan?

Jadi, saya agak bimbang dari segi pelaksanaannya, bagaimanakah agensi-agensi yang sedia ada ini dapat meneruskan tanggungjawab untuk menentukan supaya

undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini akan benar-benar berkesan? Dan juga sekiranya ada pelanggaran-pelanggaran undang-undang tidak memakan masa yang lama dan juga tidak mempunyai masalah-masalah teknikal untuk meneruskan usaha-usaha bagi mengambil tindakan-tindakan kepada mereka yang terlibat.

Yang keduanya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya mungkin tidak begitu faham apabila disebutkan tadi ada sistem diwujudkan agensi yang berkuasa untuk mengawal selia dan apabila kad-kad ini dikeluarkan, sudah tentu kad-kad ini diregister di dalam satu sistem komputer yang dikawal oleh satu-satu pihak. Setahu saya dalam mengendalikan komputer ini kadang-kadang komputer ini menghadapi masalah, ada komputer masuk virus, semua dokumen dalam komputer itu akan hilang begitu sahaja, sebagaimana yang pernah kita baca satu ketika dahulu di Jabatan Pertanian Sarawak, semua dokumen telah pun kena serangan virus.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh terangkan apa dia virus ini? Yang saya pernah dengar daripada setengah-setengah pihak bahawa virus ini juga adalah satu sistem yang dibuat oleh manusia. Saya tidak tahulah virus, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan ada di sini. Saya fikir virus dalam komputer tidak sama dengan virus pada manusia, iaitu virus yang ada di udara biasa, tetapi virus yang ada dalam komputer adalah virus yang dicipta oleh manusia sendiri dan adakah ini boleh ditafsirkan sebagai hackers?

Kadang-kadang di dalam dunia komputer, sebagaimana disebut oleh rakan-rakan saya tadi, ada pihak-pihak yang suka ataupun ingin mencuba, ingin melihat kemampuan dan kebolehannya. Itu yang berlaku. Ada setengah-setengah pihak bukan bertujuan untuk memasuki mana-mana sistem komputer, tetapi dengan trial and error dia telah pun dapat masuk kepada satu sistem.

Baru-baru ini kita juga biasa mendengar bahawa Telekomnet, saya tidak tahulah, mungkin menteri dapat menjelaskan, katanya dua kali telah pun dimasuki, dicerobohi. Jadi, kalau soal pencerobohan ini berlaku kepada agensi yang diberi kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak, agensi-agensi yang menjaga pengeluaran kad-kad ini, kemungkinan ia akan menimbulkan masalah apabila urusan-urusan akan dijalankan. Kita berpengalaman dengan ATM di bank-bank apabila katanya out of line, sehari, dua hari, kita tidak dapat menjalankan urusan. Itu baru kita lihat di dalam urusan yang kecil. Agaknya dipanggil dalam urusan intranet, di antara satu agensi pusat dengan agensi-agensi dalaman.

Apa hal kalau ini berlaku yang mengakibatkan hubungan-hubungan Internet, hubungan-hubungan yang merupakan antara negara dengan negara, tentulah kerugian-kerugiannya akan berlaku dengan begitu besar dan kemungkinan kerajaan ada satu pandangan ataupun ada satu cara bagaimana untuk memastikan supaya host, saya tidak tahulah, word 'host' ini agaknya data simpanan, data yang menyimpan data-data penting ini, dapat dipastikan supaya host ini tidak tercemar, tidak terganggu dan host ini dapat memberikan satu perkhidmatan yang tidak akan dapat diganggu gugat oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja yang ingin saya sebutkan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatanganan Digital ini. Cuma kalau dapat, mungkin saya ketinggalan, sebab tadi saya tidak dapat berpeluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Jenayah Komputer.

Apabila saya menyebutkan tadi usaha-usaha untuk menguasai software, saya tidak tahu sama ada tadi telah dibincangkan kalau ada usaha-usaha urus niaga yang dijalankan yang boleh menimbulkan soal-soal sosial negatif, adakah dikira dalam jenayah tadi, adakah perkara-perkara ini telah pun disebutkan? Kerana kita tahu apabila kita ada komputer, belum pun ada Internet, macam-macam ada dalam komputer itu, tambahan pula kalau kita ada Internet.

Di Dewan ini juga pernah disebutkan oleh ahli-ahli Dewan apabila ada di antara ahli-ahli Dewan di sini yang membuka Internet, terjumpa juga, ternampak juga perkara-perkara yang di luar batasan yang mungkin akan menjadi satu perkara yang

boleh menjejaskan masyarakat, yang menimbulkan perkara-perkara negatif dalam masyarakat, yang disebutkan tadi dalam jenayah komputer yang saya terdengar tadi kebanyakannya kita membincangkan soal mungkin urusan niaga, memikirkan soal data-data dari segi pentadbiran dan sebagainya, tetapi bagaimana pula kalau perniagaan-perniagaan yang melibatkan soal-soal yang negatif ini.

Mungkin menteri dapat menjelaskan, kerana bagi orang ramai sebenarnya inilah yang amat dibimbangkan oleh orang ramai sama ada di mana-mana pihak kita mendengar tohmahan-tohmahan kepada kerajaan dalam melancarkan Multimedia Super Corridor ini, pandangan-pandangan negatif ini sering dikeluarkan. Jadi, kita pun kalau dapat mendengar penjelasan daripada menteri, mungkin bahan-bahan itu dapat kita gunakan untuk kita dapat maklumkan kepada rakyat kita supaya kebimbangan ini tidak ada supaya sokongan daripada seluruh rakyat di Malaysia untuk kita menerajui bidang IT ini akan dapat benar-benar berkesan.

Sebelum saya mengakhiri, sekali lagi saya ingin menyebutkan, bagi saya kalau kita hendak melakukannya biarlah kita melakukannya sehingga kita bukan sahaja menyediakan infrastruktur sahaja, sebagaimana saya sebutkan tadi, kalau boleh kita menerajuinya benar-benar, menerajuinya dari segi kemudahan-kemudahan, undang-undang dan kita sebagai pengeluar-pengeluar, pencipta-pencipta hardware dan software untuk keperluan kita dan juga keperluan dunia. Dengan itu, saya kira barulah kita dapat menguasai benar-benar Multimedia Super Corridor ini.

Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Tandatangani Digital 1997.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

5.44 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk memberikan pandangan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Tandatangani Digital 1997.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang yang sedang kita bincangkan sekarang, yang memainkan peranan yang sebegitu penting ialah Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan atau dengan izin, Controller of Certification Authorities yang dilantik oleh pihak menteri yang akan mengesahkan tandatangan-tandatangan digital ataupun sebarang transaksi elektronik ataupun decommerce, dengan izin, yang akan dilaksanakan melalui perjanjian-perjanjian yang tidak memerlukan tandatangan biasa, tetapi melalui tandatangan digital.

Di sini bermakna bahawa pengawal yang dilantik oleh pihak menteri mempunyai kuasa yang begitu mutlak. Jika berlaku sebarang perbalahan, jika berlaku sebarang pertikaian, mahkamah ataupun pihak hakim ataupun pihak majistret akan melihat ataupun akan mengambil perakuan yang dibuat oleh pihak pengawal tadi adalah sebagai betul dan juga benar. Di sini, pada hemat saya akan timbul suatu yang kadangkala boleh menimbulkan ketidakpuasan pihak-pihak tertentu, kerana apa yang dikatakan oleh pihak pengawal, apa pun kalau disahkan bahawa pihak pengawal mengatakan bahawa betul tandatangan digital itu adalah tandatangan pihak yang menghantarnya walaupun pihak yang menghantarnya telah pun menidakkannya, ianya tidak dapat dipertikaikan lagi.

Jadi saya berharap supaya pihak menteri akan melantik pengawal pihak berkuasa pemerakuan ini terdiri daripada mereka yang betul-betul mempunyai wibawa, mereka yang tidak boleh dirasuah, tidak akan mengambil kesempatan. Begitu juga saya lihat pegawai pengawal ini boleh melantik pula, setelah berunding dengan menteri, melantik pegawai-pegawai dan perkhidmatan yang difikirkan perlu untuk menjalankan dan juga melaksanakan, kerana kata-kata mereka ini di dalam mahkamah adalah kata-kata yang akan diambil sebagai benar oleh pihak mahkamah ataupun pihak majistret. Dengan lain perkataan, maknanya cakap kita against cakap pihak-pihak pengawal tadi. Jadi, saya berharap pihak pengawal ini mempunyai tanggungjawab yang sebegitu berat di dalam usaha kita untuk melaksanakan Rang Undang-undang Digital ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kemungkinannya PIN ataupun identification number ataupun private key yang dimiliki oleh pihak-pihak yang menggunakan Rang Undang-undang Tandatangani Digital ini boleh diklon. Sekarang ini telefon pun boleh diklon, kad ATM pun boleh diklon, daripada Kementerian Kesihatan kata orang pun boleh diklon. Betul di Malaysia adakah atau tidak? Belum lagi. [Ketawa] Manusia pun boleh diklon, inikan pula untuk membuat klon kepada private key, saya percaya ini kena diambil kira dan difikirkan oleh pihak kementerian kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku apabila cloning ini berlaku tentulah walaupun barang itu sama, tetapi pada hal mereka yang mempunyai tandatangan digital itu tidak melakukan ataupun tidak membuat pesanan ataupun sebagainya.

Satu perkara lagi yang saya percaya pihak kementerian perlu memerhatikan ataupun mengambil berat ialah ada kemungkinan pihak-pihak lain yang intercept, dengan izin, umpamanya kalau melalui tandatangan digital betul genuine, yang saya punya saya memohon ataupun membuat pesanan. Seorang itu membuat beberapa pesanan tetapi di dalam perjalanan untuk disampaikan kepada pembekal, adalah pihak yang intercept, menambahkan pula pesanan. Katalah daripada 1,000 unit jadi 1 juta unit ataupun sebagainya. Ini semuanya boleh berlaku. Dari segi tandatangan betul, tandatangan digital memang menggunakan pihak yang memesan. Tetapi di dalam perjalanan ada pihak-pihak yang intercept untuk menambahkan atau mengurangkan ataupun menukar syarat-syarat yang terdapat di dalam E commerce yang dihantarkan kepada pihak yang dipesankan. Perkara ini boleh berlaku, saya percaya. Perkara ini sama juga seperti E-mail. E-mail pun ada orang yang boleh intercept, kadangkala barang itu pun tidak diterima. Bagaimana pula untuk memastikan supaya rahsia-rahsia ini tidak sampai ataupun tidak ada pihak-pihak lain yang intercept dan dapat menerima pesanan-pesanan yang sama. Mungkin tujuan saya hendak hantar kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada pula pihak-pihak lain yang pergi ambil semuanya dan salurkan kepada pihak-pihak yang lain. Ini juga perlu dilihat oleh pihak kementerian supaya Rang Undang-undang Digital yang akan kita laksanakan ini biarlah sebetul-betulnya bermakna dan juga memberikan kesan.

Sekali lagi saya berharap supaya saya menyatakan betapa besarnya kuasa yang diberikan kepada pengawal berkuasa pemerakuan ini, dan sekali lagi saya berharap biarlah mereka yang betul-betul berkebolehan, berkemampuan untuk menjalankan tugas ini supaya ianya tidak akan disalahgunakan dan ianya juga tidak akan ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada jawatan yang disediakan iaitu sebagai pengawal bagi pemerakuan ini.

Sekali lagi saya juga berharap, saya percaya kerana perkara ini adalah satu perkara yang baru, kemungkinannya struktur mahkamah kita dari segi kehakiman, dari segi perundangan, dari segi penghujahan dan sebagainya supaya membuat persediaan-persediaan, persiapan-persiapan untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang ada, mungkin ada perkara-perkara yang akan dibangkitkan di mahkamah, janganlah bila sudah dibangkitkan di mahkamah barulah kita hendak mencari mereka yang pakar tentang perkara ini, tentang hal-hal ini. Masa itu mungkin pihak-pihak yang membuat aduan tidak akan mendapat pengadilan yang sebaik-sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Tandatangani Digital 1997.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.52 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah dan juga Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Tandatangani Digital ini.

Saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih dan juga cuba menerangkan sedikit-sebanyak perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Biarlah saya secara terang juga menyatakan saya sendiri bukanlah seorang teknikal dari segi komputer dan saya sendiri tidaklah mempunyai pengalaman yang luas dan cukup untuk kegunaan komputer. Apa yang kita terangkan ialah berasaskan pengalaman dan kita lihat, berasaskan perbincangan yang kita adakan dengan pegawai-pegawai dan mereka yang mempunyai pengalaman dalam urusan komputer. Walaupun demikian, satu soalan yang disentuh oleh Puan Mastika tadi ialah bagaimanakah kita hendak melaksanakan undang-undang ini. Sebenarnya sudah tentu mungkin perlu diwujudkan jabatan tidak kira di bawah kementerian mana ianya diwujudkan ataupun kita boleh mengkaji kemungkinan adakah jabatan-jabatan yang sedia ada sekarang boleh menjalankan tugas ini. Ianya akan dikaji dan ditentukan siapakah atau jabatan manakah yang akan menjalankan tugas sebagai pengawal dalam segi undang-undang ini.

Apabila kita menyebut perkara pengawal ini yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi, adakah pengawal ini mempunyai kuasa yang mengiktirafkan tandatangan digital ini atau tidak, mungkin ada kekeliruan sedikit. Sebenarnya tugas pengawal ini ialah cuma untuk membentuk certification authority. Jadi, bukan pengawal yang menyediakan tandatangan digital dan bukan pengawal yang mengesahkan tandatangan digital itu. Sebenarnya pengawal itu diberi tugas cuma melantik certification authority. Jadi, certification authority itu mereka atau syarikat yang dikenal pasti mempunyai pengalaman dan kemampuan dalam menguruskan tandatangan digital. Jadi, mereka yang mengeluarkan tandatangan digital itu ialah certification authority, bukan pengawal sendiri. Dan mereka yang ada lesen sebagai certification authority haruslah mempunyai kepakaran dalam bidang komputer dan menyediakan sistem yang boleh diterima dan apa yang dikatakan trustworthy sistem, barulah mereka itu boleh diberi lesen sebagai certification authority.

Apabila ianya telah mendapat lesen certification authority, apabila seseorang berhajat untuk menggunakan tandatangan digital, seorang itu boleh berhubung dengan certification authority dan meminta tandatangan digitalnya dibuat. Ianya dibuat mengikut kalau dikatakan crypto teknologi dalam perkataan orang Inggeris menggunakan arithmetic, algorithm dan sebagainya, jadi saya sendiri pun kadang-kadang susah hendak faham ini betul. Tetapi ianya berasaskan mathematical formula dan mathematical encryption dan mathematical decryption dan sebagainya, oleh itu sukar untuk tiru dan sebagainya. Itu untuk menjaga keselamatan. Bahkan dua kunci dibuat, satu dikatakan kunci awam yang disimpan di dalam repository boleh kita hendak check, dan satu lagi kunci persendirian ataupun private key. Mana-mana orang yang berurus secara transaksi mengikut elektronik, ianya boleh menggunakan private keynya misalnya sebagai PIN nombor kita, dan private key itu mengikut computer transaction diuruskan oleh komputer sendiri adakah ianya selari atau seimbang dengan public key yang disimpan di dalam repository. Kalau ianya betul-betul boleh bersama-sama diterima oleh komputer mengikut program-program yang tertentu, ianya barulah boleh disah sebagai orang yang mempunyai tandatangan digital yang telah diberi oleh certification authority.

Soalan virus juga disuarakan. Mengikut fahaman kita virus ini ialah merupakan suatu program komputer yang boleh mencero boh masuk dalam mana-mana data base komputer sendiri. Ianya memang boleh direka oleh pakar-pakar komputer programming. Walau bagaimanapun, dalam pakar-pakar programming juga mempunyai kepakaran untuk boleh menghalang virus masuk. Ini juga suatu teknologi yang ada di dunia untuk menyelia computer software programme yang boleh mencegah atau menghalang virus tersebut.

Peranan pegawai mengesahkan tandatangan telah saya terangkan tadi. Masalah sama ada kita boleh mengadakan data bases yang tidak dapat diketahui oleh virus programme adalah memang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa berlesen menyediakan trustworthy system bagi mengendalikan urusan-urusan tandatangan

digital. Bermakna sebelum seseorang atau syarikat diberi lesen menjadi certification authority, ianya mesti dikenal pasti benar-benar mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang ini.

Integriti mesej yang diterima, satu daripada ciri tandatangan digital ialah penggunaan apa yang disebutkan 'hash function' untuk mengesahbetulkan integriti mesej yakni bahawa ia tidak diganggu dalam perjalanan kepada penerima. Jika hash result message yang diterima sama dengan 'hash result message' yang dihantar, yang dihantar dalam sebahagian daripada tandatangan digital, maka mesej kita tidak diganggu. Bermakna memang ada suatu teknologi dimasuk dalam digital network ini yang boleh mengesahkan apa yang dikatakan 'hash function' menge'check'kan ada atau tidak sudah diubah mesej diwaktu mesej itu melalui computer network. Kalau dipastikan oleh 'hash function' ini tidak ada berubah barulah itu disahkan dan ianya juga mempunyai digital signature yang telah diterima.

Itu sahaja dari segi spesifik komen yang telah saya dapat pastikan, namun demikian, diwaktu perbahasan Yang Berhormat Puan 'Maskina' ada juga menyentuh dari segi soal sosial. Ini memang kita akui bahawa dalam dunia komputer ini tidak ada border dan tidak dapat kita menyekat maklumat yang boleh diterima dan boleh disalur melalui computer network dan sebagainya, bahkan Internet memang kalaulah kita hendak mendapatkan bahan yang kurang manis atau yang lucu dan sebagainya, memang ada di sana dan kita tidak dapat mengawal dengan cara-cara tertentu dan tidak ada cara untuk kita mengawal dengan betul. Dan ini berlaku bukan sahaja di negara kita ini bahkan berlaku di seluruh dunia.

Jadi, apakah boleh kita mengawal atau tidak, kita fikir sukar untuk dikawalkan, oleh itu kita hendaklah menerima hakikat bahawa ianya akan berlaku dan sudah tentu kita hendak menjaga moraliti kita sendiri, untuk pendirian kita sendiri, untuk benar-benar dapat memilih bahan yang boleh diguna dan bahan yang tidak boleh diguna. Computer network ini seolah-olah memang satu alat yang boleh menguntungkan dan juga boleh memberi kesan yang kurang manis, yang buruk. Tetapi, tidak bermakna kerana ianya membawa kesan yang buruk, kita terus tidak menerimanya dan menutupkan cara kita sendiri di negara kita ini.

Pendirian kerajaan ialah kita tidak boleh berbuat demikian, kalau kita berbuat demikian, sudah tentu kita tidak mendapat bahan-bahan yang lebih banyak yang baik menerusi saluran komputer ini. Ini terpulang kepada kita untuk menjaga kita sendiri dan mengajar anak kita sendiri untuk mempunyai moral, untuk mempunyai pendirian yang tegas

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk, ada yang minta laluan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, nama saya Puan Mastika sebenarnya Yang Berhormat, bukan Maskina.

Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Saya cuma hendak mengajukan sedikit soalan dalam hal ini. Saya rasa MIMOS ada untuk hendak menapis apa-apa bahan daripada luar, cuma kemampuan agaknya kadang-kadang terlepas, ini kalau saya tidak silaplah. Saya pun tidak tahu sangat dalam soal ini. Tetapi, dari segi jenayah komputer tadi, minta maaf saya terlepas tadi Yang Berhormat, sekiranya kita mengadakan peraturan kebanyakannya dalam perniagaan.

Saya hendak bertanya kalau ada orang yang menjalankan perniagaan dalam negara kita, menganjurkan ataupun ada menyediakan urusan ataupun perkara yang tidak manis ini diusahakan oleh orang Malaysia sendiri, adakah undang-undang di Malaysia ada untuk kita mengambil tindakan kepada mereka yang melibatkan diri sebagai pengusaha ataupun yang memasukkan perkara ini sebagai perniagaan misalnya, daripada luar negara saya tahu memang ada.

Kalaulah besok ada daripada negara kita, ada atau undang-undang yang kita boleh menangkap, menghukum mereka untuk mengelakkan supaya perkara ini tidak menular dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ya, Datuk.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kalau salah sebut nama tadi, benar juga ini nama Puan Mastika, bukan yang salah sebut tadi.

Terlebih dahulu soalan MIMOS dan penapisan itu tadi, yang kita tahu walaupun memang ada beberapa program yang telah pun wujud untuk cuba menapis bahan yang boleh disalurkan dari segi penerima, kita yang menerima program komputer ini mungkin dapat menggunakan beberapa software programme, dengan izin, untuk menghalang atau menapis bahan yang kita boleh terima.

Walaupun demikian, setakat sekarang tidak ada jaminan yang boleh memberi jaminan 'guarantee' bahawa ianya boleh memberi kesan yang 100% dari segi kita dapat menghalang. Hakikatnya kita harus menerima bahawa apa yang boleh disalurkan menerusi transaksi komputer ini ianya akan juga boleh disalur, jadi, terpulanglah kepada kita untuk menentukan apa yang kita boleh guna, apa yang kita tidak boleh guna dan untuk menjaga keluarga dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kita merasa biarlah kita mempunyai pengalaman dalam MSC ini dan dari pengalaman itu, biarlah kita mengehadkan kegunaan ini liberalisasi dari segi soalan ini MSC dahulu dan kita berharap akan mempunyai pengalaman dari MSC ini dan tidak memperluaskan kegunaan di tempat-tempat lain di negara ini, kalaulah kita melihat ada kesusahan yang amat teruk sekali yang boleh berlaku.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dari segi adakah undang-undang yang boleh kita guna untuk mengesankan mereka yang menyalurkan bahan-bahan yang tidak baik dan sebagainya, content provider dan sebagainya dalam negara ini, saya sendiri kurang pasti, tetapi saya fikir memang ada undang-undang kita sendiri yang boleh dipakai. Apa yang susah ialah kita hendak mengesan siapakah yang menyediakan bahan serupa itu.

Kalaulah kita dapat mengesan mereka tersebut, mereka akan terletak dalam segi undang-undang biasanya CPC dan sebagainya ataupun undang-undang yang lain, yang ada di negara kita ini.

Soalan yang timbul ialah bagaimana kita hendak mengesah, misalnya dari segi kita menerima bahan lucas di Internet, mereka yang mengeluarkan bahan itu, dia berpindah, sekarang dia menggunakan nama ini, sesudah itu dia berpisah lagi, dia berpindah ke sana, berpindah ke sini, jadi sukar untuk kita menghalang kerana dia selalu melarat dan berlari. Ini satu soalan dan satu kesusahan dalam segi teknologi moden yang ada.

Walaupun demikian, ianya mempunyai opportunity yang baik, yang harus kita guna dan kita mempunyai hakikat ianya tidak boleh diketepikan dan baguslah kita menerimanya dengan cara terbuka dan menyediakan diri lagi untuk menghadapinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan dan penerangan serupa itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 hingga 92 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TELEPERUBATAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu rang undang-undang untuk mengawal amalan teleperubatan yang bertajuk Akta Teleperubatan 1997.

Rang Undang-undang ini yang hanya mengandungi enam seksyen, ini adalah satu undang-undang yang ringkas tetapi mempunyai satu maksud yang besar bagi negara ini.

Rang Undang-undang ini merupakan satu inisiatif kerajaan untuk memajukan serta menyelaraskan penggunaan alat-alat multimedia untuk meningkatkan taraf penjagaan kesihatan dan penyampaian perubatan secara positif di negara ini.

Kerajaan sedar dan merasa bangga bahawa negara kita merupakan negara yang pertama yang telah mengenalkan rang undang-undang ini di rantau ini. Rang Undang-undang ini dengan jelas membuktikan komitmen serta galakan kerajaan untuk menjayakan projek Multimedia Super Corridor. Kerajaan sedar bahawa teknologi adalah tidak statik dan dengan demikian, kerajaan juga sedar bahawa rang undang-undang juga akan menjalani perubahan atau pindaan yang selaras dengan kemajuan teknologi dari masa ke semasa.

Sekiranya kerajaan tidak mengambil inisiatif yang gigih sekarang untuk menjayakan projek MSC termasuk menggalakkan pengguna teleperubatan, negara ini akan ketinggalan jauh daripada negara-negara yang maju. Memandangkan demikian, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan infrastruktur asas dengan adanya undang-undang siber termasuk Rang Undang-undang Teleperubatan.

Untuk membolehkan perubahan atau pindaan undang-undang yang berkaitan dengan pengawalan teleperubatan dibuat mengikut perkembangan teknologi maklumat yang terkini, rang undang-undang ini adalah memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini amalan-amalan perubatan seperti diagnosis, pemeriksaan, rawatan dan konsultasi berhubung dengan seorang pesakit dilakukan secara actual consultation, dengan izin, di mana pesakit berada bersama dengan pengamal perubatan secara fizikal dalam satu premis seperti di hospital, klinik mahu pun rumah pesakit.

Konsultasi melalui telefon di antara pesakit dengan pengamal perubatan dan di antara pengamal perubatan dan pengamal perubatan lain telah lama dipraktikkan di negara ini. Kemunculan peralatan elektronik lain seperti mesin faks, juga telah digunakan untuk pengamal perubatan untuk bertukar data dan mendapatkan konsultasi bertulis berhubung dengan rawatan seseorang pesakit.

Pada masa ini Akta Perubatan 1971 dan kod etika profesion mengawal amalan-amalan perubatan tersebut dengan memastikan hanya mereka yang berkelayakan sahaja yang mengamal perubatan di negara ini. Perkembangan baru dalam bidang telekomunikasi telah membolehkan beberapa aspek amalan perubatan dilakukan dari jarak jauh dengan menggunakan peralatan elektronik yang mempunyai tiga dimensi iaitu audio, video dan komunikasi data.

Amalan perubatan melalui sistem elektronik atau teleperubatan ini membolehkan seseorang pengamal perubatan ataupun seorang pesakit di sesuatu lokasi berinteraksi dan bersemuka/berhadapan dengan seorang pakar di lokasi lain tanpa berada secara fizikal di samping pakar berkenaan.

Saya difahamkan tujuh belas syarikat memberi perkhidmatan untuk menubuhkan satu sistem teleperubatan ini. Saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan, daripada tujuh belas syarikat itu, berapakah syarikat tempatan yang terlibat di dalam usaha itu?

Tuan Yang di-Pertua, melalui teleperubatan ini satu tahap boleh dicapai di mana robot akan menjalankan surgery, ataupun pembedahan daripada arahan oleh pakar-pakar perubatan. Ini adalah satu kejayaan menggunakan sains dan teknologi. Saya juga difahamkan apabila surgery dibuat melalui teleperubatan, beberapa masalah akan berlaku. Satu masalah ialah penyakit yang dilihat di dalam gambar melalui video itu bukanlah mempunyai tiga dimensi. The picture is not three dimensional, dengan izin, oleh kerana itu beberapa masalah akan timbul dan saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan, adakah kementerian sedar dan peka mengenai masalah-masalah itu dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah itu. Oleh kerana gambar itu tidak mempunyai tiga dimensi, kesilapan diagnosis mungkin berlaku.

Rang Undang-undang Teleperubatan ini telah menetapkan standard minimum berkenaan dengan kemudahan, kelengkapan peralatan dan sebagainya tetapi tidak ada syarat mengenai kualiti untuk tenaga manusia yang akan mengendalikan kelengkapan-kelengkapan hi-tech itu. Saya harap kelayakan minimum akan ditentukan dalam syarat 6(g) oleh kerana kelengkapan itu - seperti saya katakan adalah hi-tech dan tenaga manusia harus mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat.

6.34 ptg.

Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini apabila saya melihat di dalam surat khabar *The Star* tajuk utama iaitu 'Cyberspace S.O.S'. Ini dikira sebelum rang undang-undang diluluskan kita sudah mula menggunakan teleperubatan. Kita sudah meminta daripada pakar-pakar dari luar negeri cara untuk mengatasi satu masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Sabah di mana satu jenis virus 'coxsackie B' telah mengubahsuai diri sendiri dan sekarang ia menjadi satu virus yang sangat serius di mana ia membawa sejenis penyakit yang namanya 'kawasaki disease' di mana jantung dan banyak organ-organ dalam badan kanak-kanak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, teleperubatan adalah satu usaha kerajaan untuk membawa perawatan ke rumah pesakit. Doktor-doktor yang meragui terhadap kes-kes, misalnya masalah di Sabah yang menyulitkan itu bolehlah menggunakan kemudahan teleperubatan dengan menghubungi pakar-pakar perunding dalam bidang perubatan untuk mengenalpasti sesuatu penyakit atau mendapatkan preskripsi yang terbaik bagi rawatan pesakit itu. Melalui teleperubatan pesakit itu sendiri boleh menghubungi seorang doktor atau pakar perunding dengan cepat tanpa ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan-rawatan. Pesakit juga boleh memperolehi beberapa pendapat berkaitan penyakit daripada beberapa sumber.

Dengan adanya teleperubatan, pihak swasta berpeluang menceburkan diri di dalam pelbagai perkhidmatan yang bersangkutan paut dengannya sama ada dari sudut

jangka masa pendek atau jangka masa panjang. Teleperubatan merupakan satu peluang perniagaan yang mungkin menghasilkan keuntungan yang lumayan kepada para pelabur jika mereka betul-betul melabur dalam perkhidmatan sampingan di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik kepada keenam-enam fasal yang meliputi pelbagai perkara yang bersabit dengan pengawalseliaan dan pengawalan undang-undang teleperubatan. Pengwujudan teleperubatan di negara kita merupakan satu perkembangan moden selaras dengan perkembangan teknologi maklumat agar negara kita dapat mara ke sasaran sebagai pusat teknologi maklumat di rantau Asia Pasifik ini, maka perlulah rang undang-undang ini diwartakan kelak bagi mengelakkan perbuatan buruk yang mungkin boleh berlaku sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil tindakan awal untuk membendung dan mencegahnya.

Fasal 2 bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu. Ini bererti mereka yang ingin mengamalkan teleperubatan benar-benar dikehendaki mendalami takrifan perkataan yang berkaitan.

Fasal 3 ini saya kurang faham sedikit oleh sebab saya bukan seorang peguam iaitu Fasal 3 mengatakan -

"Tidak seorang pun selain daripada pengamal perubatan berdaftar yang memegang suatu perakuan amalan yang sah atau lain-lain itu boleh mengamalkan teleperubatan"

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang hendak tanya melalui Internet ke luar negeri dan dijawab oleh orang yang bukan berdaftar, sama ada salah atau tidak salah dari segi undang-undang? Inilah satu saya tidak berapa jelas dalam Fasal 3 ini. Ini saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 menyatakan prosedur untuk mendapat perakuan.

Fasal 5 pula patut mewajibkan pengamal teleperubatan mendapatkan persetujuan pesakit sebelum teleperubatan diamalkan.

Akhirnya Fasal 6 memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan bidang teleperubatan ini. Justeru itu kepentingan semua pihak iaitu kerajaan, pengamal perubatan dan pesakit dapat dijaga dengan rapi.

Bagi tujuan pelaksanaan nanti, saya kira pihak kerajaan perlu menyebarkan melalui media massa ataupun Internet ataupun telekomunikasi kepada, daripada atau dalam sesuatu komputer.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

6.40 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini kerana saya difahamkan salah sebuah hospital yang mungkin masuk ke dalam kategori teleperubatan ini ialah Hospital Mentakab di Pahang dan tempat itu adalah tempat asal saya dahulu.

Jadi, untuk hendak mengadakan sistem teleperubatan ini saya memikirkan supaya Kementerian Kesihatan membuat kempen secara besar-besaran sedikit supaya menyediakan pemikiran orang ramai terutama orang kampung, apa dia teleperubatan ini kerana mereka berkemungkinan terpaksa berdepan dengan pendekatan baru ini di mana pembedahan dan juga perbincangan tentang sakit dia dibuat menerusi sistem teleperubatan ini. Jadi, kalau sekiranya mereka ini yang masih lagi bergelut untuk mendapatkan perubatan secara tradisional, dengan sinsehnya, dengan bomoh dan sebagainya. Lepas itu berdepan pula dengan satu pendekatan yang amat canggih

menerusi teleperubatan ini merupakan satu kejutan budaya perubatan yang amat menggoncang dari segi confidencenya, kepercayaannya di dalam bidang perubatan moden ini.

Salah satu lagi yang saya hendak tahu daripada pihak kementerian, bagaimana kalau sekiranya teleperubatan ini dihubungkan dengan negara-negara yang mempunyai sistem yang sama tetapi tidak mempunyai latar belakang yang sama dengan kita. Di Malaysia ini kebanyakan pakar-pakar kita adalah berkelulusan di dalam bahasa Inggeris menerusi universiti-universiti tempatan dan juga Australia, Amerika dan Great Britain tetapi kalau teleperubatan ini dihubungkan dengan negara-negara yang tidak berbahasa Malaysia yang mungkin kesemuanya sebagai seorang doktor menerima Hippocratic oath tersebut, dengan izin, sumpah Hippocratic bermakna doktor-doktor ini terpaksa berbuat ikrar, dengan berikrar sebagai seorang doktor mungkin sama tetapi budaya berbeza-beza. Jadi apabila wujudnya tentang budaya berbeza-beza ini komunikasi menerusi teleperubatan ianya merupakan satu telekomunikasi yang universal. Jadi, kalau sekiranya ada apa-apa berlaku antara doktor kita di sini dengan doktor, katakan di Rusia ataupun di Poland atau di mana-mana yang pakar dalam bidang sesuatu jenis penyakit ini, bermakna kita menghubungkan pesakit kita dengan mereka, di manakah rujukan yang hendak dibuat kalau sekiranya timbul masalah. Adakah kita mempunyai badan dunia seperti juga Badan Kehakiman Dunia di Hague untuk menentukan kesilapan itu boleh dirujuk untuk mendapatkan penyelesaian undang-undang. Kalau tidak perkara ini berkemungkinan akan merosakkan lagi ataupun menggugat lagi kepercayaan pengguna-pengguna ataupun mereka yang terlibat di dalam sistem teleperubatan ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan seperti juga sahabat saya tadi, tentang tujuh belas buah syarikat yang telah pun memberikan keupayaan mereka kepada pihak kerajaan untuk dibincangkan dan yang mana mungkin diterima untuk menyalurkan sistem teleperubatan ini. Adakah syarikat daripada Malaysia, adakah syarikat daripada Amerika dan sebagainya. Adakah pihak kerajaan membuat kepastian sistem mana yang paling canggih bagi memberikan kepercayaan kepada kita untuk menghubungkan pesakit kita menerusi teleperubatan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini.

Kita amat yakin kalau ianya dapat bergerak dengan sepenuhnya, pesakit-pesakit di negara kita ini akan dapat menemui titik-titik perubatan yang lebih canggih yang kini terdapat, seperti yang dikatakan tadi, di Klinik Mayor di Amerika atau di England, di Australia, saya dengar di Melbourne atau dulunya di mana mereka ada pesakit liver, dengan izin, pergi ke Universiti Leeds yang terkenal dengan pembedahan pesakit liver dan seterusnya

Jadi, dapat perhubungan ini dibuat, tidak kiralah di mana di Mentakab atau di mana-mana sahaja, tetapi sejauh mana perhubungan ini dapat dibuat secara menyeluruh. Adakah kita mempunyai jadual bagi menentukan sekian tahun seluruh hospital di Malaysia dapat dihubungkan antara kawasan-kawasan luar bandar dengan bandar dan bandar dengan kota dan kota dengan pusat perubatan di luar negara. Jadi, sistem seperti ini kalau dapat kita tahu sejauh mana ianya dapat meresapi ke seluruh pelosok negara, ini akan meyakinkan lagi negara kita untuk hendak menggunakan sistem yang bersangkutan-paut dengan Koridor Raya Multimedia ini.

Jadi, Koridor Raya Multimedia ini yang diketengahkan oleh Perdana Menteri kita rupanya banyak sangat kegunaannya dan teleperubatan hanya merupakan salah satu daripada tujuh flagship, seperti yang disebutkan tadi, yang dapat kita banggakan. Jadi, saya mengharapkan timbulkanlah kepercayaan dahulu, siapkan mindset warganegara kita terhadap pendekatan baru ini, teleperubatan yang hendak kita wujudkan di sini supaya mereka dapat menerimanya dengan baik dan, insya-Allah, dapat manfaat daripada kegunaannya terutama sekali daripada saudara saya dari Mentakab.

Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail, sila.

6.47 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin melibatkan diri dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa technology is very volatile, dengan izin. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas keberanian kerajaan untuk memasuki ke dunia teknologi tinggi ini. Dengan menggunakan teknologi teleperubatan ini juga kita yakin akan dapat mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar di dalam negara kita. Kita sendiri telah mendengar di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pakar-pakar bedah jantung adalah seorang doktor pakar bagi 600,000 orang dan kononnya, mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, 33 orang pakar di dalam bidang ini telah mencukupi untuk menjaga seluruh rakyat Malaysia yang lebih kurang 20 juta orang.

Namun apa pun jawapan yang diberikan, kita tetap sedar bahawa ramai lagi pesakit yang sedang menunggu giliran mereka untuk dibedah. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga bahawa senarai menunggu ini bergantung kepada priority keadaan pesakit tersebut. Namun kita tidak dapat menafikan bahawa terkadangkala priority keadaan pesakit ini dapat di 'override' dengan priority pesakit-pesakit VIP.

Justeru itu, hasrat kerajaan untuk mengadakan teleperubatan ini haruslah dipuji dan dilihat sebagai suatu langkah positif yang dapat membantu mempercepatkan proses perubatan dan sekali gus ianya juga akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar di negara kita. Kita juga sedar bahawa teleperubatan ini telah digunakan dengan begitu berjayanya dengan luasnya di negara-negara lain seperti di Australia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan cadangan dari Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu agar teleperubatan ini diperluaskan ke luar-luar bandar. Namun, sekali lagi kita dihantui dengan suatu tanda tanya apakah harapan kita ini akan menjadi nyata dan dapat dilaksanakan di mana kita semua sedar bahawa jauh di pedalaman bekalan elektrik pun belum ada lagi. Sekali lagi kita dapat lihat suatu pembangunan yang tidak seimbang di mana di suatu pihak kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi tinggi ini, namun di suatu pihak yang lain pula kita dapati kerajaan gagal memberikan keperluan asal, infrastruktur yang basic untuk rakyatnya sendiri.

Justeru itu, Rang Undang-undang Teleperubatan ini amatlah diperlukan demi mengawal soal penyalahgunaan, kecuaiian dan juga demi memelihara rahsia-rahsia keperibadian pesakit. Kita sedar bahawa setiap pesakit sudah tentu mahukan rahsia-rahsia peribadinya dipelihara.

Dengan harapan semoga perkhidmatan perubatan akan meningkat dari segi kualiti dan sebagainya, saya menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

6.50 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 bersama dengan rakan-rakan saya sebelum tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan yang telah pun berjaya mewujudkan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Pada pandangan saya dalam usaha-usaha kita untuk menerajui Multimedia Super Corridor, kita harus mempunyai satu asas dan juga satu bidang yang

boleh kita buktikan bahawa kita berjaya dalam bidang information technology (IT) ini. Pada pandangan saya, Kementerian Kesihatan adalah merupakan sebagai satu kementerian yang boleh kita mengharapkan dan meletakkan sandaran kepada harapan kita untuk mengamalkan IT ini secara praktikal, kerana kakitangan Kementerian Kesihatan adalah merupakan kakitangan yang berlatarbelakangkan sains dan teknologi, ia begitu dekat dengan penggunaan sains dan teknologi dalam IT, iaitu media maklumat ini.

Dalam keadaan itu saya berpendapat bahawa di negara kita teleperubatan ini selepas kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini akan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin keseluruhan dalam negara kita. Kalau Multimedia Super Corridor (MSC) dilaksanakan di dalam satu 'bed' ataupun satu batas yang tertentu, tetapi saya berpendapat teleperubatan ini telah boleh dilaksanakan bukan sahaja di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai MSC tetapi telah boleh dilaksanakan di seluruh negara. Ini memerlukan komitmen, kesungguhan pihak kerajaan dan juga pihak kementerian kerana saya tahu buat masa sekarang ini infrastruktur yang ada di hospital-hospital sama ada di Kuala Lumpur ataupun mana-mana hospital yang dikenalpasti untuk dilaksanakan teleperubatan ini belum lagi memenuhi walaupun syarat-syarat minimum.

Kita berharap kepada kementerian selepas ini akan dapat mengambil satu tindakan yang sesuai, satu tindakan yang segera supaya kita dapat menjadikan Kementerian Kesihatan ini sebagai contoh di dalam kita dapat membuktikan kepada rakyat bahawa information technology ini adalah satu perkara yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Ini yang ingin saya sebutkan di peringkat awalan ini sebagai memberi sokongan kepada pihak kementerian supaya usaha-usaha untuk meningkatkan infrastruktur, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya sebelum tadi, akan diberi perhatian oleh kerajaan dan juga kementerian akan mendapat manfaat ini dan akan menyegerakan penubuhan pusat-pusat yang boleh menjalankan ataupun mengamalkan teleperubatan ini.

Kita memang telah pun mendengar ada penerbangan ehsan telah dibuat pada masa yang lalu kerana kita tidak ada kemudahan kepakaran di kawasan-kawasan luar bandar ataupun penyakit-penyakit yang dihidapi oleh pesakit berkenaan tidak ada pakar di tempat-tempat yang tertentu. Salah seorang daripada rakan saya, bapanya meninggal dunia kerana dia telah diserang oleh barah tulang yang tidak dapat dikenalpasti lebih awal, meninggal kerana rawatan diberi agak lewat, mengambil masa yang jauh, penerbangan ehsan daripada Perlis hendak sampai ke Kuala Lumpur tetapi disahkan oleh doktor kerana kelewatan, telah meninggal dunia.

Dalam masa yang sama, sebagaimana disebutkan oleh rakan kita tadi, kita kekurangan pakar. Saya berpendapat apabila teleperubatan ini dapat dilaksanakan, bererti banyak masalah lalu yang kita hadapi, seperti yang saya sebutkan tadi ada pesakit-pesakit yang perlu rawatan segera dan juga ada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pakar yang mana pakar tidak ada di situ, mendapat rawatan apabila teleperubatan ini telah pun diluluskan dan dapat terlaksana di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menggesa supaya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha-usaha untuk mencapai hasrat yang saya sebutkan tadi, kerana saya berpendapat bahawa tanpa kerjasama daripada dua kementerian ini tentulah sukar perkara-perkara ini dapat dilaksanakan. Kita bersyukur kerana hari ini kita telah melancarkan satelit, jadi kemudahan-kemudahan ini dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu memikirkan apabila teleperubatan ini diluluskan, kita ingin mendapat perkhidmatan daripada pakar luar negara. Saya juga menyokong apa yang disebutkan tadi peruntukan Fasal 3(1) dan 3(2) iaitu mana-mana pengamal daripada luar negara yang ingin memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit di negara kita haruslah melalui pengamal-pengamal perubatan dalam negara.

Saya ingin sebutkan di sini, kita perlu mengubah pemikiran kita dari selalu kita merasakan bahawa inferiority, kita harus mendapatkan kepakaran daripada luar negara kepada kita memberi kepakaran kepada negara yang lain. Saya berkeyakinan dengan kemampuan dan juga kebolehan pakar-pakar dalam negara kita sama ada hospital-hospital dalam negara kita, lebih-lebih lagi pihak-pihak swasta yang telah pun mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan klinik swasta dan sebagainya. Contohnya Ampang Puteri, salah sebuah daripada pusat perkhidmatan swasta yang mempunyai segala kepakaran dan juga segala kemudahan peralatan yang canggih walaupun bayarannya mahal.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bagaimana role model kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat pembedahan jantung di negara kita sedangkan bagi kami di negeri Perlis, kami berpengalaman salah seorang daripada Menteri Besar kami membuat pembedahan di luar negara, apabila pulang terus tidak berkhidmat dan kesihatannya terus merosot sama sekali. Jadi, kita selalu memikirkan bahawa kita harus mendapat perkhidmatan daripada luar negara.

Saya berfikir kita kena reverse pemikiran kita. Kita mengadakan teleperubatan, kita cuba meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan di dalam perubatan dan juga kesihatan ini untuk kita memberi perkhidmatan kepada negara-negara luar, kerana kepakaran-kepakaran yang ada di negara kita dalam setengah-setengah bidang saya rasa adalah kepakaran-kepakaran yang boleh dipercayai. Dengan pemikiran yang sedemikian, kita boleh memanfaatkana Rang Undang-undang Teleperubatan ini kepada dua hala, sama ada dalam keadaan-keadaan tertentu, kemungkinan kita memerlukan kepakaran-kepakaran daripada luar negara tetapi kita dalam keadaan-keadaan selalu kita cuba mewujudkan satu kemudahan teleperubatan untuk kita memberikan perkhidmatan kepada negara-negara serantau dan juga negara-negara lain di dunia ini. Dengan itu, saya berfikir bahawa rang undang-undang ini akan memberi manfaat yang besar. Dalam masa yang sama, selain daripada pemimpin-pemimpin negara, melalui teleperubatan juga kita akan dapat mengharumkan nama negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja pandangan yang dapat saya kemukakan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini. Kita berharap dari pihak Setiausaha Parlimen yang akan menjawab nanti, kita akan dapat mendengar sejauh mana persediaan pihak kementerian untuk memastikan supaya teleperubatan ini dapat dilaksanakan segera di dalam negara kita.

Sekian, saya juga turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu.

6.59 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997.

Saya ingin membangkitkan serba sedikit mengenai undang-undang teleperubatan ini. Saya dengan ini juga menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Maksud saya, saya ingin minta penjelasan, walau bagaimanapun, rang undang-undang ini yang tepat sekali untuk kita di negara Malaysia tetapi saya khuatir sebab teleperubatan ini belum sampai di kawasan pedalaman oleh sebab kekurangan bekalan elektrik. Oleh sebab itu, saya berharap Kementerian Kesihatan akan secepat mungkin memberi alat-alat seperti komputer ini untuk digunakan oleh hospital-hospital di daerah pedalaman untuk mempercepatkan perubatan pesakit-pesakit yang kita sukar menghantar secepat mungkin ke hospital besar di negeri masing-masing.

Oleh itu, saya juga berasa khuatir apabila kita mengguna teleperubatan ini oleh sebab banyak masalah kita akan menghadapi, iaitu seperti kita menggunakan perkhidmatan ini dari luar negeri untuk membantu. Kadangkala kita dapat akses daripada luar negara, mungkin akses itu dapat intercept, kerana kita minta maklumat

bagaimana kita boleh pakar-pakar pengamal perubatan kita di sini untuk meminta maklumat untuk pesakit-pesakit yang dirawat. Oleh itu, kemungkinan kebanyakan orang menggunakan alat komputer ini sukar kita kesan, tetapi saya harap Kementerian Kesihatan juga akan sentiasa mengadakan seorang pakar atau seorang jagaan dalam masa 24 jam untuk memeriksa atau berkhidmat menggunakan teleperubatan ini supaya tidak disalahgunakan oleh mereka yang betul-betul hendak menggunakan teleperubatan ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin minta penjelasan, oleh rakan kita tadi telah menyebut sebanyak kita di pedalaman menggunakan ubat-ubat tradisional. Oleh itu, ubat tradisional tidak dapat kita mengambil maklumat dalam segala teleperubatan. Saya berharap ini juga boleh dimasukkan dalam teleperubatan untuk Kementerian Kesihatan kita di negara ini. Kerana itu kita bukan berharap dengan ubat-ubat daripada luar negeri. Sama ada kita mesti ingat ubat-ubat tempatan boleh digunakan juga.

Selain daripada itu juga, saya berharap Kementerian Kesihatan telah menggunakan teleperubatan ini sepatutnya memberi latihan atau khusus kepada jururawat-jururawat, lebih-lebih lagi jururawat yang bertugas di pedalaman, walaupun mereka sentiasa tidak dapat mengikuti kursus khas untuk mereka, tetapi kita boleh anggap diberi perkhidmatan yang lebih cepat untuk menggunakan teleperubatan kepada mereka. Dan juga kita menggunakan teleperubatan ini kerana orang pedalaman, hospital di pedalaman tidak dapat menghubungi pakar-pakar seperti pengamal perubatan bagaimana mereka akan memberi ubat-ubatan untuk pesakit-pesakit itu. Saya telah difahamkan pegawai perubatan di luar bandar hanya dapat memberi ubat-ubatan yang terkawal tidak lebih daripada seorang pakar seperti doktor. Oleh itu, ubat-ubat itu tidak dapat digunakan di luar bandar. Mereka sentiasa menunggu arahan oleh doktor baru dapat ubat yang sepatutnya menyembuh pesakit-pesakit itu.

Oleh itu juga, saya mengalu-alukan teleperubatan ini diwujudkan secepat mungkin kepada kawasan-kawasan pedalaman untuk mempercepatkan kepada pesakit-pesakit yang tidak mampu pergi ke negeri masing-masing untuk rawatan yang lebih tepat. Baru-baru ini kita telah melihat di Sarawak ada satu virus yang baru kita ketahui, iaitu telah membawa maut kepada 14 orang kanak-kanak, empat di Sarikei, lapan di Sibui, dua di Kuching. Oleh itu, kita telah menggunakan teleperubatan ini, saya berharap Kementerian Kesihatan dengan secepat mungkin untuk dapat kita membuat mencari bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

7.06 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan memberi secara rumusan sahaja. Saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan ingin memberi penekanan kepada tiga perkara yang saya anggap sebagai kebimbangan atau dengan izin, apprehension kepada pesakit-pesakit, terutamanya saya rasa kepada wanita selalunya takut untuk pergi doktor dan sebagainya.

Pertamanya, ialah tentang etika. Dalam kita mengaplikasikan teknologi yang bertahap lebih tinggi dalam bidang perubatan, kita tahu bahawa bidang perubatan juga sekarang ini semakin menjadi komersial. Ini bermakna kita tahu juga yang kosnya bertambah. Bukan sahaja kosnya bertambah, tetapi juga persaingan untuk memberi khidmat perubatan juga adalah satu perkara yang agak lazim sekarang ini. Justeru itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian sama ada pihak kementerian dalam memperkenalkan teleperubatan ini nanti akan mewujudkan satu etika teleperubatan. Walaupun kita tahu doktor-doktor adalah tertakluk kepada ikrar Hippocratic, ikrar Paracelsus dan sebagainya. Tetapi adakah pihak kementerian akan menggubal satu etika khas untuk teleperubatan kerana ciri-ciri perubatannya yang

berbeza daripada perubatan yang wujud sekarang, terutamanya dari segi penggunaan teknologi, dan sepertimana juga rakan-rakan yang telah bangun membahaskan rang undang-undang ini menyatakan kemungkinan adanya kekeliruan atau besar kemungkinannya maklumat-maklumat yang diterima melalui komputer itu tidak dapat diterima dengan jelas dan tidak dapat juga diberikan ketepatan dari segi maklumat untuk sesuatu kes perubatan. Jadi, adalah sangat penting dalam suasana ini bahawa satu etika lebih mantap dapat digubal dan seharusnya dipastikan dapat dikuatkuasakan.

Yang keduanya, ialah tentang kemahiran. Di sini kita akan dapati bahawa pengamal-pengamal perubatan yang akan mengamalkan teleperubatan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 3 yang telah juga ditetapkan bahawa mereka perlu berdaftar dan perlunya memegang akuan dan sebagainya, adalah diharapkan dan disarankan bahawa pihak Kementerian Pendidikan akan benar-benar memastikan bahawa peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi pengamal perubatan ini benar-benar merupakan peraturan-peraturan yang menepati kehendak-kehendak profesion perubatan itu agar kita tidak akan dapat kompelin-kompelin yang mencurigai perkhidmatan perubatan tersebut.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menyarankan pihak kementerian dalam Fasal 6 mengenai standard minimum perkakas, kemudahan komputer dan sebagainya yang merupakan alat-alat penting dalam teleperubatan juga dipastikan peraturan-peraturannya begitu ketat dan terperinci dan seterusnya ada tindakan penguatkuasaan untuk memastikan mesin-mesin dan alat-alat ini menepati kehendak teleperubatan yang munasabah.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa juga perkara yang sangat penting dalam teleperubatan ialah tentang Fasal 5 iaitu persetujuan pesakit. Di sini dikatakan bahawa seseorang yang ingin mendapat khidmat pengamal teleperubatan berdaftar, perlulah memberikan persetujuan bertulis. Kita tahu bahawa persetujuan bertulis ini memang selalu kita dapat, terutamanya bila kita dapat khidmat perubatan, dan biasanya kita akan tandatangan sama ada sebagai pesakit itu sendiri ataupun waris pesakit. Tetapi dalam konteks teleperubatan ini saya rasakan standard untuk menentukan persetujuan bertulis itu benar-benar merupakan satu persetujuan yang sah atau valid, dengan izin, adalah lebih tinggi, kerana di sini kita tahu ianya adalah satu bidang yang lebih canggih ataupun satu bidang yang mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi dan juga merupakan satu bidang yang baru.

Jadi, adalah sangat penting bahawa pesakit itu diberitahu dengan sebenarnya apa yang akan dilalui olehnya untuk mendapatkan khidmat teleperubatan ini. Kerana kita juga tahu bahawa kadangkala sebagai pesakit kadang-kadang doktor tidak berapa mahu menceritakan tentang sakit dan juga apa yang akan dilalui. Tetapi adalah diharapkan bahawa apa yang diperuntukkan di bawah Fasal 5, para (2) yang diikuti dengan para (a), (b), (c), (d) itu akan sebenarnya dilaksanakan dan pihak pesakit itu dimaklumkan butir-butiran tentang apa perkhidmatan teleperubatan akan dilaluinya dan sebenarnya memahami persetujuan yang akan diberi olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mengalu-alukan peningkatan teknologi dalam bidang teleperubatan yang diharapkan akan memberikan khidmat perubatan yang lebih menyeluruh dan juga tidak menafikan kumpulan-kumpulan tertentu daripada perkhidmatan kesihatan. Kita juga berharap bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Teleperubatan ini yang seterusnya akan menjadi akta bahawa mutu khidmat kesihatan juga akan dipertingkatkan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

7.14 mlm.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong rang undang-undang ini. Beberapa masalah dan beberapa perkara disebutkan di sini. Mengenai soalan dari Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu mengenai kos infrastruktur komunikasi data yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan, Kementerian Kesihatan telah menjalankan kajian tentang kos pelaksanaan teleperubatan.

Teleperubatan akan dilaksanakan secara projek perintis dan akan dinilai dari sudut kos pengamalan proses kerja, pengambilan oleh pesakit-pesakit dan lain-lain aspek. Selepas penulisan dicapai ke atas hasil penilaian barulah pengguna teleperubatan akan diperluaskan. Saya boleh kata ini boleh jadi satu affordable cost teleperubatan. Soal Ahli Yang Berhormat berkenaan menyentuh mengenai pengawal alat-alat teleperubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan untuk standard minimum berkenaan dengan kemudahan komputer, perkakas, alat-alat dan sebagainya yang digunakan dalam amalan teleperubatan, memang ada satu standard.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu pun menyoalkan perkara keadaan klinik dan hospital-hospital berkenaan dengan wajar keutamaan diberi kepada perkhidmatan teleperubatan memandangkan keadaan hospital dan klinik sekarang menghadapi serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan ini, kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan setiap hospital ataupun klinik-klinik di mana ada teleperubatan di bawah Kementerian Kesihatan mempunyai peralatan dan kemudahan asas. Peruntukan berpatutan diberikan setiap tahun untuk membekalkan peralatan dan kemudahan asas kepada klinik dan hospital yang memerlukan.

Kementerian mengadakan Rang Undang-undang Teleperubatan bagi mengawal amalan teleperubatan yang sedang dimulakan di hospital-hospital negara ini terutama di hospital-hospital swasta dan mengadakan Rang Undang-undang Teleperubatan ini tidaklah bermakna bahawa kementerian mengabaikan perkhidmatan asas, akan tetapi ianya adalah untuk memberi hospital dan klinik dan pengamal perubatan di negara ini peluang untuk menggunakan perkhidmatan berteknologi baru secara dikawal.

Bagi hospital-hospital atau klinik-klinik kementerian akan memulakan teleperubatan dari segi projek prioriti dan projek ini adalah demi untuk kebaikan pesakit-pesakit yang berada di kawasan yang kekurangan pakar-pakar. Memang ada beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyoalkan di sini, hospital di pedalaman mereka tidak dapat pakar-pakar dan memang ada masalah, melalui teleperubatan seumpamanya di Hospital Labuan, kita tidak ada menempatkan pakar di situ, oleh itu mereka boleh dihubungi dengan hospital di Kuala Lumpur dan pakar dari Kuala Lumpur boleh memberi nasihat, rawatan melalui teleperubatan.

Inilah cara kita memulakan dengan hospital-hospital pedalaman dari Sabah dan Sarawak memang dapat lebih bantuan melalui Akta Teleperubatan, sebab hospital pedalaman tidak ada sekarang pakar-pakar dan melalui teleperubatan memang boleh mendapat semua nasihat dan rawatan melalui pakar-pakar yang ada di dalam pekan-pekan di luar tempat yang mana ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat soalkan mengenai mendapatkan maklumat pembentukan whether you go into Internet directly or whether you commit a mistake, wrong. Ya, memang ada, inilah yang menjadi masalah. Melalui doktor boleh. Melalui seorang doktor, you boleh minta dengan doktor yang melawat, tetapi yang terus menghubungi itulah yang menjadi masalah, you melanggar undang-undang yang ada di sini. Memang ada di dalam undang-undang ini dengan RM5,000

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, iaitu sekarang ramai menggunakan Internet hendak berhubung dengan orang di antarabangsa, macam mana kita hendak pastikan siapa yang bersalah, itulah satu cara, satu kawalan yang tiada dalam undang-undang ini.

Dato. M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita faham ramai orang yang menggunakan Internet. Tetapi masalahnya, kita mahu control dengan menggunakan teleperubatan, kalau kita lepas biarkan, sesiapa sahaja suka boleh menghubungi dengan luar negara ataupun doktor-doktor di sini, tidak ada dengan orang yang lain, tidak orang dari luar, tidak dengan mereka, kita tidak tahu mereka doktor ataupun bukan doktor, mereka tidak daftar dengan doktor di sini, ini semuanya boleh menimbulkan masalah.

Oleh itulah, kita fikir doktor-doktor di luar negara yang ada pengalaman, mereka memang mendaftar dengan Majlis Perubatan di sini, melalui itu dan kita boleh menghubungi mereka melalui daftar itu, kalau tidak, kita dengan tidak ada dengan pakar-pakar kita yang tidak diisytiharkan ataupun kita tidak menerima, itu semua yang boleh menjadi masalah.

Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat juga ada menyebut berkenaan dengan virus kawasaki. Tengok macam Japanese punya motosikal, macam mana pula virus kawasaki. *[Ketawa]* Kita tengok apa ini kawasaki? Tetapi di dalam

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, penyakit kawasaki. Virus coxsackie, virus coxsackie, penyakit kawasaki. *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada di Kementerian Kesihatan, saya bukannya doktor. Terima kasihlah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Itulah doktor yang sebenarnya.

Virus ini yang kita lihat, kita tidak ada satu history berkenaan ini, ini yang menjadi satu masalah, saya fikir dekat 12 orang telah meninggal dunia kena penyakit ini di Sarawak dan kita pun tidak ada history, dengan ini kita hantar satu pakar dari WHO dari sini ke Sarawak dan juga pegawai pediatrik dari Ipoh pun ada pergi ke tempat itu, tetapi kita ada minta melalui Internet Health, oleh itu orang-orang yang tahu mengenai perkara ini boleh memberitahu. Kita tidak ada macam virus serupa macam virus kita ada dengan HIV dan lain-lain virus, memang kita tidak ada ubat-ubatan kita tidak boleh beri.

Oleh itu, kita menunggalah apa yang kita dapati melalui Internet kita tidak tahu. Oleh itu, saya ingin memberitahu di sini penting kita ada dengan 'information technology' seperti teleperubatan boleh dapat lebih manfaat kepada rakyat jelata di sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz ada minta sama ada, ada program penerangan mengenai teleperubatan perlu dilaksanakan untuk pengetahuan orang ramai dan juga sama ada kementerian akan menggubal dasar ataupun kegunaan ubat dalam perkhidmatan perubatan, ada banyak perkara yang telah disebutkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya, adalah dimaklumkan bahawa satu program promosi penggunaan teleperubatan untuk orang ramai dan juga untuk pengamal-pengamal perubatan sedang dirancang. Kementerian juga akan mendapati bahawa terdapat beberapa negara sedang menjalankan penyelidikan untuk menggunakan robot dalam perawatan pesakit.

Buat masa ini adalah difahamkan bahawa ianya masih di tahap penyelidikan. Kementerian sememangnya akan menggubal dasar-dasar dan garis panduan mengenai mana-mana teknologi baru seperti robot jika ada apabila ianya hendak digunakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia ada menyentuh berkenaan perkara mengenai keperluan pengamal perubatan mematuhi etika perubatan semasa menjalankan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di bawah perkhidmatan teleperubatan adalah sebahagian daripada amalan-amalan yang telah diberikan oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Dengan ini setiap pengamal perubatan yang mengamalkan teleperubatan juga tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 dan juga kod etika profesion perubatan yang sedia ada. Bagi pengamal perubatan teleperubatan luar negara, mereka akan disyaratkan untuk memahami dan mematuhi kod etika Majlis Perubatan Malaysia semasa memberi perkhidmatan mereka melalui teleperubatan.

Yang Berhormat Senator Puan Kamalia pun menyebut dengan mematuhi mengenai isu konsep atau persetujuan pesakit, kementerian berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan mengenai persetujuan pesakit adalah tepat dan mencukupi dan ianya tidak perlu ditambah lagi.

Fasal ini diadakan untuk memastikan pesakit diberi perlindungan yang mencukupi dengan tidak menjejaskan pengalaman teleperubatan. Soal sama ada persetujuan telah diberi secara bebas atau tidak akan bergantung kepada semua faktor-faktor kes yang akan ditimbang oleh mahkamah. As usual, as any other cases around that.

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang ada menyebut berkenaan ubat-ubat tradisional memasuki teleperubatan. Saya ingat sekarang tidak bolehlah straight, tetapi akan datang di satu masa mungkin, sebab baru-baru ini juga kementerian ada mewujudkan satu jawatankuasa di mana yang jadi leader agensi dengan kerjasama FRIM dan kajian berjalan dengan alternatif medicine.

Walau bagaimanapun, Akta Perubatan sendiri tidak menghalang amalan perubatan tradisional selagi pengamal-pengamal perubatan tradisional ini tidak memberikan tanggapan bahawa mereka adalah sama taraf dengan doktor-doktor swasta dan tidak melanggar peruntukan sepertimana yang terkandung dalam Akta Racun atau akta alternatif medicine. Mereka boleh menjalankan tugas-tugas mereka kalau dia tidak melanggarnya dengan akta alternatif medicine dan Akta Racun mereka boleh menjalankan tugas-tugas mereka. Tetapi saya fikir akan datang satu masa bila alternatif medicine jadi satu perkara yang kita semua boleh menerima, masa itu kita fikir boleh dimasukkan dalam teleperubatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menjawab kemudian dengan bersurat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ya, ada banyak jawapan di sini, tetapi ada jawapan yang saya fikir telah dijawab.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapalah, kalau ada lagi, kita boleh menunggu dengan sabar, cari satu demi satu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan tadi, teleperubatan ialah satu maklumat yang baru kita jalankan dan IT melalui MSC, kita tidak tahu apa yang ada, memang ada dan yang kita jalankan sekarang memang boleh ditukar pada tahun hadapan atau sebagainya, oleh itu memang kita datang lagi ke Parlimen dan jika ada apa-apa perubahan akan kita pinda lagi. Tetapi kita tidak ada jalan kalau kita boleh lepaskan begitu sahaja, oleh itulah kita mahu menjalankan teleperubatan.

Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi nasihat dan soalan-soalan mengenai dengan Akta Teleperubatan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa***].

Pada masa-masa akan datang ada kemungkinan perkembangan-perkembangan dan penyelidikan dalam bidang robotik dan elektronik yang sedang diusahakan di negara-negara yang asing akan menghasilkan teknologi di mana seorang pengamal perubatan boleh menjalankan pembedahan dari jarak jauh. Amalan-amalan perubatan yang diberikan ini melalui teleperubatan ini haruslah dilaksanakan dalam environment yang terkawal dan teratur demi menjamin kepentingan orang ramai dan kesihatan pesakit tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini. Sehubungan dengan ini kementerian mencadangkan satu akta baru yang dinamakan Akta Teleperubatan 1997 diwujudkan bagi mengawal amalan, teleperubatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mencadangkan subseksyen 3(1) bagi memastikan hanya pengamal-pengamal perubatan dibenarkan mengamal teleperubatan di negara ini. Perenggan 3(1)(a) memperuntukkan mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mempunyai sijil pengamalan yang sah mengambil teleperubatan di negara ini. Seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dibenarkan berinteraksi secara terus dengan pesakitnya melalui teleperubatan dari dalam ataupun dari luar negara.

Perenggan 3(1)(b) memperuntukkan pengamal perubatan yang tidak berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia akan tetapi beliau didaftarkan atau dilesenkan di luar negara untuk mengamal teleperubatan di Malaysia sekiranya beliau mempunyai Sijil Amalan untuk mengamal teleperubatan yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan beliau mengamal teleperubatan dari luar negara melalui seorang pengamal perubatan berdaftar.

Subperenggan 3(1)(b)(i) bertujuan untuk membolehkan Majlis Perubatan Malaysia menapis pengamal-pengamal perubatan yang memohon untuk mengamal teleperubatan di negara ini dengan mengesahkan, di antara lain, kesahihan kelulusan, kelayakan kepakaran, status pendaftaran sipemohon dengan Majlis Lembaga Perubatan negara berkenaan.

Subperenggan 3(1)(b)(ii) mengkehendaki pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di luar negara yang dibenarkan mengamal teleperubatan tersebut memberi perkhidmatan konsultasi, rawatan diagnosis dan sebagainya melalui seorang pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis ini dan tidak terus kepada seorang pesakit. Ini bertujuan untuk memelihara kepentingan pesakit di Malaysia di mana ianya akan memastikan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia bertanggungjawab ke atas pemeriksaan fizikal, ujian, rawatan seseroang pesakit di negara ini dan ianya juga akan memastikan arahan atau nasihat pengamal perubatan di luar negara tersebut dapat dilaksanakan oleh pengamal perubatan berdaftar tersebut.

Subseksyen 3(2) dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk membenarkan orang-orang tertentu yang bekerja di bawah penyeliaan, arahan dan kuasa seorang pengamal perubatan berdaftar penuh untuk mengamal teleperubatan. Peruntukan ini bertujuan untuk membolehkan seseorang kakitangan kesihatan misalnya, doktor pelatih, jururawat berdaftar, pembantu perubatan berdaftar dan kategori kakitangan kesihatan lain untuk mendapatkan konsultasi, nasihat, arahan

mengenai rawatan seseorang pesakit dari seseorang pakar yang berada di sesuatu lokasi yang lain dengan cara yang lebih efektif dan cepat.

Subseksyen 3(3) menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang selain yang dibenarkan di bawah undang-undang ini untuk mengamal teleperubatan di negara ini.

Subseksyen 4(1) menetapkan prosedur bagi mendapatkan sijil untuk mengamal teleperubatan. Hanya pengamal perubatan yang didaftar atau dilesenkan di luar negara sahaja dikehendaki mohon sijil tersebut.

Subseksyen 4(2) menetapkan tempoh laku sesuatu sijil kepada tempoh yang tidak melebihi 3 tahun dan memperuntukkan kuasa bagi Majlis Perubatan Malaysia untuk mengenakan terma-terma atau syarat-syarat amalan teleperubatan ke atas sipemegang sijil.

Subseksyen 4(3) membolehkan Majlis membatalkan sesuatu sijil jika Majlis mendapati sipemegang sijil berkenaan telah melanggar mana-mana terma atau syarat yang telah dikenakan ke atas beliau.

Subseksyen 4(5) memberi kuasa kepada menteri untuk membuat keputusan ke atas mana-mana rayuan berkaitan sesuatu permohonan atau pembatalan sesuatu sijil.

Kementerian mencadangkan Seksyen 5 untuk menjaga hak seseorang pesakit untuk menerima, menolak atau menarik diri daripada sesuatu rawatan teleperubatan. Seksyen 5 juga bertujuan untuk menjamin kerahsiaan maklumat mengenai pesakit yang diterima melalui amalan teleperubatan. Peruntukan ini mengkehendaki seorang yang mengamal teleperubatan untuk mendapatkan kebenaran pesakit atau inform concern, dengan izin, sebelum teleperubatan diamalkan berkaitan pesakit berkenaan. Peruntukan ini juga menetapkan prosedur untuk mendapatkan kebenaran pesakit serta penalti yang dikenakan ke atas seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang didapati melanggar peruntukan tersebut. Rang undang-undang ini tidak mempunyai apa-apa peruntukan mengenai akses atau pencerobohan yang tidak dibenarkan adalah kerana perkara-perkara tersebut dikawal oleh Akta Jenayah Komputer 1997.

Rang undang-undang ini juga tidak mempunyai apa-apa peruntukan mengenai liabiliti pengamal-pengamal teleperubatan. Kedudukan ini adalah sama seperti Akta Perubatan 1971 dan kebanyakan akta-akta lain yang mengawal profesion-profesion yang berkaitan. Isu liabiliti adalah di kawal oleh Common Law, dengan izin, Undang-undang Am, Tort dan terutamanya undang-undang kecuaiian (negligent) akan memutuskan mengenai persoalan liabiliti.

Kerajaan tidak bercadang menubuhkan apa-apa bayaran atau lembaga untuk mengawal selia amalan teleperubatan. Pengawal selia amalan perubatan yang pada masa ini dikawal oleh Majlis Perubatan Malaysia akan turut mengawal amalan teleperubatan yang merupakan sebahagian daripada amalan perubatan.

Seksyen 6 dicadangkan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, di antara lain, peraturan-peraturan akan menyediakan standard minimum bagi kemudahan dan peralatan yang akan digunakan di dalam amalan teleperubatan, pengawalan ke atas kualiti perkhidmatan teleperubatan, penyenggaraan rekod atau laporan berkaitan dengan teleperubatan serta mengadakan penalti-penalti yang hendak dikenakan bagi pelanggaran peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya bagi pengamalan teleperubatan menepati piawaian-piawaian dan kaedah-kaedah perubatan yang boleh diterima dalam zaman teknologi maklumat. Ia adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan amalan teleperubatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

6.25 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Tafsiran teleperubatan ialah amalan perubatan dengan menggunakan komunikasi audio visual dan data.

Teleperubatan adalah satu flagship daripada 7 flagship yang telah memohon untuk information technology dalam Multimedia Super Corridor.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang akan menggunakan teknologi yang canggih atau hi-tech untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat. Ini sejajar dengan dasar kerajaan iaitu kesihatan untuk semua dan akan memberi aksesibiliti kepada affordable dan good quality health care, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dan yakin penggunaan teleperubatan itu akan membawa kepada satu tahap di mana penyampaian perkhidmatan kesihatan adalah berkesan dan efektif kepada semua rakyat di negara ini. Melalui teleperubatan itu kita boleh dapat perkhidmatan yang berkualiti daripada pakar-pakar perubatan bukan sahaja daripada dalam negara, tetapi juga daripada seluruh dunia, seperti yang telah dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Tanpa MSC, pakar-pakar perunding hanya memberi perkhidmatan mereka kepada pesakit-pesakitnya di tempat-tempat yang tertentu. Sebagai contoh pesakit-pesakit boleh mendapat rawatan di Hlyis Street di London ataupun Klinik Mayo di USA, tetapi melalui MSC dan teleperubatan, kita boleh mendapat perkhidmatan mereka melalui teleperubatan.

Saya harap jika kita ada kemudahan teleperubatan ini, pada masa kini, saya harap penyakit Kawasaki di Sarawak akan dikurangkan. Bukan sahaja kita boleh dapat perkhidmatan perubatan yang dikehendaki daripada luar negeri, tetapi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada kawasan luar bandar saya harap akan dipertingkatkan. Jika klinik-klinik di kawasan luar bandar dilengkapkan dengan kemudahan teleperubatan itu. Jika kawasan luar bandar tidak diberikan tumpuan yang dikehendaki jurang perbezaan di antara luar bandar dan bandar akan diperluaskan. Apa yang saya maksudkan di sini, Tuan Yang di-Pertua ialah penduduk di bandar akan menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti termasuk pakar perunding daripada luar negeri, tetapi penduduk di kawasan luar bandar hanya mendapat perkhidmatan daripada bidang dan penolong pegawai kesihatan dan tidak mendapat rawatan daripada specialist ataupun pakar-pakar perunding. Saya harap Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian yang serius kepada kelengkapan teleperubatan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor yang saya ingin mendapat penjelasan ialah adakah kos purata perubatan kepada seseorang rakyat akan dinaikkan apabila kita mengimplimentasikan perkhidmatan teleperubatan. Adakah satu sistem teknologi yang can be put in place di mana kualiti perkhidmatan dipertingkatkan, tetapi kos tidak dinaikkan sejajar dengan kualiti itu.

Fasal 1 hingga 6 -

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, minta maaf, tadi saya hendak berucap tidak dapat, disebabkan ramai sangat yang berucap. Saya kasihan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini. Tetapi tidak apalah kerana saya hendak bertanya pendek sahaja.

Mengenai Fasal 5, tadi Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah pun bawa, tetapi tidak tepat pada perkara yang saya hendak bawa ini, iaitu berkenaan dengan persetujuan pesakit. Kalau pesakit itu boleh menandatangani, boleh bersuara, tidak ada masalah. Tetapi kebanyakan pesakit-pesakit biasanya dia tidak sedar, dia tidak boleh bersuara, dia tidak boleh bergerak tangan. Oleh itu masalah timbul dan susah dia hendak beri persetujuan. Baik, kalau kita pergi kepada seksyen 5(5), kita dapati kalau pesakit itu belum dewasa tidak ada masalah, sahabatnya ataupun bapanya ataupun penjaganya atau *ad idem* boleh memberi kebenaran. Tetapi kalau dia mengalami ketakupayaan mental, kita tidak tahu apa jenis ketakupayaan mental.

Masalah yang timbul di sini ialah seksyen 5(2) - persetujuan diberi dengan membincangkan, dengan tabib ataupun doktor yang hendak menjalankan operasi ataupun untuk hendak mengubat pesakit itu yang dia ini tidak dapat memberi persetujuannya sendiri. Tetapi wakilnya hendak memberi persetujuan itu. Dalam Fasal 5 ini tidak ada menyebutkan bahawa wakilnya itu ataupun penjaga *ad idem* itu terpaksa berbincang dengan doktor dahulu, sebab persetujuan untuk membincangkan risiko-risiko dari segi menggunakan teleperubatan tadi hanya diberi kepada pesakit sahaja, tetapi kepada wakilnya tidak ada, senyap sahaja, dengan izin, saving clause pun tidak ada.

Oleh itu, bukanlah kita hendak membawa ke mahkamah tiap-tiap perkara yang kita ada masalah. Kita bukannya penggubal undang-undang, tetapi kita meluluskan undang-undang dan apabila kita luluskan undang-undang, kita mesti tahu apa yang kita hendak luluskan, sebab kadang-kadang mahkamah akan memikirkan apa dalam fikiran Parlimen pada masa kita hendak meluluskan undang-undang itu.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, maknanya tidak tepatlah dari segi kebenaran yang diberi oleh *ad idem*, bukannya 'ad litton' dan juga wakilnya, sebab dia tidak ada menyebut di sini. Ia beri begitu sahajakah, sebab masalah akan timbul apabila pesakit itu dia meninggal duniakah, ada cacatkah selepas operasi itu melalui teleperubatan. Ini masalah yang timbul, tetapi tidak ada clause dalam fasal yang memberi kepada wakilnya itu, nanti wakilnya akan dituntut oleh wakil dan waris lain pula.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat berkenaan pun adalah seorang peguam. Beliau meminta saya interpretasi dengan subseksyen 5(5) yang mana dikatakan jika pesakit ini belum dewasa atau mengalami ketakupayaan mental yang sedemikian rupa sehingga menyebabkan tidak berupaya untuk memberikan persetujuan berpengetahuan, maka persetujuan boleh diberikan bagi pihaknya oleh sahabat wakilnya atau penjaga *ad idem*-nya. I think it is straight forward, saya pun seorang peguam, tetapi kita mempunyai fikiran yang lain. Jika kita tengok pesakit memang dengan practice seorang peguam pun kita tahu terhadap seorang pesakit mental, memang kita gunakan dengan melalui Mental Ordinance we get the consent from the people concerned according to the Mental Ordinance. Tetapi lain-lain pesakit....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Saya ingat dia hendak.....

Dato' M. Mahalingam: Saya hendak jawab dahulu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sama ada Tuan Pengerusi, membenarkan penggunaan bahasa Inggeris tanpa izin, mengikut standing order.

Dato' M. Mahalingam: Tanpa izinlah.

Tuan Pengerusi: Sudah faham, dengan izin.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Penjelasan dalam bahasa Inggeris itu, sama ada Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Dengan izinlah itu, boleh dibahaskanlah, dengan izin.

Dato' M. Mahalingam: Kita semua faham.

Tuan Pengerusi: Sebab ini medical term.

Dato' M. Mahalingam: Ini yang teknikal semua, sebab itu kita menggunakan, seorang peguam memang dia faham. Yang Berhormat pun faham, saya tengok Yang Berhormat menggunakan....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, bukan masalah faham, tetapi masalah Standing Order.

Dato' M. Mahalingam: Standing Order pun dengan izin. Ya, saya sudah sebut. Saya ingat Yang Berhormat tidak dengar. [Ketawa] Oleh itu kita ada interpretation, kedua-dua side pun boleh, tetapi saya fikir memang ada kes-kes, ada seorang individu yang mahu mendapat consent seperti yang kita tengok dengan will, dengan izin, kalau mereka sakit kita mendapat satu surat yang mana mereka boleh memberi consent - memang itu semuanya ada. Itu yang general common law, kita boleh ikut, bukan kita mahu tafsirkan dalam rang undang-undang di sini. Saya fikir ini mencukupi, kalau saya fikir tidak mencukupi, kita akan bawa ke Dewan Parlimen yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kalau boleh rujukkan dalam bahasa Inggeris, barangkali lebih terang mengenai seksyen 5(5).

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya sudah biasa bercakap Melayu, itu susah. Dahulu biasa cakap Orang Putih, sekarang ini sudah cakap Melayu, jadi seksyen 5(5)....

Tuan Pengerusi: Serupa juga.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak boleh. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun boleh faham. Jadi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tetapi kata 'or 'is under such mental disability.....'

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Faham, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi, orang yang sakit tiada mental disability, wakilnya boleh....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Faham Tuan Pengerusi. Saya faham itu. Yang saya persoalkan bahawa seksyen 5(2) itu tidak diberi kepada wakilnya, oleh itu kalau dia seorang doktor, pesakit ini tidak boleh tandatangan. You tolong tandatangan, dia tandatangan sahajalah, maknanya tidak payahlah dia bincang, dia diberitahu. Itu yang saya persoalkan tadi. Sebab tidak ada clause yang memberi peluang untuk dia berbincang tadi. Itu masalahnya, itu sahaja. Dari segi benda lain itu saya faham.

Saya minta maaf Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebab dalam Jawatankuasa ini biasanya kita boleh dengan izin, relax sedikit dari segi prosedur itu. Jadi, kalau saya hendak bangun dua tiga kali pun boleh, sebab dalam Jawatankuasa, dalam Jawatankuasa ini kita kena bincang satu persatu, sepatutnya kena soal Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, semua kita boleh bincang dengan terperinci dalam masa Majlis bersidang dalam Jawatankuasa. Itu sebabnya saya bangun dua-tiga kali tadi, tetapi kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak suruh mahkamah itu tidak apalah, kita suruh mahkamah menyelesaikan. [Ketawa]

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, bukan saya kata mahkamah, kalau kita tengok seperti yang diterangkan oleh Tuan Pengerusi, dalam bahasa Inggeris,

dengan izin, it is quite sufficient, saya fikir. Tetapi kalau ada banyak kes atau masalah di masa datang, kita boleh bawa ke Parlimen.

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta 1987. Pembangunan dan kemajuan teknologi terutamanya teknologi maklumat telah mencabar konsep tradisional perlindungan hakcipta. Di samping itu, penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dicadangkan menimbulkan cabaran di samping memberi peluang kepada Malaysia untuk maju dalam bidang teknologi khususnya teknologi maklumat. Kejayaan MSC pada takat tertentu akan ditentukan oleh isi yang bergerak melaluinya, antaranya karya pendidikan, produk-produk hiburan dan maklumat amnya yang dilindungi di bawah Undang-undang Hakcipta.

Untuk membolehkan MSC merealisasikan potensi sepenuhnya perlindungan di sisi undang-undang yang mencukupi perlu diberikan kepada karya-karya ini. Oleh itu, Akta Hakcipta 1987 dipinda bagi maksud ini.

Pindaan akan mempertingkatkan lagi perlindungan hakcipta dengan mengambil kira kemajuan teknologi maklumat dan perkembangan terbaru di peringkat antarabangsa. Peraturan antarabangsa yang baru memberi penyelesaian kepada kemajuan teknologi dan memelihara keseimbangan antara hak tuan punya karya dan kepentingan awam, terutamanya dari segi pendidikan, penyelidikan dan perolehan maklumat.

Perkara-perkara utama yang dipinda adalah seperti berikut:

(i) **Tafsiran “siaran” dan “pencipta” siaran.**

Istilah “siaran” telah ditafsirkan semula untuk mengambil kira apa-apa perkembangan teknologi masa hadapan. Pindaan akan merangkumi pemancaran isyarat penyulitan dan cara untuk penyahsulitan disediakan kepada awam oleh perkhidmatan penyiaran atau dengan persetujuannya. Sehubungan dengan itu, tafsiran “pencipta” untuk sesuatu siaran juga telah dipinda untuk memastikan bahawa hanya orang yang bertanggungjawab ke atas pemilihan kandungan program yang disiarkan adalah “pencipta siaran”.

(ii) **Karya terbitan.**

Karya terbitan memang dilindungi sebagai karya asal oleh akta di bawah seksyen 8. Akan tetapi, hak eksklusif pencipta untuk mengawal perlakuan-perlakuan yang ditetapkan di bawah seksyen 13(1) tidak jelas. Oleh itu, dalam rang undang-undang yang dibentangkan, karya terbitan disenaraikan sebagai satu daripada jenis karya yang

diberi hak-hak eksklusif untuk mengawal perlakuan-perlakuan di bawah seksyen 13(1) itu.

(iii) **Penyampaian kepada orang awam.**

Dengan pindaan ini, pencipta diberi hak eksklusif untuk menyampaikan kepada orang awam dengan cara wayar atau wayarles akan karyanya termasuk penyampaian karya dengan cara yang membolehkan orang awam memperolehi karya itu daripada suatu tempat dan pada masa yang dipilih oleh mereka, iaitu di seksyen 13(1). Tafsiran "penyampaian kepada orang awam" merangkumi siaran dan perhubungan melalui kabel. Oleh itu, kedua-duanya tidak lagi perlu dikekalkan dan dipotong daripada seksyen 13(1).

(iv) **Hak sewaan komersial program komputer.**

Hak sewaan komersial program komputer telah dihadkan dengan memberi pengecualian jika program itu bukanlah matlamat penting penyewaan itu. Tujuannya ialah untuk menentukan orang yang menyewa sesuatu barang yang mengandungi program komputer untuk berfungsi tidak perlu mendapat kebenaran tuan punya program komputer.

(v) **Tempoh perlindungan karya fotograf.**

Tempoh perlindungan karya fotograf dilanjutkan daripada 50 tahun dari karya mula-mula diterbitkan kepada hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya, iaitu di seksyen 17. Pindaan ini memenuhi kehendak tahap perlindungan antarabangsa yang baru, seperti ditetapkan oleh World Intellectual Property Organisation (WIPO), Copyright Treaty 1996 (WCT) yang diwujudkan pada Disember 1996 selepas Diplomatic Conference on Certain Copyright and Neighbouring Right Question yang diadakan oleh WIPO.

(vi) **Pelanggaran dan kesalahan hakcipta.**

Pindaan mewujudkan dua jenis pelanggaran baru di bawah seksyen 36, iaitu:

- (i) perlakuan memintasi tanpa kebenaran apa-apa langkah teknologi yang berkesan yang digunakan oleh tuan punya untuk melindungi karyanya; dan
- (ii) pembuangan atau pengubahan tanpa kebenaran apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik atau pengedaran, pengimportan untuk pengedaran atau penyampaian kepada orang awam tanpa kebenaran, karya atau salinan karya dengan menyedari bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran. Maklumat pengurusan hak adalah maklumat yang mengenal pasti karya, pencipta karya, pemunya apa-apa hak dalam karya atau maklumat tentang terma-terma dan syarat-syarat penggunaan karya yang dilampirkan pada suatu karya atau terdapat berkaitan dengan penyampaian sesuatu karya kepada orang awam. Pelanggaran ini merupakan

suatu perkara baru yang diperakui di peringkat antarabangsa dan terkandung di dalam World Copyright Treaty 1996.

Penalti yang ditetapkan di bawah seksyen 41 untuk kesalahan di atas adalah denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Kesalahan berikutnya dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Denda yang tinggi ini menunjukkan kerajaan memandang serius kepada pelanggaran hakcipta.

Pindaan-pindaan lain adalah pindaan kecil akibat pindaan-pindaan di atas atau untuk memperkemaskan akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Ding Seling.

7.51 mlm.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana telah berjaya untuk mengemukakan pindaan kepada Akta Hakcipta 1991 ianya adalah satu tindakan yang proaktif untuk menentukan bahawa pembangunan perkembangan teknologi yang baru tidak akan menjadi satu sebab di mana orang-orang yang ingin menyalahgunakan akta yang lama boleh menyalahgunakannya tanpa ada kesan atas salah lakunya itu. Dengan itu saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh sedikit mengenai Akta Hakcipta 1987. Kalau tidak salah saya akta ini dahulunya, walaupun ini adalah perkara 'reverse gear' sedikit - minta maaf - akta 1987 itu adalah berdasarkan juga di atas satu budaya negara kita yang mempunyai kebudayaan akademik yang agak tinggi. Oleh yang demikian, maka akta itu tidak merangkumi production orang-orang yang tidak mempunyai kebudayaan akademik yang tinggi. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kebudayaan-kebudayaan orang-orang kita yang di hulu-hulu sungai di mana sebenarnya mereka juga menciptakan sesuatu seperti muzik walaupun kita sering mengatakan bahawa muzik-muzik mereka itu adalah dari segi kebudayaan mereka ataupun culture mereka tetapi sebenarnya ada juga penciptaan-penciptaan yang baru dibuat tetapi tidak direkod dalam apa yang kita lihat dalam bentuk buku ataupun kaset dan sebagainya.

Oleh yang demikian, apabila terdapat orang-orang dari luar misalnya orang Barat datang ke tempat-tempat pedalaman, maka merekalah yang, dengan izin, benefit dari production orang-orang dalam kampung-kampung dan merekalah yang mungkin menggunakan butir-butir itu dalam karya-karya mereka. Bukan sahaja dari segi butir-butir mengenai orang-orang tempatan itu ataupun di hulu-hulu sungai itu tetapi tempat orang-orang di merata negeri kita ini.

Dalam erti kata yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan di sini supaya rang undang-undang yang kita pindahkan hari ini hendaklah juga mengambil kira bukan sahaja perkembangan lanjut sehingga yang begitu canggih tetapi juga merangkumi hakcipta-hakcipta sebahagian daripada masyarakat kita yang menggunakan otak dan fikiran mereka menciptakan sesuatu cerita, muzik ataupun lain-

lain dan mereka diberi benefit, dengna izin, daripada apa yang telah mereka bina ataupun ciptakan.

Saya tahu bahawa cadangan ini adalah sesuatu yang agak luar biasa sedikit oleh kerana bagaimana caranya kita untuk, dengan izin, substantiate apa yang kita lakukan. Kita hanya boleh lihat apa yang orang ciptakan melalui apa yang mereka tulis ataupun dalam ciptaan-ciptaan seperti dalam komputer dan lain-lain tetapi yang dalam otak manusia itu bagaimana caranya. Saya ingin mencadangkan supaya dalam aspek ini kita adakan jabatan seperti jabatan muzium dan juga mereka yang berkenaan dari segi akademik dari universiti-universiti untuk membuat siasatan mengenai orang-orang kita yang mempunyai kebolehan menciptakan sesuatu yang boleh digunakan oleh negara kita sebagai sumbangan memperkayakan budaya kita.

Saya tahu perkara ini sebagai satu perkara yang benar kerana saya adalah seorang dari luar bandar yang sering melihat orang-orang kita menciptakan satu nyanyian baru, lagu baru dan alat-alat muzik yang agak baru, ada perubahan dari yang lama, maka mereka itu hanya gunakannya sebagai satu culture sahaja, sebagai satu kebudayaan sahaja. Jadi, bagaimanakah untuk kita menggunakan kebolehan mereka itu supaya jangan ada orang dari luar negara kita yang datang untuk menggunakan penciptaan mereka itu dan anggapkan perkara itu sebagai mereka punya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkara ini oleh kerana sekarang ini kita sedia maklum dunia kita semakin lama semakin kecil dari segi makna di mana kita boleh melancong atau pergi ke tempat-tempat tertentu dan melihat dan belajar sambil kita berjalan dan dengan itu apa-apa yang kita boleh rakamkan dalam perjalanan kita seperti apa yang selalu dilakukan oleh pelancong-pelancong dari luar negara pergi ke hulu-hulu sungai seperti Sarawak, Sabah dan mungkin di sini juga. Mereka akan gunakan butir-butir itu dalam karya mereka.

Satu misalan yang ingin saya sebutkan di sini ialah yang dibuat oleh seorang yang dinamakan Bruno Manser dan sekarang ini mengikut maklumat yang saya dapati, Bruno Manser ini yang pernah tinggal dengan orang Penan dahulu dalam beberapa tahun sekarang ini beliaulah yang dianggap sebagai seorang pakar mengenai orang Penan walaupun dia, dari pandangan kita orang Penan tidaklah dia pakar oleh kerana beliau datang dan duduk dengan kita beberapa tahun dan sekarang ini dialah yang menjadi pakar dan dia telah menggunakan butir-butir mengenai orang tempatan untuk membuat publisiti-publisiti yang kurang elok, yang kurang baik bagi negara kita Malaysia amnya tetapi khususnya bagi negeri Sarawak.

Inilah satu perkara yang saya 'reverse gear' sedikit, Tuan Yang di-Pertua supaya bagaimana caranya dalam Rang Undang-undang Hakcipta ini bagaimanakah kita untuk melindungi kreativiti-kreativiti orang-orang di luar bandar yang mempunyai kebudayaan namun belum mempunyai kebolehan untuk menulis, merakam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh satu, dua perkara yang lain yang terperinci mengenai rang undang-undang ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya agak tangguh besok? Sambung besok pula Yang Berhormat.

Tuan Ding Seling: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguh pada pukul 2.30 petang 4hb. Jun, 1997.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.